

Jilid I
Bil. 43



Hari Rabu
13hb Februari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6325]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [Ruangan 6368]**
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat)
[Ruangan 6410]**
- Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) [Ruangan 6435]**
- Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) [Ruangan 6440]**
- Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) [Ruangan 6450]**
- Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) [Ruangan 6481]**

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 6434]**
- Akta Prosedur Kewangan 1957—
Menambah Butiran Baru: "Kumpulanwang Amanah Pencen" [Ruangan 6497]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.L.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARAZUMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 13hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

ORANG TIDAK SIUMAN
BERKELIARAN DI BANDAR-
BANDAR

1. **Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak terdapat orang-orang yang tidak siuman berkeliaran di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seremban, Melaka dan Johor Bharu merayau-rayau ke sana ke mari tanpa sebarang tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa; jika ya apakah tindakan yang akan diambil untuk menjaga imej negara kita dari kaca mata pelancong.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Pembangunan Masyarakat semanganya sedar bahawa terdapat orang-orang yang tidak siuman berkeliaran di bandar-bandar besar. Walau bagaimanapun adalah tidak benar bahawa tindakan tidak diambil terhadap mereka. Serbuan kerap dijalankan khususnya di

bandar-bandar besar supaya mereka dapat diselamatkan dan diberi perlindungan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Pengemis atau di Rumah Orang Tua. Pada tahun 1987 hingga 1990, sebanyak 997 serbuan telah dijalankan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi kenyataan saya tidak benar. Tetapi kalau kita jalan di Jalan Tuanku Abdul Rahmah, kita kelihatan masih lagi terdapat pengemis yang berbentuk, bermacam-macam bentuk. Ada yang berbentuk hiburan, ada yang berbentuk tidak siuman, ada yang berbentuk budak-budak dan macam-macam lagi, masih lagi terdapat. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, memang di bandar besar ada orang-orang berbagai jenis, berjalan-jalan. Macam mana kita boleh pastikan dia ada siuman atau tidak; pihak Pembangkang pun kita tidak boleh pastikan. (*Ketawa*)

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian ini sedar bahawa ada sebahagian daripada mereka ini telah dipulihkan. Maknanya telah dihantar ke pusat seperti Tanjong Rambutan ataupun Tampoi. Tetapi mereka ini kadang-kadang disahkan bahawa mereka ini sudah baik, dan

dipulangkan balik kepada keluarga. Tetapi kadang-kadang kedapatan bahawa sebenarnya mereka ini apabila dipulangkan balik, tidak sepenuhnya pulih.

Saya terlibat dengan kes seperti ini. Sebagai contoh, saya menghantar seorang daripada kawasan saya ke pusat pemulihan di Tanjong Rambutan. Kemudian dipulangkan balik kepada keluarga mengatakan beliau ini sudah siuman. Tetapi beberapa hari lepas itu, mula balik merayau-rayau dan mengganggu keamanan. Adakah pihak Kementerian sedar masalah ini. Dan jika sedar adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat seperti Pusat Serenti Pemulihan Dadah, setelah dipulihkan dibawa ke satu tempat lain untuk mereka ini benar-benar dipulihkan untuk masuk ke dalam masyarakat. Diberi occupational therapy, memulihkan mereka ini dari pekerjaan dan sebagainya. Kalau tidak ianya tidak akan berhasil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, soalan tambahan itu panjang sangat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada angka-angka menunjukkan berapa kes yang relapse, dengan izin. Tetapi kita memang ada kemudahan-kemudahan serentak. Ini bergantung kepada masyarakat pada amnya, sama ada masyarakat ada terima balik orang tertentu atau tidak. Ini bergantung kepada masyarakat. Memang ada kes-kes yang relapse tetapi saya tiada angka di sini.

HUTANG NEGARA— KAWALAN

2. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau susah hati atau gembira atau tidak apa-apa apabila isu hutang negara menjadi perhatian ramai dalam beberapa tahun terakhir ini;
- (b) adakah hutang itu turun atau naik sekarang; dan
- (c) huraikan langkah-langkah kawalan bagi mengurangkannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa peka terhadap isu hutang negara dan segala langkah telah dan akan terus diambil untuk mengawasi tahap hutang supaya ianya tidak menjadi beban yang berat kepada negara. Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan bahawa tumpuan dan perhatian orang ramai terhadap kedudukan hutang negara adalah dialu-alukan supaya timbul kesedaran kepada mereka bahawa bukanlah mudah untuk mencapai kemajuan ekonomi dan tarap hidup yang dinikmati sekarang. Ianya melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh semua. Adalah dirasakan bahawa tumpuan/perhatian terhadap beban hutang ini memerlukan Kerajaan untuk terus memastikan pinjaman digunakan untuk projek-projek pembangunan dan juga kejayaan dalam menguruskan hutang negara, dikekalkan pada masa yang akan datang.
- (b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek-projek pembangunan negara adalah dibiayai melalui pinjaman.

Sebahagian besarnya adalah pinjaman dalam negeri. Oleh yang demikian, hutang negara kita ini sudah pasti akan meningkat pada keseluruhannya selagi Kerajaan melaksanakan dasar pembangunan negara dan meninggikan taraf hidup rakyat. Walau bagaimanapun segala pinjaman ini digunakan untuk projek-projek yang berdaya maju dan produktif supaya segala pinjaman ini dapat dibayar balik pada masa yang akan datang.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kedudukan hutang supaya ianya tidak menjadi satu beban. Selaras dengan itu, Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan beban hutang.

Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah mengurangkan pinjaman luar negeri, membuat pembayaran awal dan membiayai semula hutang yang tertakluk kepada kadar faedah yang tinggi dengan pinjaman yang mengenakan faedah yang rendah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita ingin mendapat perhatian orang ramai, adakah Kerajaan bercadang untuk menunjukkan kepada orang ramai bahawa hutang-hutang yang ada sekarang ialah hutang yang dibuat sebelum Menteri Kewangan sekarang dan apakah Kerajaan boleh menunjukkan bahawa hutang tersebut telah terbukti dapat diselesaikan ataupun sekurang-kurangnya dapat dikurangkan oleh Menteri Kewangan yang ada sekarang?

Soalan yang kedua, dalam dunia ini, negara mana yang tak berhutang? Dan apakah lebih baik kita berhutang daripada kita menggadaikan kawasan balak seperti yang dibuat oleh Kerajaan PAS semasa dia memerintah Kelantan dahulu?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dibuat sejak tahun 1984 ialah untuk menyelesaikan masalah pinjaman luar negeri yang semakin lama semakin bertambah pada kadar yang pesatnya. Sambil itu pula, pinjaman-pinjaman yang berkenaan adalah pada kadar-kadar yang tinggi dan juga terdedah kepada pinjaman berdasarkan kepada matawang yang semakin lama semakin naik nilainya dibandingkan dengan nilai ringgit.

Maka apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan selepas 1984 ialah untuk membetulkan keadaan itu supaya beban hutang dapat dirasionalkan. Selain daripada itu, Kerajaan membuat langkah untuk mengurangkan pinjaman daripada luar dengan cara membayarnya dengan lebih awal dan mengurangkan pendedahan kepada matawang yang mungkin menjadi lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya lah dikeluarkan satu buku, mungkin berbentuk ilmiah, mungkin yang berbentuk pragmatik, mungkin yang berbentuk informasi supaya rakyat mengetahui bagaimana Kerajaan sejak 1988 mengendalikan soal hutang negara ini dengan sebaik-baiknya untuk memastikan bahawa masyarakat yang ada, generasi rakyat Malaysia yang akan datang akan dapat menikmati daripada pinjaman berdasarkan kepada pengendalian yang telah dilaksanakan semenjak 1984.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan yang kedua, kita tidak tergamak untuk membuat langkah-langkah sampai tergadainya negeri, apatah lagi untuk

menggadaikan negara melalui cara pengurusan kewangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang sudah dibuat oleh Kerajaan dalam pengurusan kewangannya adalah cara yang paling bertanggungjawab bukan sekadar untuk kita yang hidup pada hari ini, bahkan untuk generasi yang akan datang.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa hutang negara telah dibawa kepada kadar KDNK yang rendah, kurang daripada 7% sekarang ini. Apakah trend ini akan diteruskan sehingga kadarnya menjadi kosong dan sejauhmanakah Kerajaan akan menjalankan dasar deficit budgeting, dengan izin, dan apakah kaitannya dengan dasar Kerajaan kita berhutang?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai matlamat untuk membangunkan negara supaya rakyat dapat hidup pada taraf sosio-ekonomi yang lebih baik lagi. Oleh yang demikian, Kerajaan perlukan sumber-sumber kewangan selain daripada kutipan hasil yang kita sedia maklum, sumber-sumber pembiayaan pembangunan datangnya daripada pinjaman.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sama ada ke arah kosong ataupun ke arah yang sewajarnya, apa yang perlu dibuat oleh Kerajaan ialah mengadunkan komposisi pembiayaan pembangunan daripada sumber-sumber yang saya sebutkan tadi pada kedudukan yang sewajarnya dari segi beban yang ditanggung dan juga hasil yang dapat dinikmati oleh rakyat pada masa yang akan datang.

Soal sama ada kita akan dapat menghapuskan, dengan izin, deficit financing terus-menerus, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi pengurusan kewangan negara akan diadunkan sebegitu rupa

bahawa jika sekiranya perlukan kepada defisit yang munasabah, maka Kerajaan akan menggunakan cara demikian dan jika sekiranya kita tidak membantutkan proses pembangunan dengan belanjawan lebihan atau surplus budgeting, dengan izin, apabila kita mampu mungkin kita menuju ke arah tersebut.

**PERSATUAN PENGGUNA—
KERJASAMA**

3. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kerjasama dan persefahaman dengan Persatuan-persatuan Pengguna yang sedia ada bagi membentuk matlamat yang selari; dan
- (b) apakah Kementerian akan merancang untuk mengadakan program mendidik pengguna untuk menggunakan hak mereka dengan lebih berkesan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya bercadang untuk mewujudkan kerjasama dan persefahaman dengan persatuan-persatuan pengguna yang sedia ada bagi membentuk matlamat yang selari iaitu untuk meningkatkan kesedaran tentang hak-hak pengguna serta melindungi pengguna-pengguna dari apa jua penganiayaan dan penyelewengan oleh mana-mana pihak.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, semenjak tahun 1966, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Pengguna di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah memberikan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan pengguna negeri bagi tujuan membantu mereka menjalankan aktiviti.

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu objektif Kementerian ini adalah untuk menjaga dan melindungi hak-hak serta kepentingan para pengguna. Satu cara untuk mencapai objektif tersebut ialah dengan mendidik pengguna tentang hak-hak mereka serta langkah-langkah yang perlu mereka ambil sekiranya berlaku penyelewengan terhadap mereka. Ini dilaksanakan oleh Kementerian melalui ceramah-ceramah, seminar-seminar dan pameran-pameran. Sesungguhnya Kementerian ini bercadang untuk menggiatkan lagi aktiviti pendidikan pengguna ini pada masa hadapan bagi faedah pengguna.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya bolehkah beliau menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diberi kepada persatuan pengguna sehingga setakat ini dan soalan kedua, berapakah kekerapan perjumpaan ataupun mesyuarat antara Kerajaan dengan kesatuan pengguna telah diadakan sehingga setakat ini dan apakah hasilnya?

Soalan akhir sekali, apakah peranan Kerajaan telah ambil dalam keadaan ini: di sebelah sini kena menjaga hak pengguna dan di sebelah sana pun kena jaga kepentingan penjual. Macam mana Kerajaan dapat membereskan keadaan ini?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan semenjak kita melaksanakan bantuan ini ialah kurang lebih \$1,439,594.

Mengenai berapa bilangan mesyuarat dan jumlah hasilnya, saya tidak mempunyai angka-angkanya di sini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau diperlukan dan kalau ada angka itu, kita boleh sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa perbincangan yang telah diadakan di antara Kementerian dan persatuan pengguna telah dapat memberikan kita banyak maklumat dan juga hasil yang kita rasa boleh digunakan untuk menentukan program/aktiviti dan juga undang-undang yang dapat menguntungkan pihak pengguna.

Tentang soalan ketiga, bagaimana cara atau peranan Kerajaan khususnya Kementerian ini dalam menentukan hak pengguna dipelihara di samping menjaga juga pihak penjual, kalau Yang Berhormat masih ingat dan telahpun membaca dalam suratkhbar tentang tindakan yang diambil oleh Kementerian saya terutama sekali baru-baru ini di mana kita menjemput pengeluar-pengeluar makanan ini "manufacturers of food" dan memberi penerangan dan penjelasan kepada mereka supaya seberapa boleh tidak menaikkan harga barangan. Kalau hendak menaikkan harga pun biarlah berpatutan. Daripada pihak Kerajaan, kita mengetahui dan mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar makanan ini seperti kenaikan kos fuel dan juga barang-barang bungkusan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini kita adalah berpuashati dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak pengeluar makanan dan juga pihak pengguna.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Persatuan Pengguna ini hanya diwujudkan di peringkat negeri. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Persatuan Pengguna ini di peringkat-peringkat daerah?

Soalan tambahan yang kedua, adakah terdapat pada pendapat Yang Berhormat Menteri, pemimpin-pemimpin

Persatuan Pengguna yang anti-establishment, dan kalau ini berlaku, apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengwujudan Persatuan-persatuan Pengguna di peringkat daerah, kita memang menggalakkan supaya Persatuan Pengguna ini diperluaskan bukan sahaja di peringkat daerah, bahkan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi ataupun rendah kerana perlu bagi kita memberi kesedaran terhadap masyarakat umum tentang hak mereka dalam soal pengguna ini.

Mengenai pemimpin-pemimpin yang anti-establishment, setakat ini saya belum berjumpa seorang pun seperti itu. Walau bagaimanapun, kadangkala kita juga nampak statements yang kurang menyenangkan yang dibuat oleh Persatuan Pengguna yang tertentu. Dalam soal ini, kita rasa perlulah kita memanggil mereka untuk mendapat penjelasan lanjut di samping memberi penerangan tentang pendirian mereka, asalkan pendirian ini tidak bertentangan dengan dasar dan kepentingan negara, kita akan terima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Mohamad bin Sabu tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuan Chor Chee Heung.

(Soalan No. 5. Y.B. Tuan Chor Chee Heung tidak hadir)

ASRAMA DI SRK SUNGAI TUNOH/LONG BULAN/ LONG JAWE

6. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan bolehkah Kerajaan melengkapkan kemudahan asrama kepada sekolah-sekolah berikut:

- (a) SRK Sungai Tunoh (Daerah Kapit);
- (b) SRK Long Bulan (Daerah Belaga);
- (c) SRK Long Jawe (Daerah Belaga).

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, negeri Sarawak dijangka akan diberi peruntukan sebanyak \$10.47 juta bagi pembinaan asrama. Memandangkan jumlah tersebut adalah masih tidak memadai bagi menyediakan kemudahan asrama sepenuhnya di sekolah-sekolah kita di negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan telah memberi keutamaan kepada projek-projek yang amat mendesak.

Mengenai asrama di tiga buah sekolah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, setakat ini Kementerian Pendidikan sedang mempertimbangkan penubuhan asrama di Sekolah Rendah Kerajaan Long Jawe, daerah Belaga. Penubuhan asrama di Sekolah Rendah Kerajaan Long Bulan dan Sekolah Rendah Kerajaan di Tunoh masih dalam kajian Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bagi kita menentukan sejauh mana masalah tempat kediaman dihadapi di sana dan seterusnya kita membuat pertimbangan yang sewajarnya bagi penubuhannya.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cadangan Kementerian untuk membantu murid-murid di ketiga-tiga

sekolah tersebut untuk kekal di sekolah memandangkan kebun dan ladang ibu bapa mereka jauh, mengambil masa satu atau dua hari perjalanan dari sekolah dan ibu-bapa mereka terpaksa membawa anak bermalam di kebun pada masa tertentu berbulan-bulan dan ini mengganggu persekolahan mereka. Mungkin keadaan ini unik di negeri Sarawak.

Soalan seterusnya, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah berjanji mewujudkan kemudahan asrama di Sekolah Rendah Kerajaan Long Bulan pada masa pilihanraya yang lepas. Sekian.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan kita untuk membantu murid-murid kita khususnya di luar bandar, dan dengan keadaan yang unik seperti di Sarawak di mana sekolah-sekolah diletakkan di kawasan-kawasan pendalaman dan penempatan penduduk di mana ia masih belum tetap, ini adalah satu perkara yang kita akan hadapi dalam jangka kita membangunkan masyarakat luar bandar. Tetapi ini tidak menjadi masalah kerana dalam perancangan kita, kita berusaha membina asrama-asrama yang diperlukan di kawasan-kawasan tertentu, mengikut keadaan yang mendesak seperti yang saya katakan tadi, keutamaan akan diberikan. Ini adalah menjadi satu kawasan yang boleh dikatakan memang menghadapi masalah sekarang ini dan telah diambil perhatian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan khasnya.

Mengenai satu cadangan untuk mengadakan asrama di Long Bulan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Barisan Nasional di negeri Sarawak, selalunya, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menepati janji kita.

BAS DAN TEKSI— BILANGAN LESEN

7. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan tentang pengeluaran lesen-lesen kereta awam khasnya bas dan teksi baru-baru ini:

- (a) berapakah jumlah permit bas dan teksi yang dikeluarkan mengikut negeri-negeri;
- (b) berapakah jumlah syarikat atau orang perseorangan yang memperolehi lesen berkenaan, dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mencegah kegiatan Bas Ekspres haram di negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan lesen-lesen bas dan teksi yang telah dikeluarkan pada tahun 1990 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bas</i>	<i>Teksi/ Kereta Sewa</i>
Perak	180	306
Selangor	405	281
Pahang	130	186
Kelantan	81	295
Johor	609	732
Kedah	242	381
Melaka	87	103
Negeri Sembilan	86	129
Pulau Pinang	125	179
Perlis	3	72
Terengganu	43	48
Wilayah Persekutuan	290	1,350
JUMLAH	2,281	4,062

- (b) Jumlah syarikat atau orang perseorangan yang memperolehi lesen berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Lesen</i>	<i>Syarikat</i>	<i>Orang Perseorangan</i>
Bas	179	1,881
Teksi/Kereta Sewa	80	1,971

- (c) Pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Polis Di-Raja Malaysia bagi memastikan pengusaha-pengusaha bas mematuhi syarat-syarat/peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Pihak LPKP juga telah memberi perwakilan kuasa kepada Jabatan-jabatan tersebut untuk menggantung lesen mana-mana pengusaha bas yang melanggar syarat-syarat atau peraturan yang telah ditetapkan

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini boleh dikatakan semua lesen-lesen bas ekspres diberi untuk permohonan menghubungi bandar-bandar besar sahaja dan memandangkan hasil pembangunan luar bandar Kerajaan adalah cukup gigih pada masa ini, cukup memberangsangkan, maka timbullah pusat-pusat pertumbuhan baru di luar bandar seperti Kuala Nerang, Pokok Sena, Sik, Baling, Kok Lanas dan lain-lain lagi. Adakah pihak Kementerian bercadang membuka lesen-lesen yang diminta untuk menghubungi pusat-pusat pertumbuhan ini ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Penang, Melaka, Seremban dan Johor Bahru?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Permohonan bagi lesen untuk bas ekspres sudahpun dikemukakan dan sudah ditutup dan sekarang dalam proses pertimbangan dan

termasuk perkiraan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr Sanusi bin Daeng Mariok.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 24 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya bersedia untuk menjadikan soalan No. 8 ini soalan saya, oleh kerana Yang Berhormat dari Rantau Panjang tidak hadir.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat bangkit berkenaan apa ini? Ini soalan yang seterusnya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, soalan daripada Dr Sanusi bin Daeng Mariok yang tidak hadir hari ini dan mengikut Fasal 24 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya bersedia menjadikan soalan ini soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti kita susul kembali setelah semua soalan untuk hari ini selesai ditanya dan dijawab.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir)

SINDIKET PENYELUDUPAN BAYI

9. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan beberapa tahun kebelakangan ini terdapat sindiket penyeludupan bayi daripada negara-negara

jiran. Beberapa orang yang terlibat di dalam penyeludupan ini telah ditangkap dan didakwa:

- (a) semenjak kegiatan ini dikesan, berapa ramaikah bayi-bayi yang diseludupkan ke negara dapat dikesan;
- (b) berapa ramaikah orang yang terlibat di dalam kegiatan sindiket penyeludupan bayi ini;
- (c) berapa orang yang telah didakwa;
- (d) berapa ramai bayi yang telah diseludupkan dihantar pulang ke negara asal mereka;
- (e) berapa ramai bayi-bayi yang masih berada di negara ini dan siapakah yang menjaga mereka; dan
- (f) adakah kegiatan penyeludupan bayi dari negara-negara jiran ini masih berjalan atau telah dapat dikawal.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak kegiatan penyeludupan bayi daripada negara-negara jiran ke negara ini dapat dikesan iaitu mulai tahun 1980 hingga 31 Disember 1990 terdapat sejumlah 71 orang bayi yang telah disahkan diseludup masuk ke negara ini.
- (b) Jumlah sebenar orang yang terlibat di dalam kegiatan penyeludupan bayi daripada negara-negara jiran ke negara ini masih lagi belum dapat dipastikan. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1980 hingga tahun 1990 sejumlah 80 orang telah ditangkap bersabit dengan kes ini.

- (c) Kesemua 80 orang yang telah ditangkap bersabit dengan kes ini telah didakwa. 64 orang daripadanya telahpun dijatuhkan hukuman dan 11 orang telah dibebaskan oleh mahkamah, manakala 5 orang lagi pembicaraannya masih lagi belum selesai.
- (d) Semenjak tahun 1980 hingga tahun 1990 seramai 21 orang bayi telah dihantar pulang ke negara asal mereka.
- (e) Seramai 49 orang bayi masih berada di negara ini, 7 orang daripada jumlah tersebut masih di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan seramai 42 orang telah diberi kepada orang ramai sebagai anak angkat. Manakala seorang lagi telah meninggal dunia kerana penyakit paru-paru.
- (f) Pada umumnya, kegiatan penyeludupan bayi daripada negara-negara jiran telah dapat dikawal. Sebagai bukti di sepanjang tahun 1990, hanya terdapat satu kes sahaja penyeludupan bayi ke negara ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sedikit sebanyak apa caranya dan bagaimana mereka dapat menyeludup bayi-bayi daripada negara asing?

Seorang Ahli: (Menyampuk)

Tuan Lau Dak Kee: Bayi menangislah! Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta apa caranya menyeludup kanak-kanak yang kecil—kawan saya di sebelah sana lebih faham dengan menggunakan perkataan itu. Dan bolehkah kita dapat mengesan dengan mudah sama ada kanak-kanak kecil itu

sama ada diseludup daripada luar negeri ataupun kanak-kanak kecil adalah anak sendiri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, seringkali bayi-bayi ini diseludup tidaklah melalui pintu masuk yang sah. Mereka diseludup masuk mengikut pintu-pintu yang tidak sah tetapi kita telah mendapat laporan daripada pihak-pihak yang tertentu bahawa bayi-bayi yang terdapat itu bukanlah mempunyai ibu bapa di negara ini. Ada bukti-bukti, selepas itu kita siasat didapati tidak ada dokumen-dokumen rasmi yang dapat dibuktikan oleh pihak yang pada masa itu mengaku bahawa bayi-bayi itu kepunyaan mereka dan itulah tangkapan dapat kita lakukan. Kalau mereka hendak masuk melalui pintu-pintu yang sah, unit-unit pencegah penyeludupan adalah sentiasa meneliti akan penyeludupan bayi-bayi tersebut.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dakwaan bahawa penyeludupan bayi yang berlaku di negara ini berkait rapat dengan kematian bayi yang tidak dimaklumkan kepada pihak berkuasa di negara kita?

Soalan yang kedua, kumpulan mana atau golongan manakah yang dikesan oleh Kementerian bersedia untuk mengambil bayi-bayi yang diseludupkan tadi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu sukar untuk dibuktikan desas-desus yang sedemikian. Sungguhpun pihak Kementerian juga merasa curiga bahawa ada setengah-setengah kampung, ada setengah-tengah kawasan sehingga tiga, empat tahun tidak ada seorang pun bayi yang meninggal dunia. Tetapi oleh kerana tidak ada bukti-bukti yang nyata, maka adalah sukar untuk kita mengatakan golongan mana dan

siapakah yang benar-benar memerlukan bayi-bayi tersebut ataupun menggantikan bayi-bayi yang telah meninggal dunia yang tidak pernah dilaporkan kepada pihak yang berkenaan. Jadi, dalam hal ini sungguhpun saya sendiri merasakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam hal ini tetapi sukar untuk kita hendak membuktikan akan dakwaan-dakwaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Taimin bin Lumaing.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Taimin bin Lumaing tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada pembetulan sedikit kepada baris dua, perkataan "adakah" diganti dengan perkataan "bilakah". Soalan No. 12.

LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA— PEMBESARAN

12. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Lapangan Terbang Sultan

Ismail Petra, Pengkalan Chepa dapat mengendalikan operasi pesawat jet jenis Boeing 737. Pada tahun 1989 lapangan terbang ini telah mengendalikan sebanyak 250,932 penumpang. Berasaskan kepada analisa dan kajian yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam, kemudahan-kemudahan utama di lapangan terbang itu mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk mengendalikan trafik udara sekurang-kurangnya bagi 5 tahun yang akan datang.

Oleh hal yang demikian, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai rancangan untuk memperbesarkan lagi Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dalam Rancangan Malaysia Keenam. Namun demikian, Kementerian Pengangkutan akan sentiasa mengawasi perkembangan trafik udara di lapangan terbang berkenaan dan tindakan untuk mempertingkatkan lapangan terbang ini akan diambil sekiranya lapangan terbang itu mengalami pertumbuhan trafik yang memerlukan kemudahan-kemudahan tambahan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya bahawa keperluan trafik di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu ini mencukupi. Saya difahamkan bahawa beberapa tahun yang lepas pengambilan balik tanah telah dibuat untuk meneruskan projek pembesaran ini sehingga telah menimbulkan satu keadaan yang kelam-kabut kepada penduduk-penduduk tempatan dan jika kajian pada masa itu dibuat didapati bahawa kedudukan kelengkapan ini adalah cukup untuk mengendalikan beberapa tahun yang akan datang, seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengapakah hakmilik tanah orang-orang kampung ini diambil dalam satu perancangan yang dibuat pada beberapa tahun yang lepas?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan balik tanah adalah untuk rancangan masa depan. Apa yang saya kata tadi ialah 5 tahun, iaitu selepas 5 tahun kalau kita perlu menambah maka kita sudah mempunyai tanah dan kosnya juga tidaklah meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, justifikasinya ialah peningkatan penumpang bagi Lapangan Terbang Kota Bharu terlalu sedikit, misalnya, pada tahun 1985 terdapat hanya 236,166 penumpang; 1986—turun kepada 230,692 iaitu menurun sebanyak 2.3%; tahun 1987—turun lagi kepada 223,555 iaitu menurun sebanyak 3.1%; tahun—1988 barulah naik sedikit iaitu 228,142 naik 2%; dan 1989—sebanyak 250,932 iaitu naik sebanyak 10%.

Jadi, berasaskan kepada penurunan dan kenaikan ini, kami dapati bahawa Lapangan Terbang tersebut, dengan kemudahan-kemudahan yang ada pada hari ini, boleh menampung sehingga 5 tahun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Yang Berhormat Tuan Buniyaman bin Yaakob.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakub: Pembetulan kepada nama. Tuan Yang di-Pertua tadi menyebut Buniyaman, sebenarnya Buniyamin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Minta maaf—Buniyamin. (*Ketawa*)

PESAWAT SKYHAWK TUDM MENGALAMI KEMALANGAN

13. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) sudah berapa buah pesawat Skyhawk menghadapi kecelakaan udara sejak pesawat jenis itu digunakan oleh TUDM;

- (b) berapakah kerugian yang dialami dan ramai mana jiwa terkorban dan cedera; dan
- (c) sila jelaskan hasil penyiasaan dan apakah punca-punca kecelakaan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian:

- (a) Sejak pesawat Skyhawk digunakan oleh TUDM ia telah mengalami 6 kemalangan.
- (b) Kerugian yang dialami dari 6 kemalangan itu ialah \$42.7 juta dan mengorbankan 2 juruterbang.
- (c) Setiap kemalangan yang dialami akan disiasat dan dianalisa. Hasil dari penyiasaan yang telah dijalankan didapati antara punca-punca dan sebab-sebab kemalangan adalah seperti berikut:
 - (i) kerosakan teknikal;
 - (ii) kesalahan juruterbang;
 - (iii) keadaan cuaca buruk; dan
 - (iv) bahaya alam sekitar seperti kemasukan burung dalam enjin pesawat dan sebagainya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa benarkah Skyhawk yang ada di negara kita pada hari ini termasuk yang ada di padang pasir Arizona, seperti yang dibangkitkan kelmarin, adalah Skyhawk second-hand ataupun Skyhawk terpakai yang sudah tidak laku lagi di Amerika, yang telah digunakan di dalam perang Vietnam pada satu masa yang lampau dan ini disahkan sendiri oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi bahawa salah satu sebab kemalangan berlaku ialah kerana kesalahan teknikal, barangkali pada kapalterbang itu sendiri.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kesalahan teknikal ini adalah umum, yang mana dalam semua kemalangan—dan ia bukan melibatkan Skyhawk ini sahaja tetapi dalam semua kemalangan pesawat-pesawat lain sama ada di dalam negara kita ataupun di luar negara kita—di antara sebab-sebab kemalangan itu adalah kerosakan teknikal.

Berkenaan dengan pembelian Skyhawk ini dahulu, memanglah benar kita tidak membeli pesawat yang baru kerana harganya adalah sangat tinggi, tetapi pesawat yang kita beli ini adalah pesawat yang kita telah kenalpasti boleh digunakan setelah kita mengadakan pembaikan ataupun pengubahsuaian dan setelah kita mengadakan pengubahsuaian ini, adalah terbukti bahawa pesawat ini boleh digunakan dengan baik. Kita boleh menggunakan pesawat Skyhawk ini sehingga tahun 1995.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa salah satu daripada sebab-sebab kemalangan itu adalah kerana burung. Bolehkah beritahu burung apakah yang suka berlanggar dengan kapalterbang dan sama ada burung itu burung tempatan ataupun burung pendatang haram? (*Ketawa*)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat hendak mengenalpasti burung apa kerana apabila dia masuk ke dalam enjin semuanya habis rosak. Burung itu pun habis rosak sekali. (*Ketawa*)

JALAN PADAWAN DAN JALAN PENRISSEN—MEMPERBAIKI

14. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Jalan Padawan dan Jalan Penrissen boleh dijadikan Jalan Raya Persekutuan supaya ia dapat diperbaiki dan ditarkan secepat mungkin.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua jalan Padawan dan Penrissen adalah jalan-jalan negeri dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperbaikinya. Setakat ini tiada sebarang permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjadikan jalan-jalan tersebut sebagai Jalan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada permohonan atau cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan akan menimbang permohonan tersebut dengan sewajarnya. Mengenai jalan-jalan tersebut sama ada akan diperbaiki atau ditarkan, pihak Kementerian Kerja Raya telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak telahpun melantik Juruperunding untuk menyediakan reka-bentuk Jalan Padawan di mana adalah dijangkakan akan siap pada bulan September, 1991 dan urusan tender akan dibuat pada akhir tahun 1991. Berkenaan dengan Jalan Penrissen, rekabentuk telahpun dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak dan tender akan dipanggil pada bulan Mei, 1991.

SEKOLAH DAN RUMAH GURU—MEMBAIKPULIH

15. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

(a) rancangan Kerajaan untuk membaikpulih sekolah-sekolah

dan rumah-rumah guru yang sudah usang di seluruh negara;

(b) dasar Kerajaan untuk memperbaiki disiplin murid-murid dan guru-guru sekolah di negara ini; dan

(c) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambahkan Maktab Perguruan di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pendidikan sedar akan kelemahan yang dialami bersabit dengan kekurangan kemudahan dan rumah guru di kawasan desa. Bagi mengatasi masalah tersebut, dalam Rancangan Malaysia Kelima peruntukan berjumlah \$50 juta telah digunakan untuk membaikpulih, mengubahsuai dan menaiktaraf 1,625 buah sekolah di seluruh negara. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$250 juta telah dipohon, khususnya bagi tujuan memperbaiki kekurangan tersebut termasuk kelengkapan rumah guru dan asrama khususnya asrama desa.

(b) Mengenai disiplin murid-murid dan guru, pada umumnya adalah terkawal walaupun ada beberapa berita yang membimbangkan. Antara usaha yang dijalankan termasuklah mempertingkatkan dan mengemaskinikan pengurusan disiplin di sekolah dengan penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwat Murid di peringkat sekolah, daerah dan negeri; meningkatkan kefahaman dan kecekapan para guru, Guru Besar, serta Pengetua mengenai

disiplin melalui Kursus Dalam Perkhidmatan dan memperketatkan Program Sementara Guru Pelatih yang dilatih di Maktab-maktab Perguruan.

Ada juga garis panduan yang jelas, panduan am disiplin di sekolah, panduan bagi ibu-bapa, Guru Besar, guru-guru dan pelajar. Tetapi yang lebih penting ialah untuk menghayati semangat dan disiplin serta kepentingan mengawal akhlak yang ditekankan di sekolah melalui semangat tanggungjawab dan kasih-sayang, khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah dan ini diterjemahkan dalam bentuk praktikal melalui KBSR dan KBSM.

- (c) Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebuah lagi maktab perguruan akan diadakan di Sarawak dengan anggaran kos sebanyak \$38 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 16 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

PROGRAM MEMBASMI KEMISKINAN

17. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa peratuskah kemajuan yang telah dicapai oleh program membasmi kemiskinan mengikut pecahan daerah bagi negeri-negeri yang terlibat; dan
- (b) di manakah lokasi-lokasi yang dikenalpasti oleh Kementerian bagi menyalurkan bantuan Skim

Industri Kecil terutama bagi projek pemprosesan makanan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan,

- (a) Semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan berbagai-bagai program pembasmian kemiskinan telah dijalankan di seluruh negara. Antara program tersebut ialah pembangunan tanah, pembangunan *in-situ* seperti projek pembangunan bersepadu, khidmat sokongan seperti kredit dan pemasaran, khidmat pengembangan dan pengwujudan peluang pekerjaan di luar sektor pertanian. Aspek peningkatan kualiti hidup juga turut diberi penekanan di mana keperluan asas infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan perhubungan telah dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kesan pelaksanaan program-program ini terhadap kedudukan kadar kemiskinan di peringkat daerah amatlah menggalakkan. Sebagai contohnya, kadar kemiskinan dalam daerah-daerah di negeri kurang maju seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis telah menurun antara 25% hingga 40% dalam tempoh tahun 1976 hingga 1987. Ahli Yang Berhormat bolehlah mendapatkan maklumat lanjut senarai kadar kemiskinan mengikut daerah ini secara bertulis selepas ini. Di samping itu, maklumat-maklumat juga menunjukkan bahawa jumlah pendapatan kumpulan miskin serta taraf kualiti hidup mereka telah bertambah baik. Kerajaan bagaimanapun akan terus mem-

beri perhatian serius terhadap masalah kemiskinan yang wujud di negara ini di mana juga ia berada.

- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah mengenalpasti dan akan membangunkan sebanyak 11 buah kawasan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD). Salah satu komponen PPD ialah penempatan Perusahaan Luar Bandar yang mana bidang-bidang utama berupa Infrastruktur Industri, Pembangunan Usahawan, Pemasaran dan Kemudahan Kewangan akan diberi tumpuan.

Lokasi industri pemprosesan makanan akan menjadi salah satu perusahaan di pusat-pusat tersebut sesuai dengan dasar penempatan taburan industri. Penempatan tersebut antara lain akan mengambilkira prestasi dan potensi perusahaan yang sedia ada termasuk projek industri kampung dan perusahaan yang berdaya maju. Lokasinya akan berpandukan kepada bahan mentah, infrastruktur, latar-belakang budaya, kemahiran tenaga kerja, pengkhususan industri dan kerjasama ekonomi antara wilayah. Bagi industri pemprosesan makanan pula, boleh dikatakan wujud di setiap negeri kecuali jenisnya sahaja yang berbeza.

Selain dari usaha-usaha Kementerian, industri berkenaan akan juga dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan agensi-agensi lain di kawasan-kawasan perindustrian yang disediakan oleh mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan adakah

Kerajaan bercadang untuk menggubal ataupun menggunakan approach baru di mana diberi pengkhususan terhadap daerah-daerah yang dikenalpasti termiskin ataupun ramai jumlah bilangan rakyat yang miskin sebagai satu cara baru berbanding dengan sekarang ianya dibuat secara umum dengan tidak memberi tumpuan kepada tempat-tempat yang dikenalpasti khusus menghadapi kemiskinan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, adalah memang menjadi tujuan Kerajaan untuk mengkhususkan di dalam kawasan termiskin untuk melahirkan industri-industri bagi memperbaiki taraf hidup.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan Kerajaan telahpun menetapkan garis kemiskinan dari masa ke semasa dan garis kemiskinan ini berubah, bukan satu garis yang statik. Bolehkah saya dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sejak 20 tahun kebelakangan ini, apakah kemajuan dari segi garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Misalnya dari segi pendapatan, adakah garis kemiskinan berpandukan kepada pendapatan sekeluarga itu meningkat dan berapakah peningkatan yang ditetapkan?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, selepas membuat kajian oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan daerah-daerah dan negeri-negeri yang termiskin seperti negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu, saya ingin tahu dari segi kajian yang dibuat, apakah sebab-sebab yang boleh dipastikan kemiskinan ini berlaku di daerah-daerah dan negeri-negeri tersebut?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang digunakan mengikut kadar kemiskinan ialah mengambil kira

pendapatan untuk isirumah seramai 5 orang, yang digunakan ialah sebanyak \$350 dan jika seseorang berpendapatan di bawah paras \$350, ia dianggap miskin. Ukuran paras ini digunakan bagi tujuan untuk mengetahui golongan miskin dari segi kemiskinan mutlak. Tetapi di dalam pendekatan dasar Kerajaan juga akan mengambil kira kemiskinan perbandingan ataupun relatif. Itulah angka yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sebab kemiskinan, ia boleh dilihat dari pelbagai sebab. Sebab-sebab ini telah mengakibatkan kemiskinan. Di antaranya hasil pendapatan atau pulangan yang rendah dari kegiatan ekonomi kerana tidak dapat memasarkan hasil yang dikeluarkan oleh petani ataupun hasil pemasaran nelayan yang tidak dapat dipasarkan dengan berkesan dan banyak lagi sebab-sebab yang lain yang boleh saya gariskan tetapi untuk tujuan soalan ini saya fikir setakat itu mencukupi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Tuan Haji Mohamad bin Abdullah.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, walaupun agaknya soalan saya ini telahpun dijawab semasa soalan-soalan Ahli Yang Berhormat terdahulu tetapi saya fikir kemungkinan Timbalan Menteri hendak menjawab sebagai tambahan. Jadi, saya ajukan juga soalan saya. Soalan yang ke-18.

SKIM CEPAT KAYA

18. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penganjur Skim Cepat Kaya telah ditangkap dan berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan dikembalikan semula kepada pelabur-pelabur yang terlibat;

(b) adakah benar ramai di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan Skim Cepat Kaya ini dan betulkah di antara mereka yang tertipu dengan skim ini mengidap sakit jiwa; dan

(c) apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi perkara ini supaya segala bentuk skim haram ini dapat dihapuskan di negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, saya sangat setuju dengan pendapat Yang Berhormat sebentar tadi yang mengatakan bahawa telah begitu banyak diperkatakan, bukan sahaja oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi juga oleh Kementerian Kewangan, yang telah menjawab dengan panjang lebar mengenai perkara yang serupa daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukan sahaja dalam Soal Jawab tetapi juga dalam ucapan membahaskan Belanjawan dan sebagainya. Oleh kerana tidak ada perkara-perkara baru yang dapat saya bentangkan kepada Yang Berhormat berkenaan, maka tidaklah saya bercadang untuk menambah. (*Ketawa*)

PENAGIH DADAH— MEMBANTERAS

19. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah yang diketahui di dalam negara dan langkah-langkah yang diambil bagi membanteraskan penagihan dadah di dalam negara.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Tuan Yang di-Pertua, jumlah besar penagih dadah yang telah dikesan di dalam negara sejak tahun 1970 sehingga bulan September 1990 iaitu selama 20 tahun ialah seramai 151,191 orang.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah tegas untuk membanteras penagihan dadah di dalam

negara ini dengan menjalankan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) sebagai langkah utama, Kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh utama negara. Selaras dengan pengisytiharan tersebut, undang-undang dadah telah diperketatkan bagi mencegah penyeludupan dadah ke dalam dan melalui negara ini;
- (ii) Kerajaan juga telah mempertingkatkan operasi terhadap pengedaran secara kecil-kecilan untuk mengelakkan bekalan dadah sampai kepada penagih-penagih;
- (iii) bengkel-bengkel dan perjumpaan-perjumpaan diadakan di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan belia untuk menerangkan tentang bahaya dadah. Dengan cara ini mereka dapat dididik untuk menghindarkan diri daripada terlibat dengan dadah;
- (iv) diadakan kempen-kempen untuk mempertingkatkan tahap kesedaran dan kefahaman mengenai bahaya dan ancaman dadah terutama di kalangan ibu bapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat;
- (v) bagi penagih-penagih yang telah dikesan pula usaha-usaha untuk merawat dan memulihkan mereka adalah dijalankan dengan lebih giat lagi dengan menyediakan lebih banyak tempat di pusat-pusat rawatan dan pemulihan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, walaupun berbagai usaha telah dibuat

untuk menghapuskan masalah dadah, antara lain, hukuman mandatori mati kepada mereka yang mengedar dadah dan sebagainya, tetapi adakah Yang Berhormat sedar masalah dadah ini terus bertambah, maknanya tidak dapat dikurangkan. Jadi apakah pihak Kementerian bercadang untuk menyusun satu strategi baru sama ada dari segi pemulihan kempen menentang dadah dan sebagainya. Ini bagi memastikan masalah dadah ini dapat dikurangkan dari segi sebenarnya walaupun kita lihat macam-macam usaha telah dibuat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu, tetapi kalau kita lihat daripada statistik, kalau dahulu Pusat Pemulihan kita dapat pulih 100%, hanya meningkat 17% iaitu daripada 100 orang yang kita pulih, 17 orang sahaja yang benar-benar pulih. Tetapi alhamdulillah, dengan adanya kegiatan daripada masyarakat dan juga cara-cara yang baru, kita telah dapat meningkatkan sehingga hari ini kepada tahap 35%. Dan saya merasakan ini juga tidak puas hati kerana kalau sekiranya mereka yang telah keluar daripada Pusat-pusat Pemulihan ini ditempatkan di half-way house, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ataupun rumah perantaraan di pusat-pusat yang ada lanjutan, di tiap-tiap daerah dengan lebih sistematik lagi, insya Allah, kita akan dapat meningkat sehingga 50%.

Dari segi penagihan pula telah menurun iaitu bilangan penagih yang pertama kali yang kita kesan, kalau kita lihat sejak tahun 1984 di mana mandatory death sentence telah diadakan. Tahun 1983—14,000, 1984—11,000, 1985 turun 9,000, 1986 turun 7,000, 1987—7,000, 1988 kita mengadakan operasi besar-besaran di seluruh negara kerana kita hendak mengadakan Persidangan CHOGM naik 9,000, 1989—6,000 dan tahun 1990 hanya 5,000. Walau bagaimanapun saya

sendiri pada tahun ini telah men-cadangkan agar thema kempen kita atau keutamaan untuk memerangi dadah pada tahun ini ialah 'Pendidikan Pencegahan' (Preventive Education), dengan izin, di mana kita berkehendakkan semua golongan daripada pemimpin sehinggalah kepada rakyat jelata, terutama ibu bapa dan pelajar dapat memahami tentang bagaimanakah bahayanya dadah ini kalau sudah meresap dalam keluarga kita. Insya Allah, dengan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dapat mewujudkan masyarakat yang lebih sihat tanpa dadah ini.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan tentang kaitan penyakit AIDS dengan penagihan dadah. Setakat ini dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi suatu kaitan yang konkrit berapa peratuskah daripada pengidap penyakit AIDS itu adalah penagih dadah dan jika correlation ini tinggi, adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk satu strategi yang terselaraskan membasmi kedua-duanya serentak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mempastikan di negara ini mereka yang telahpun mengidapi penyakit AIDS atau pembawa kuman AIDS, bilangannya 500 orang, daripada 500 orang, 300 orang merupakan penagih, ini menunjukkan bahawa hampir-hampir 60% daripada pembawa penyakit AIDS ini terdiri daripada mereka yang menagih. Ini adalah kerana disebabkan mungkin berlaku perkongsian jarum yang digunakan, dengan sebab itulah maka jangkitan di kalangan penagih-penagih adalah lebih kerap. Dengan sebab itu, Kementerian Dalam Negeri telahpun mendapat satu kawasan di mana kita akan mengadakan satu Pusat Pemulihan

atau Pusat Serenti yang khas bagi penagih-penagih yang mengidapi penyakit AIDS dan memanglah di pusat inilah secara bersepadu Kementerian yang bersangkutan dapat membantu untuk memulih mereka yang dirawat khas ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 5, 8, 10, 11, 16, 20 dan 21 adalah diberi di bawah ini)

PERTIKAIAN BURUH-MENGATASI

4. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah penyelesaian yang dicapai bagi mengatasi pertikaian buruh di antara kesatuan sekerja dan majikan Harris Solid State.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Pertikaian di antara Kesatuan Pekerja-pekerja Harris Solid State (M) Sdn. Bhd. dan majikannya Harris Solid State (M) Sdn. Bhd. telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan pada 12hb Oktober, 1990 dan akan dibicarakan pada 27hb Februari dan 5hb Mac, 1991.

TANAMAN IKLIM HAWA SEDERHANA

5. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jenis tanaman iklim hawa sederhana (temperate crops) yang sedang dikaji oleh MARDI di Taman Cahaya Sri Alam Selangor;

- (b) sama ada MARDI bercadang untuk mengusahakan penanaman tumbuhan iklim sederhana secara meluas dan intensif; dan
- (c) jika tidak, apakah projek pembinaan taman tersebut yang menelan belanja \$9 juta itu sesuatu munasabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):

- (a) Jenis-jenis tanaman iklim hawa sederhana yang sedang dikaji ialah dari jenis-jenis pokok saka, pokok tahunan herba, bebawang serta pokok bunga-bunga dari kawasan temperat.
- (b) Pada masa ini, kajian yang dibuat masih lagi di peringkat awal di mana MARDI mencuba menyaring (screen) bahan-bahan tanaman yang sesuai untuk ditanam di tanah tinggi bagi tujuan mendapatkan maklumat-maklumat asas. Jika didapati sesuai di negara ini, kajian seterusnya ialah menentukan sama ada tanaman ini boleh berdaya maju atau tidak. Sekiranya didapati berdaya maju maka tanaman-tanaman ini akan dipromosikan untuk diusahakan secara luas atau komersial dengan mengambilkira beberapa faktor seperti kos, kekesanan keadaan sekeliling (environmental impact), penerokaannya di tanah-tanah tinggi dan lain-lain lagi.
- (c) Projek pembinaan rumah iklim di Taman Cahaya Sri Alam adalah munasabah kerana ianya memenuhi beberapa tujuan. Antaranya ialah:
 - (i) ia merupakan pusat pengumpulan maklumat

bagi kajian-kajian yang dijalankan oleh MARDI;

- (ii) ia memberi pendedahan kepada awam berkenaan dengan cuaca-cuaca yang dialami di negara-negara temperat; dan
- (iii) rumah iklim ini juga akan dijadikan sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran flora dan fauna yang terdapat di merata dunia di samping menjadikannya sebagai tempat menarik pelancong (tourist farm). Rumah iklim tersebut perlu juga dipandang dalam konteks keseluruhan Taman Cahaya Sri Alam yang m e n y e d i a k a n kemudahan-kemudahan riadah di mana aktiviti-aktiviti informal dapat disertai oleh keluarga-keluarga yang melawat taman tersebut.

PROGRAM PEMBANGUNAN DI RTM

8. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Penerangan untuk menyiarkan program pembangunan di negeri yang dikuasai oleh Pembangkang supaya difahami oleh orang ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Pertamanya, saya suka membetulkan salah anggap daripada Yang Berhormat bahawasanya penyiaran-penyiaran program pembangunan melalui televisyen dan radio adalah tugas RTM, bukan Jabatan Penerangan. Jabatan Penerangan melalui Unit Bergeraknya hanya membuat tayangan dokumentari, treler

dan wayang gambar kepada orang ramai, khususnya di luar bandar sebelum menyampaikan ceramah-ceramah penerangannya.

Dari segi penyiaran berita-berita pembangunan oleh RTM, semua negeri di Malaysia diberi layanan yang sama tertakluk kepada nilai atau mutu berita untuk disiarkan.

Buat masa ini, RTM belum lagi dapat mengesan sebarang projek pembangunan di kedua-dua negeri yang dikuasai oleh Pembangkang yang boleh dibuat liputan serta siaran. Berita-berita seperti perebutan jawatan, pecat-memecat belum lagi ditakrifkan oleh RTM sebagai berita pembangunan. Buat masa ini, kesemua projek-projek pembangunan di negeri-negeri yang dikuasai oleh Pembangkang adalah projek-projek yang dipelopori, dibiayai dan diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

ROYALTI MINYAK— MENAikkan

10. Tuan Taimin bin Lumaing minta Perdana Menteri menyatakan apakah Perdana Menteri mempunyai cadangan untuk mengkaji semula tentang permintaan Ketua Menteri Sabah supaya royalti minyak dinaikkan daripada 5% ke tahap yang lebih tinggi, lebih banyak hospital, sebuah stesen televisyen dan radio. Kalau ada, bila dan kalau tidak, mengapa.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil petroleum kerana kadar yang dipakai sekarang, iaitu 5% untuk Kerajaan Persekutuan dan 5% untuk Kerajaan Negeri adalah saksama untuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Mengenai pembinaan hospital, Kerajaan Persekutuan bercadang

membina lebih banyak hospital dalam Rancangan Malaysia Keenam dalam usaha yang berterusan untuk meningkatkan lagi penyediaan kemudahan kesihatan kepada seluruh rakyat Malaysia, termasuklah di Sabah.

Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk membuka satu stesen televisyen dan radio di Sabah. Ini adalah kerana perkhidmatan televisyen dan radio yang ada sekarang adalah memadai untuk memenuhi kehendak-kehendak semasa.

SEKOLAH MENENGAH/ RENDAH—PEMBINAAN

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan sekolah menengah dan sekolah rendah yang telah dibina di seluruh Malaysia mengikut negeri sejak Rancangan Malaysia Kelima (1986) hingga 30hb November, 1990;
- (b) jumlah peruntukan yang disalurkan untuk pembinaan sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama di Sabah sejak 1986 hingga 30hb November, 1990; dan
- (c) bilangan sekolah menengah, sekolah rendah dan sekolah agama yang dibina, khususnya di kawasan P.139—Jambongan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat Tuan Michael Asang dari Jambongan ini memerlukan jawapan yang panjang. Oleh itu, saya memohon agar jawapan tersebut dijawab secara bertulis.

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah 409 buah sekolah baru telah dibina di seluruh negara, iaitu 250 buah

sekolah rendah dan 159 buah sekolah menengah. Peruntukan yang terlibat bagi pembinaan sekolah tersebut adalah \$906.4 juta. Bilangan sekolah-sekolah berkenaan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil.</i>		<i>Jumlah</i>	
	<i>Sek. Ren.</i>	<i>Sek. Men.</i>	<i>Bil.</i>	<i>Kos</i>
				\$
1. Perlis	2	1	3	2,593,450
2. Kedah	10	7	17	32,700,966
3. Pulau Pinang	5	10	15	30,098,169
4. Perak	12	16	28	55,104,137
5. Selangor	26	18	44	80,453,597
6. Wilayah Persekutuan	25	14	39	71,107,994
7. Negeri Sembilan	14	8	22	26,338,212
8. Melaka	—	2	2	3,594,131
9. Johor	27	15	42	58,571,308
10. Pahang	29	12	41	80,051,900
11. Terengganu	10	7	17	21,829,375
12. Kelantan	24	21	45	49,940,277
13. Sabah	32	8	40	132,799,586
14. Sarawak	34	20	54	130,617,020
JUMLAH	250	159	409	906,417,142

(b) Jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk pembinaan sekolah rendah, menengah dan sekolah agama di Sabah dalam tempoh 1986 hingga 30hb November, 1990 adalah seperti berikut:

1. Program Rendah	\$ 56,058,494.00
2. Program Menengah Akademik	\$150,112,720.00
3. Program Menengah Teknik dan Vokasional	\$ 24,950,276.00
4. Sekolah Menengah Agama (SMA Ranau —90% siap)	\$ 10,000,000.00
JUMLAH	\$241,121,490.00

Peruntukan tersebut bukan sahaja digunakan untuk membina sekolah-sekolah baru tetapi juga digunakan untuk ubahsuaikan dan naik taraf sekolah-sekolah yang sedia ada.

(c) Pentadbiran pendidikan Kawasan P.139—Jambangan adalah termasuk dalam kawasan Beluran. Bilangan sekolah rendah dalam kawasan Beluran adalah sebanyak 68 buah dan sekolah menengahnya pula 6 buah. Kawasan ini tidak mempunyai sekolah agama sama ada sekolah agama pentadbiran Kerajaan Persekutuan mahupun sekolah agama Kerajaan Negeri.

BEKALAN TENAGA ELEKTRIK LUAR BANDAR—KELULUSAN

16. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sama ada terdapat kelulusan untuk Bekalan Tenaga Elektrik Luar Bandar bagi daerah Kota Belud pada tahun 1991. Kalau ada, nyatakan nama kampung yang telah diluluskan. Kalau tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Bagi makluman Yang Berhormat, kelulusan projek-projek Bekalan Tenaga Elektrik Luar Bandar untuk tahun 1991 hanya akan diketahui selepas Rancangan Malaysia Keenam dibentang dan diluluskan di Parlimen kelak. Oleh yang demikian, maklumat lanjut mengenainya belumlah dapat diberitahu.

LAPORAN PEMERHATI KOMANWEL

20. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Laporan Pilihanraya Ke-8 oleh kumpulan pemerhati dari negara-negara Komanwel tidak diumumkan oleh Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Soalan daripada Yang Berhormat ini telahpun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman ketika menjawab soalan Yang Berhormat daripada Seputeh pada 2hb Januari, 1991. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah atau mengurangkan kepada jawapan yang telah diberi itu.

MINYAK MENTAH— JUALAN

21. Tuan Foo Piew Kok minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia sebelum penawanan Kuwait oleh Iraq baru-baru ini;
- (b) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia selepas penawanan Kuwait oleh Iraq; dan
- (c) hasil penjualan minyak mentah setiap bulan sejak Julai 1990 hingga sekarang.

Tuan Douglas Uggah Embas: Soalan daripada Yang Berhormat ini telahpun dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap pada 10hb Disember, 1990. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (12hb Februari, 1991).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 semasa perbahasan. Oleh kerana kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah mengenai isu-isu yang sama, saya bercadang untuk menjawab soalan-soalan berkenaan serentak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lumut, Tumpat, Bayan Baru, Batang Lupar dan Kelang, satu kajian yang mendalam telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengenalpasti faedah-faedah pra-persaraan baru yang boleh dilaksanakan bagi kebaikan pencarum-pencarum KWSP, yang mana di antara lain termasuklah cadangan-cadangan pengeluaran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pengeluaran bagi ahli-ahli yang diberhentikan kerja atau tidak bekerja, untuk tujuan perniagaan, pendidikan, rawatan perubatan ataupun menunaikan Fardhu Haji. Pengeluaran sebahagian caruman pada umur 40 tahun dan juga kemungkinan untuk memperluaskan lagi quantum pengeluaran di bawah skim-skim pengeluaran perumahan. Walau bagaimanapun, keputusan telah dibuat bahawa cadangan-cadangan skim-skim pengeluaran yang baru tidak wajar dilaksanakan setelah mengambilkira faktor bahawa berdasarkan kepada prinsip-prinsip Provident Fund, faedah-faedah yang dapat diperolehi adalah bergantung kepada aliran wang caruman masuk.

Pada masa ini berdasarkan kepada profile kedudukan kredit ahli-ahli KWSP adalah didapati bahawa skim-skim pengeluaran seperti yang di-

cadangkan itu tidak akan memberi manfaat kepada segolongan besar pencarum-pencarum KWSP kerana 85% daripada mereka mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada \$10,000.

Berkenaan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pencarum-pencarum KWSP dalam menikmati faedah-faedah pengeluaran perumahan, seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut dan Batang Lupar, saya ingin mengambil peluang untuk menjelaskan bahawa KWSP memang sedar tentang masalah-masalah yang dibangkitkan itu.

Berhubung dengan bayaran sekali gus kepada pemaju-pemaju perumahan dengan penguatkuasaan Akta ini, pembayaran pengeluaran caruman bagi tujuan pembinaan rumah akan dibuat secara berperingkat dan butir-butir terperinci tentang cara pembayaran akan dirangkumi dalam peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah KWSP yang akan diwujudkan di bawah Fasal 71 dan juga Fasal 73 Akta.

Berkenaan dengan pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan pembelian rumah secara bersama oleh suami isteri, dengan izin, joint purchase dimaklumkan bahawa mengikut prosedur yang sedang diamalkan oleh KWSP, suami dan isteri dibenarkan mengeluarkan caruman KWSP untuk membeli rumah sekiranya Perjanjian Jual Beli adalah di atas nama suami isteri bersama.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Bayan Baru dan Kelang telah membangkitkan beberapa aspek berkait dengan kegiatan-kegiatan pelaburan KWSP. KWSP tidak melabur secara terus dalam Bank Islam, tetapi KWSP pernah mengambil bahagian di dalam pelaburan yang diatur oleh Bank Islam mengikut prinsip Islam.

Berkenaan dengan cadangan supaya KWSP menceburi secara terus dalam

usaha-usaha pembinaan rumah, ingin saya menjelaskan di sini bahawa pada masa ini keputusan polisi telah diambil supaya KWSP tidak menceburi terus dalam usaha-usaha pembinaan perumahan. KWSP pada asasnya ialah sebuah pertubuhan bercorak provident fund yang mana peranan dan tanggungjawab utamanya ialah untuk mentadbirkan faedah-faedah keselamatan sosial. Maka sekiranya KWSP menceburi terus dalam peranan sebagai pemaju perumahan, ini adalah berlainan daripada fungsi dan objektif penubuhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan tentang keperluan supaya perwakilan pekerja di Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP ditambah. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menjelaskan sedikit tentang konsep yang digunakan dalam penentuan struktur keahlian Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP. Keahlian Lembaga adalah berdasarkan kepada prinsip, dengan izin, tripartite representation iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja. Perlantikan wakil-wakil majikan dan pekerja adalah dibuat berdasarkan kepada pencalonan-pencalonan yang diterima daripada pelbagai kesatuan-kestauan dan perbadanan-perbadanan di negara kita yang mewakili pelbagai sektor ekonomi, industri dan perniagaan di negara ini. Maka dengan cara ini adalah ditentukan supaya semua golongan pekerja diwakili di Lembaga.

Panel Pelaburan KWSP adalah sebuah badan yang diberi tanggungjawab yang khusus dalam operasi KWSP iaitu berkenaan dengan pengurusan pelaburan KWSP. Juga Panel Pelaburan merupakan satu badan yang bertanggungjawab kepada arahan Lembaga seperti yang disebutkan di dalam Fasal 18 subseksyen 2. Maka keahlian Panel Pelaburan adalah selaras dengan fungsi-fungsi yang diberi kepada Panel Pelaburan di mana ahli-ahli profesional

yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan pelaburan dilantik. Di peringkat Panel Pelaburan, keahlian mengikut prinsip perwakilan tripartite tidak diperlukan memandangkan bahawa ianya bukan badan yang diberi tanggungjawab perundangan untuk menguruskan Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan. . . .

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan?

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, Panel Pelaburan yang menjalankan tugas bagi pihak Lembaga Kumpulanwang ini, saya rasa, mempunyai tanggungjawab bersama ke atas wang yang terkumpul di dalam KWSP. Oleh yang demikian, saya tidak nampak apa sebab. Kalau pihak pekerja boleh menjadi ahli kepada Lembaga, kenapa tidak pihak pekerja juga yang mempunyai kepentingan di atas wang yang terkumpul itu juga duduk di dalam Panel Pelaburan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah saya jawab tadi, saya sekadar menambah bahawa Panel ini adalah tertakluk kepada dasar, dan arahan yang dibuat oleh pihak Lembaga dan di dalam Lembaga tersebut terkandung di dalamnya wakil-wakil daripada pekerja. Jadi sewajarnya wakil-wakil daripada pihak pekerja dapat mengawasi apa jua langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak Panel Pelaburan. Jadi di sini kepentingan pekerja masih lagi terpelihara melalui perwakilan pekerja secara tripartite dan sambil itu pula kita juga sewajarnya

meletakkan kepercayaan kepada mereka yang sengaja dipilih berdasarkan kepada keupayaan mereka dan juga, dengan izin, integrity mereka yang menganggotai Panel Pelaburan ini.

Seterusnya, saya ingin merujuk di sini tentang soal Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menaikkan kadar caruman KWSP. Bahawa inilah pendirian Kerajaan dan kadar caruman KWSP merupakan kadar statutory, dengan izin, yang mana boleh diubahsuai dengan meminda Jadual Ketiga. Walau bagaimanapun perkara ini boleh dipertimbangkan semasa keadaan ekonomi meningkat tetapi perkara penting yang akan diambil kira oleh Kerajaan. . . .

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan?

Tuan Ahmad bin Nor: Sepertimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri pada awal-awal lagi bahawa pekerja-pekerja yang menjadi ahli kepada KWSP, 85% daripada mereka adalah mereka yang mempunyai simpanan tidak lebih daripada \$10,000. Ini sendiri sudah menjadi satu kenyataan bahawa kadar caruman yang ada pada ketika ini tidak memadai dan perlu disemak semula. Kalau saya tidak salah, kadar mengikut Jadual Ketiga yang disebutkan tadi telah wujud mungkin lebih daripada 10 tahun dan mungkin Timbalan Menteri sendiri boleh menjelaskan hal ini. Kadar ini tidak disemak begitu lama dan selagi kadar ini dikekalkan sepertimana mengikut Jadual Ketiga, saya tidak nampak kita boleh menurunkan 85% pekerja-pekerja yang menjadi ahli KWSP, diturunkan daripada 85% itu untuk memberi peluang kepada kebanyakan ahli-ahli KWSP dapat menyimpan wang mereka dengan kadar yang lebih tinggi yang sesuai untuk simpanan hari tua mereka. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita perlu mengambil kira tentang beban yang mungkin terpaksa ditanggung oleh pihak pekerja jika sekiranya kita hendak menaikkan kadar-kadar caruman. Kadar caruman yang hendak dinaikkan, bukan sahaja caruman yang perlu dibuat oleh pihak majikan tetapi juga perlu diikuti pula dengan kenaikan caruman daripada pihak pekerja.

Golongan mereka yang berpendapatan rendah terpaksa memikul sebahagian daripada beban di mana pendapatan yang perlu digunakan untuk menyara hidup hari demi hari terpaksa dimasukkan dalam caruman. Itu adalah sebab mengapa kita terpaksa menunggu keadaan dan suasana dalam ekonomi negara di mana taraf hidup pekerja di semua peringkat, lebih-lebih lagi di peringkat rendah dapat kita tingkatkan dan dengan cara demikian mereka lebih mampu untuk membayar kadar caruman yang lebih tinggi supaya semasa mereka bersara pada umur yang lebih tua, maka caruman yang tersimpan akan menjadi lebih banyak lagi. Pihak Kerajaan tidak mengatakan tidak boleh, sekadar kita mengatakan bahawa berdasarkan kepada kemampuan kedudukan ekonomi yang boleh menggambarkan kemampuan masyarakat pekerja untuk menampung kadar caruman yang lebih tinggi.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi itu merupakan satu bebanan. Semalam pun saya ada sebutkan bahawa Kerajaan Singapura telah meletakkan kepada kadar 35% caruman kepada Kumpulan-wang Simpanan Pekerja mereka, dan kita hari ini di dalam keadaan 20%. Kalau di Singapura pekerja-pekerja boleh men-carum sebanyak 15% daripada pendapatan ataupun upah gaji mereka dan pihak majikan boleh memberi caruman sebanyak 20%, apakah salah kalau menaikkan kita punya 20% kepada 25% atau 30% yang mana kadar caruman

pekerja boleh dinaikkan 2% atau 3% dan yang bakinya dinaikkan oleh pihak majikan. Saya tidak nampak satu bebanan yang besar. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengkaji semula tentang Jadual Ketiga ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya sungguh terbuka. Saya tidak menolak saranan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, sekadarkan kita hendak membayangkan jika sekiranya kita naikkan 1% pun, maka 10% daripada pendapatan pekerja di peringkat rendah terpaksa disalurkan dalam bentuk caruman, misalnya 10% daripadanya \$450. Jadi, kalaulah Yang Berhormat kata kita pertimbangkan cadangan Yang Berhormat, saya menjawab bahawa jawapan saya sungguh terbuka kemungkinan untuk menimbang berdasarkan kepada suasana yang mengizinkan kemampuan masyarakat pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan Pengerusi dan Pengurus Besar, Ahli Yang Berhormat dari Klang telah membangkitkan isu berhubung dengan Pengurus Besar KWSP yang dilantik menjadi Pengerusi. Sebenarnya tujuan subseksyen (4) dan Fasal 30 (2) adalah untuk mengadakan peruntukan membolehkan Pengerusi menjadi Pengurus Besar, iaitu membolehkan Pengerusi Lembaga bertugas sebagai Ketua Eksekutif KWSP dan bukan sebaliknya. Adalah dirasakan sekiranya keadaan memerlukan perlantikan seorang Pengerusi Lembaga sepenuh masa adalah juga lebih sesuai sekiranya beliau juga diberi kuasa-kuasa eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara caruman KWSP yang tidak dituntut, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, saya telah memberi penjelasan semalam dan pada masa yang lalu, semasa mesyuarat Dewan ini, tentang usaha-usaha yang sedang diambil oleh KWSP semasa

perbahasan dan juga semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran pada 8hb Februari di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai bayaran lebihmasa dikecualikan daripada definisi gaji. Di bawah Undang-undang Buruh di negara ini, seseorang pekerja adalah hanya dikehendaki bekerja untuk 8 jam sehari dan 40 jam seminggu dan diberikan satu hari dalam seminggu sebagai hari rehat. Pekerja tidak dikehendaki bekerja lebih daripada masa-masa yang ditetapkan ini, kecuali jika sekiranya secara sukarela dan dibayar bayaran lebihmasa. Kadar bayaran lebihmasa juga berbeza di mana kadar gaji yang dibayar adalah 1½ kali ganda atau mungkin juga 2 kali ganda daripada kadar gaji biasa. Insentif bagi seorang pekerja untuk bekerja lebihmasa, sama ada di tempat kerja ataupun secara persendirian adalah untuk mendapatkan sumber kewangan yang lebih untuk memenuhi perbelanjaan semasa. Sekiranya wang yang diperolehi ini dikenakan caruman KWSP, maka ini tidak menguntungkan pekerja dan pekerja mungkin lebih suka menghabiskan masa dengan berehat. Jadi, dengan sebab itu pihak KWSP mengecualikan sumber pendapatan daripada lebih bekerja. . . .

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua Ahli bangun. Bayan Baru dulu!

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan semalam saya telah menjelaskan bahawa ada majikan-majikan atau syarikat-syarikat yang kurang bertanggungjawab. Mereka

sengaja telah menggunakan tenaga yang kurang dalam syarikat mereka dengan menggalakkan kerja-kerja lebihmasa, kerana bila buat bayaran lebihmasa, mereka tidak perlu membayar EPF, tidak perlu mengambil pekerja di mana mereka terpaksa beri cuti dan lain-lain faedah. Syarikat-syarikat ini sengaja telah mengambil kesempatan untuk mengurangkan tenaga pekerja dengan membuat bayaran lebihmasa dan kerja-kerja itu dipaksa, dikehendaki bekerja, bukan sukarela. Di samping itu, saya juga sentuh, mungkin sekejap lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab tentang ada elaun-elaun tetap yang menjadi sebagai pendapatan pulang-balik ataupun take-home pay kepada pekerja-pekerja yang tidak menggariskan atau dikenakan bayaran EPF. Syarikat-syarikat sengaja mengurangkan gaji, membuat bayaran elaun, termasuk elaun lebihmasa supaya mereka tidak perlu membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Itu maksud saya semalam. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya menjawab tadi bahawa sumber daripada kerja lebihmasa itu dengan sebab sukarela. Kalau berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang mengatakan bahawa bekerja untuk 8 jam sehari dan 48 jam seminggu. Jadi, sekiranya ada kes-kes di mana sengaja dipaksa untuk tujuan mengelak daripada pembayaran caruman oleh pihak majikan dengan cara memaksa pekerja bekerja lebihmasa, saya percaya perkara ini perlu dirujuk kepada peruntukan undang-undang mengenai soal buruh di negara kita ini.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, seorang lagi bangun.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya ialah di negara kita ini tidak ada satu minimum wage ataupun gaji minima, oleh itu majikan boleh meletakkan berapa sahaja gaji mengikut sewenang-wenangnya. Jadi, mungkin soal paksa ini tidak berbangkit tetapi keadaan pekerja itu terpaksa menjalankan kerja-kerja lebihmasa untuk memenuhi kehidupan mereka. Oleh itu, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi, untuk mengelakkan daripada membayar caruman kepada EPF, mereka meletakkan gaji yang rendah dan juga sebagai insentif, mereka memberi beberapa insentif lain dan mungkin take-home pay yang tetap mereka agak tinggi yang dikecualikan daripada EPF.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita dari masa ke semasa sebenarnya menuju ke arah apa yang boleh ditafsirkan sebagai minimum wage, bukan berdasarkan kepada proses legislative, dengan izin, menuju ke arah minimum wage berdasarkan kepada keadaan ekonomi yang menggunakan tenaga sepenuhnya, berdasarkan kepada penawaran dan juga permintaan terhadap buruh. Kebelakangan ini kita pun sudah merasakannya di mana lebih pekerja dibandingkan dengan permintaan terhadap pekerja makin lama makin kurang. Sama ada Yang Berhormat dari Machang sedar ataupun tidak sedar, maka ini membawa pengaruh-pengaruh dalam pasaran buruh yang menuju ke arah menentukan upah yang minima. Jadi, kalau sekiranya itu dapat kita penuhi, maka ruang-ruang untuk exploitation, dengan izin, terhadap pekerja, maka dapat dikurangkan. Selain daripada itu, kita juga ada peruntukan undang-undang mengenai soal buruh untuk mengawasi langkah-langkah yang tidak menyenangkan kita, yang menjejaskan kebajikan pekerja. Jadi, hingga kini tafsiran KWSP adalah berdasarkan kepada apa yang telah saya sebutkan tadi, kerja lebihmasa

berdasarkan kepada pilihan pekerja-pekerja sendiri.

Mengenai kerja-kerja yang diberi secara kontrak dan dengan itu majikan-majikan tidak bertanggung mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja-pekerjanya, perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, terdapat dua konsep perundangan, iaitu contract of service dan contract for service, dengan izin, berhubung dengan definisi gaji. Sesuatu pembayaran itu adalah gaji jika pembayaran itu kena dibayar oleh majikan di bawah contract of service, dengan izin, iaitu di mana wujudnya pertalian di antara majikan dan pekerja ataupun dengan izin, master/servant relationship. Ini adalah penting kerana undang-undang memperuntukkan bahawa majikan atau master dipertanggungjawabkan sekiranya majikan gagal membayar caruman kepada KWSP. Majikan juga dipertanggungjawabkan untuk membayar caruman-caruman ini boleh didakwa di mahkamah dan didenda serta dipenjarakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria untuk menentukan master/servant relationship, dengan izin, adalah seperti berikut:

- kerja-kerja dilakukan di tempat kerja majikan;
- kerja-kerja dilakukan dengan menggunakan perkakas dan peralatan majikan;
- pekerja tidak boleh digantikan dengan pekerja lain;
- terdapat kawalan dan penyeliaan mengenai kerja-kerja yang dilakukan.

Sekiranya kriteria ini dipenuhi, KWSP akan menyifatkan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai perkhidmatan di bawah contract of service, dengan izin. Ini bermakna wujudnya pertalian master-servant

relationship, dengan izin, di antara majikan dan pekerja dan oleh itu apa-apa bayaran yang dikenakan dibayar kepada pekerja disifatkan sebagai gaji dan dikenakan caruman KWSP.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Walau bagaimanapun, di bawah cadangan undang-undang yang baru ini, suatu peruntukan yang khusus iaitu Seksyen 72 (a) dan (b) telah dimasukkan di mana jika pihak KWSP dapati mana-mana majikan cuba mengelakkan daripada membayar caruman, Menteri mempunyai kuasa untuk;

- (a) menghendaki mana-mana orang di dalam mana-mana tred, perniagaan atau profession mencarum kepada KWSP, ataupun;
- (b) menyifatkan apa-apa pembayaran sebagai gaji dan dengan itu kena dibayar caruman KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab, mana-mana yang. . .

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kerja-kerja kontrak sepertimana yang dijelaskan tadi, kita faham bahawa apa yang disebut, dengan izin, contract of service memang kita faham. Pekerja-pekerja yang bekerja di satu-satu tempat, majikan bertanggungjawab membayar caruman KWSP. Tetapi apa yang kita lihat menjadi satu penyelewengan, satu tindakan penindasan terhadap kaum pekerja adalah pekerja-pekerja yang di bawah kawalan kontraktor di mana pekerja-pekerja ini telah bekerja dengan mana-mana satu syarikat melalui kontraktor dan kerja-kerja itu adalah kerja-kerja biasa, bukan

kerja kontrak buat sementara ataupun kerja-kerja kontrak biasa, tetapi kerja memproses ataupun mengoperasi, menjalankan pengeluaran. Dan kerja-kerja ini tidak dibayar caruman kepada EPF sama ada oleh kontraktor berkenaan ataupun syarikat yang mengambil mereka ini secara kontrak di bawah kontraktor. Ini yang sedang dihadapi sekarang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, di antara peruntukan yang ada di dalam Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, beban untuk memaklumkan perkara ini berlaku terletak kepada majikan. Ini memperkukuhkan pihak KWSP untuk mengesan apa jua jenis kerja-kerja ataupun apa jua perhubungan di antara majikan dengan pekerja di peringkat mana walaupun sepanjang mana.

Tuan Ahmad bin Nor: Adakah KWSP akan menyiasat dan mengambil tindakan kepada kontraktor-kontraktor yang mungkin menjadi majikan yang sebenar kepada pekerja-pekerja yang bekerja di dalam syarikat, tetapi syarikat tidak menjadi majikan kepada pekerja-pekerja ini? Adakah Kerajaan akan menyiasat dan mengambil tindakan kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai pekerja, tetapi tidak membuat caruman kepada KWSP?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya katakan tadi bahawa peruntukan undang-undang ini, di antaranya memerlukan siapa jua yang mendaftarkan syarikat mereka bahawa mereka wujud di bawah peruntukan undang-undang. Selepas itu mereka juga diletakkan beban untuk melaporkan apa yang mereka buat. Jadi, kalau sekiranya begitu, maka memudahkan langkah-langkah mengesan dan seterusnya membawa siapa pun dalam hal ini untuk tindakan yang sewajarnya oleh pihak KWSP.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya sampaikan berdasarkan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 39—

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Fasal 54 (1). . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Fasal berapa?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Fasal 54 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Belum sampai lagi, Yang Berhormat. Fasal 1 sampai 39.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Bukan 59?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada yang lain? Bukit Bintang.

4.07 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Fasal 18 (1) mengenai Panel Pelaburan. Dan kita boleh lihat daripada fasal ini Ahli-ahli Panel ini tidak ada seorang wakil pekerja. Dan kita sudah menyaksikan Panel Pelaburan EPF dahulu pada tahun 1985, EPF ada terlibat dalam kes MAKUWASA Panel Investment adalah membeli saham-saham daripada syarikat-syarikat atau syarikat koperat daripada kompani yang dikawal oleh pihak tertentu iaitu yang dahulu saya dapat tahu daripada Menteri Kewangan seperti Raleigh, Cycle & Carriage yang pelaburan ini dengan wang yang besar, bukannya \$100,000 atau \$200,000 tetapi bermillion-million wang ini. Dan harga saham daripada syarikat ini semua turun dan yang saya tahu itu pun EPF sudah rugi wang lebih \$500 million. Jadi, yang kita tengok daripada sini ahli-ahlinya:

- (a) Pengerusi, atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Menteri, yang hendaklah menjadi Pengurus Panel Pelaburan;

Ini mungkin kita boleh terima.

- (b) Gabenor atau wakilnya;
- (c) seorang wakil dari Kementerian Kewangan;
- (d) Pengurus Besar, yang hendaklah menjadi seorang ahli ex-officio; dan
- (e) tiga orang lain yang mempunyai pengalaman dalam kewangan, perniagaan atau pengalaman lain yang relevan, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

Kenapa pekerja-pekerja tidak masuk jadi seorang ahli dan wang yang dilabur, wang EPF ini wang pekerja, bukan wang

Kerajaan. Kita mesti ada seorang wakil pekerja, kalau tidak separuh pun ahli Panel Pelaburan ini, oleh kerana Panel Pelaburan ini melabur wang pekerja. Kalau tiada wakil pekerja di dalam Panel ini, memang kita boleh menyaksikan satu lagi kes MAKUWASA yang menghabiskan atau merugikan wang pekerja di negara kita. Wang yang habis kita sudah tahu daripada pengalaman kita tahun 1985, tahun 1986 kes MAKUWASA. Saya rasa Timbalan Menteri pun tahu ataupun sedar kes itu EPF sudah rugi wang lebih \$500 million. Wang ini kita rugi oleh kerana kita beli syer-syer atau saham daripada syarikat seperti Raleigh, Cycle & Carriage dan sebagainya.

Mereka juga membeli saham-saham ini melalui satu stockbroker sahaja iaitu G.T. Securities. Dan pada masa itu yang saya tahu juga, Pengerusi Panel Pelaburan ini ialah Tan Sri Thong Yow Hong. Dia juga ada relationship, dengan izin, dengan G.T. Securities. Dia ada waris-waris di dalam G.T. Securities. Dan G.T. Securities ini pun, saya rasa mereka dapat komisyen daripada KWSP ini bermilion-milion ringgit juga. Kenapa Panel Pelaburan KWSP ini beli syer dari satu stockbroker sahaja, bukannya spread-out, dengan izin. Jadi, saya harap Kerajaan memasukkan satu subseksyen lagi iaitu (f), masukkan yang paling sedikit dua orang ahli di dalam Panel Pelaburan ini. Kalau tidak, saya boleh jamin kita akan menghadapi masalah seperti MAKUWASA lagi dan wang pekerja yang kita hendak jaga, dan kita hendak invest itu mungkin terjejas dan interests pekerja, dengan izin.

Juga ada satu Fasal lagi iaitu Fasal 20 (1)—Kuorum. Kita dapati Fasal ini mengatakan: "Pengerusi Panel Pelaburan dan dua orang ahli lain Panel Pelaburan adalah membentuk kuorum pada semua mesyuarat Panel Pelaburan." Jadi, kita ada tiga orang

sahaja, tiga orang sudah jadi satu kuorum boleh melabur wang-wang pekerja dengan berjuta-juta, bermilion-milion. Ini saya rasa tidak patut. Yang kita tahu selalu kuorum dalam satu persatuan atau satu jawatankuasa mesti ada setengah. Yang seperti ini dia kata tiga orang sahaja. Daripada seksyen 18 dia ada tujuh orang. Ini kecil sedikit. Kalau dia kata empat orang, itu memang adil sedikit. Sebab ini wang rakyat, wang pekerja. Wang yang mereka perolehi dari hasil bekerja kemudian simpan di dalam KWSP untuk apa? Untuk waktu mereka bersara atau apabila berumur 55 tahun. Kalau wang ini semua dilabur dan dapat rugi, akhirnya mereka tidak dapat wang.

Mungkin Timbalan Menteri kata Kerajaan bertanggungjawab. Bertanggungjawab dengan mulut saya rasa tidak payah, tetapi kita mahu dengan adil, dengan teliti. Ada seksyen yang menjaga kepentingan pekerja dengan sesungguhnya. Kalau Fasal-fasal yang sebegini saya rasa memang kita akan ada peluang atau kes seperti MAKUWASA, salahguna kuasa, salahguna wang KWSP akan berulang sekali lagi.

Jadi, saya harap Kerajaan melalui Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengkaji semula seperti Fasal 18 (1) untuk memasukkan dua ahli pekerja di dalam Panel Pelaburan ini, dan juga seksyen 19 untuk menaikkan kuorum Panel Pelaburan ini daripada 3 orang ke-4 orang. Ini adalah untuk menjaga kepentingan pekerja. Kalau tidak, kita ada tiga orang Panel jadi kuorum. Ini memang kita ada beri peluang untuk Panel ini salahgunakan wang serta menyalahgunakan kuasa mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

4.16 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 1. Yang

Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini akan menggantikan Akta KWSP 1951. Tetapi dia tidak memberi sebab-musabab yang definitif mengapa kita hendak gantikan sama sekali walaupun sebahagian besar yang terkandung di dalam itu serupa dengan Akta yang lama. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan yang lebih lengkap dan tepat lagi? Mungkin kerana tarikh-tarikh penguatkuasaan Akta KWSP 1951 dengan pindaan-pindaan beberapa kali, tarikh penguatkuasaan itu bertindih-tindih dan sebagainya. Mungkin lah itu satu andaian saya sahaja.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 4 (d) (iii)-"lima orang hendaklah merupakan pekerja-pekerja yang mencarum kepada Kumpulan Wang."

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan dan memberi penjelasan mengapa lima masih dikekalkan walaupun bilangan pencarum itu bertambah dengan begitu banyak daripada 5,000 pada tahun 1951 sehingga sekarang 40 tahun kemudian lebih 5.4 juta. Mengapa wakil mereka tidak boleh ditambahkan, dengan bilangan pencarum yang bertambah dan wakilnya tidak ditambah. Apakah rasional ataupun ta'akulan mengenai bilangan wakil pekerja ini?

Tuan Pengerusi, Fasal 26 (f) (b) mengenai pelaburan ke atas sekuriti.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal berapa Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Fasal 26 (f) (b) mengenai pelaburan di dalam sekuriti Kerajaan. Fasal 26 (f) (b). Nampaknya masih kekal jumlah amaun pelaburan sekuriti Kerajaan itu pada tahap 70%.

Tuan Pengerusi, adalah perlu bagi pihak Kementerian mempertimbangkan hal ini kerana dengan beberapa jabatan

atau beberapa projek Kerajaan telahpun diswastakan. Ini bermakna Kerajaan tidak memerlukan dengan begitu banyak wang daripada KWSP yang menjadi satu sumber pembiayaan yang murah dengan faedah yang rendah. Dengan itu memang hasrat pihak pekerja ialah untuk melabur di dalam bidang yang lebih lumayan faedahnya. Kalau kita sekatkan pada tahap 70% pada jumlah, walaupun ada disebutkan bahawa dari setahun ke setahun dia boleh sampai ke 50% tetapi jumlah pelaburan itu 70% bagi sekuriti-sekuriti Kerajaan.

Pada pendapat saya ini tidak begitu munasabah kerana dividen yang dibayar kepada pekerja itu masih tetap pada tahap 58% setahun. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempertimbangkan sama ada angka 70% boleh diturunkan kepada 60% atau 50% pelaburan ke dalam sekuriti Kerajaan.

Ini adalah satu perkara yang penting yang mana pihak pekerja-pekerja mengharap-harapkan dividen yang lebih banyak daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan setakat ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada Fasal yang lain?

Dr Tan Seng Giaw: Ada, seksyen 54.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Seksyen 54, kita belum sampai ke situ lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Ini saya merujuk kepada seksyen demi seksyen, sebab ini agak rumit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Fasal 1 hingga 30.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, ini sangat rumit, sebab itulah kita perlu mengambil masa yang begitu panjang untuk

membahas Rang Undang-undang yang begitu rumit ini. Mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri setuju dengan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat tidak ada Fasal yang lain yang hendak dibangkitkan, sila duduk!

Dr Tan Seng Giaw: Memang saya ada point, cuma Fasal itu tidak tepat serta subsection—saya ada point, tetapi saya tungguhah hingga Fasal 36.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Yang pertamanya, Yang Berhormat sewajarnya maklum lebih awal lagi bahawa KWSP ini bukan sumbangan daripada pekerja sahaja, ada juga sumbangan dari pihak majikan. Itu satu pembetulan.

Pembetulan yang kedua, saya ingin menegaskan di sini bahawa semasa kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, sama ada nilai saham turun, bukan nilai saham yang dipegang oleh KWSP sahaja yang turun, bahkan rata-rata saham turun. Keadaan pasaran sebegitu rupa. Walaupun rugi pada masa tersebut, bukan rugi yang sebenarnya tetapi adalah dalam bentuk rugi di atas kertas sahaja.

Saya ingin menambah bahawa KWSP sudahpun wujud sejak 40 tahun lalu. Kalau sekiranya Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak merujuk kepada kes yang tertentu sehinggakan mempunyai kecurigaan yang tidak berketentuan adalah tidak tepat. 40 tahun, track record, dengan izin, yang baik sehinggakan pihak Pengurusan KWSP sudahpun mampu sejak 10 tahun

yang lalu membayar pulangan tak kurang daripada 8%, tidak pernah merujuk kepada sumber Kerajaan untuk membayar apa yang hak kepada pekerja dan sambil itu pula, Tuan Pengerusi, apa yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan pada masa tersebut adalah menepati dengan peruntukan undang-undang.

Saya ingin menambah di sini, Tuan Pengerusi, bahawa kepentingan pekerja terpelihara walaupun wakil pekerja secara khusus tidak ada dalam Panel Pelaburan, kerana akhirnya Panel Pelaburan terpaksa merujuk kepada Lembaga KWSP dan juga kepada Menteri Kewangan. Ini ada diuntukkan dalam Fasal 18 (2). Jadi, Tuan Pengerusi, saya inginlah membetulkan tanggapan yang serong dari pihak Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Janganlah meletakkan kecurigaan sebegitu rupa, sehinggakan kita melupakan rekod-rekod yang baik yang telah termaktub dalam sejarah KWSP yang menjaga kepentingan masyarakat pekerja.

Mengenai soal kuorum, jumlah ahli kuorum dalam Panel Pelaburan adalah 7 (tujuh). Jadi, pada prinsip dan amalannya kita tidak mengambil lebih daripada satu-pertiga untuk mewujudkan satu-satu kuorum dan itu merupakan kuorum yang paling minima. Saya rasa mereka yang dilantik menjadi keahlian Panel Pelaburan adalah mereka yang bertanggungjawab dan jika sekiranya ada mesyuarat, saya percaya mereka akan hadir untuk memenuhi kuorum lebih daripada yang minima.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah beliau beritahu Dewan yang mulia ini, kenapakah pekerja-pekerja tidak ada apa-apa representasi di dalam Panel Pelaburan

ini? Memang wang KWSP termasuk juga caruman majikan, tetapi kita mengadakan KWSP adalah untuk menjaga kepentingan pekerja sewaktu mereka bersara. Terima kasih.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, keahlian daripada kalangan pekerja sudahpun termaktub di dalam Rang Undang-undang ini di peringkat Lembaga iaitu 5 orang untuk dilantik menjadi ahli dalam Lembaga.

Saya sudah sebutkan tadi bahawa Panel Pelaburan ini perlu mendapat arahan daripada pihak Lembaga dan juga daripada pihak Menteri.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, kalau saya merujuk kembali kepada Fasal 18 (1) yang terkandung di situ, selain daripada Pengerusinya adalah juga Gabenor Bank Negara, seorang wakil daripada pihak Kementerian Kewangan, Pengurus Besar KWSP sendiri dan tiga orang yang lain.

Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan, (1) Pengerusi; (2) Gabenor Bank Negara; (3) Wakil dari Kementerian; (4) Pengurus Besar (KWSP); dan (5) tiga orang lain yang terdiri daripada kalangan mereka yang sesungguhnya boleh membantu untuk urusan Panel Pelaburan. Jika sekiranya ada di antara mereka ini yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang disebutkan dalam peruntukan ini, mungkin bukan sahaja mereka yang peka terhadap kepentingan pekerja, mungkin tidak terkecuali daripada kalangan pekerja juga. Jadi, bukan sahaja dari segi kepekaan mereka menjaga kepentingan pekerja, mungkin juga daripada kalangan pekerja itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Saya tegaskan ucapan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dengan panjang lebar, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Kepong ada di sini tetapi dia tak dengar. Dia hendak menuntut saya mengulang kembali. Jadi, mungkin dia tak faham, Tuan Pengerusi. Oleh itu, saya sebutkan secara ringkas mengapa Undang-undang yang dibuat pada tahun 1951 perlu dimansuhkan dan mengapa Rang Undang-undang ini dibentangkan supaya dipersetujukan oleh Mesyuarat kita kali ini.

Di antaranya, Tuan Pengerusi, ialah:

“Untuk kuasa undang-undang yang melengkapkan lagi kemampuan pihak KWSP melaksanakan tanggungjawabnya kerana kita dapati bahawa kuasa undang-undang tidak begitu lengkap untuk memastikan bahawa jentera operasi yang lebih berupaya; untuk mengizinkan KWSP memainkan peranan yang lebih luas dalam bidang pelaburan; seterusnya untuk membanteras penyelewengan melalui sistem penguatkuasaan; untuk mengubah penalti-penalti yang sejajar dengan penyelewengan yang berlaku; untuk mengizinkan opsyen-opsyen kepada pihak pekerja membuat pilihan untuk mencarum; dan seterusnya berbagai-bagai lagi pindaan sehinggakan bahawa undang-undang tahun 1951 ini perlu dirombak supaya dimansuhkan dan digantikan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini.”

Tuan Pengerusi, mengenai bilangan pekerja, saya ingin menyebut lagi sekali bahawa di peringkat Lembaga keahlian pekerja, majikan dan ahli-ahli yang lain adalah berdasarkan kepada prinsip tripartite.

Seterusnya, saya ingin menyebut tentang saranan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya 70% daripada pelaburan ke arah sekuriti Kerajaan itu diturunkan lagi. Had 70% ini dianggap

perlu dikekalkan untuk memastikan bahawa sumber KWSP masih lagi merupakan sumber untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan daripada cara pinjaman seperti yang telah kita laksanakan daripada dahulu hingga sekarang dan sambil itu pula, kita hendak memastikan bahawa pelaburan yang dibuat oleh KWSP adalah pelaburan yang selamat, terpelihara dan pulangnya juga terjamin.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memandangkan usaha-usaha Kerajaan untuk menswastakan begitu banyak projek dan disarankan oleh pihak pemimpin Kerajaan bahawa penswastaan akan mengurangkan beban dan akan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan. Jadi, kononnya dengan kejayaan penswastaan ini mungkin peratusan sekuriti Kerajaan ini boleh diturunkan, kerana Kerajaan dengan beban yang lebih ringan itu tak payahlah hendak pinjam wang daripada pekerja lagi. Itulah maksud saya. Saya pun hendak tahu pendapat daripada Yang Berhormat mengenai meningkatkan lagi dividen yang ditetapkan pada tahap 8% sahaja sekarang.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong dia tak faham tentang pengurusan kewangan Kerajaan. Walaupun kita mempunyai dasar penswastaan, pengurusan kewangan Kerajaan masih lagi bersandarkan kepada berbagai-bagai sumber, di antaranya adalah sumber daripada KWSP. Satu lagi perkara saya ingin sebutkan untuk sekurang-kurangnya supaya Yang Berhormat dari Kepong ini faham. Dari segi pragmatismya, bahawa pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini melampaui kematangannya dalam masa 20-25 tahun yang akan datang. Apapun

pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan daripada KWSP, adalah dalam bentuk instrument-instrument yang matang pada masa 20-25 tahun yang akan datang. Jadi, untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-undang ini agak pragmatis, maka kita menjangka bahawa untuk masa-masa yang agak jauh juga, tak mungkin perbezaan perubahan-perubahan dibuat dengan ketaranya.

Mengenai 8%, Tuan Pengerusi. . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang kita mesti melabur kepada bidang-bidang di mana kita boleh mendapat faedah supaya ia selamat untuk dilaburkan dan sebagainya. Ini satu perkara yang baik dan kita mesti sentiasa berwaspada. Adakah pihak Kementeriannya bercadang untuk membenarkan pihak KWSP untuk menceburkan pelaburannya di dalam, misalnya, bidang perumahan? Adakah dianggapkan bidang perumahan ini tidak stabil? Kalau tidak stabil, adakah tidak dibenarkan untuk melabur di dalam bidang seperti ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya hendak jawab apa yang dia tanya dahulu, dan kalau dia tak hendak saya jawab, jadi dia tak payah buat soalan tambahan yang lain.

Mengenai 8%, saya hendak sebut di sini 8% ini adalah sejak 10 tahun yang lalu dan sebelum 1980 kurang daripada 8%. Jadi ini bermakna bahawa pelaburan yang dibuat oleh KWSP sejak 10 tahun yang lalu adalah jenis pelaburan yang membawa pulangan yang lebih baik untuk mengizinkan pembayaran dividen yang lebih tinggi sejak 10 tahun yang lalu. Ini adalah fakta yang menjadi bukti bahawa dividen sudahpun bertambah

kalau hendak dibandingkan dengan 30 tahun sejak daripada tarikh penubuhan hingga sampai 1980.

Jadi, Tuan Pengerusi, yang baru dibangkitkan tadi saya sudah terlupa. Yang Berhormat hendak jawapan yang itu?

Dr Tan Seng Giaw: Mengapakah Kerajaan menegahkan pihak EPF daripada melaburkan kepada bidang-bidang seperti perumahan? Adakah kerana bidang perumahan ini begitu tidak stabil? Ataupun pada setengah-setengah itu cukup baik untuk dilaburkan kerana pulangan yang lebih tinggi di bidang seperti ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat dari Kepong merujuk kepada mukasurat 9, istilah kepada "syarikat yang diluluskan"—ertinya satu syarikat yang ada di antara tujuan utamanya ialah untuk menggalakkan pemunyaan rumah secara membuat pendahuluan jumlah-jumlah wang dan sebagainya. Ini adalah di antara perkara-perkara yang termasuk dalam peruntukan pelaburan yang mana pihak KWSP mungkin membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat yang diluluskan yang mempunyai keutamaan untuk membina rumah. Jadi, Tuan Pengerusi. . .

Dr Tan Seng Giaw: Ingin saya sebutkan di sini kerana sejak awal tahun lagi ada kenyataan mengenai hasrat Kerajaan untuk menegahkan pihak KWSP daripada menceburkan diri dalam housing development ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kebanyakannya bersangkutan-paut dengan dasar dan mengapa tidak membangkitkannya dalam sesi membahaskan dasar? Sekarang sepatutnya. . .

Dr Tan Seng Giaw: Jawapan itu tidak jelas.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat patut khususnya soalan-soalan Yang Berhormat kepada butiran-butiran yang terkandung dalam Rang Undang-undang secara lebih spesifik.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan butir-butir yang kena-mengena dengan perbincangan. Misalnya. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Misalnya di mukasurat 9 ada tersebut "Perumahan" di situ.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak payah berhujah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan dengan jawapan yang hendak diberi.

Dr Tan Seng Giaw: Itu mesti ada, Tuan Pengerusi!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah jawab kesemuanya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, maka Fasal 1 hingga 39 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 40 hingga 86—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Machang.

4.39 ptg.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Fasal 54.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Fasal 54, berhubung dengan pengeluaran caruman.

Pertama sekali saya ingin mencadangkan supaya membolehkan mereka yang diberhentikan kerja (retrenched), yang terpaksa berhenti kerja kerana sesuatu bukan kesalahan mereka diberi peluang untuk mendapat EPF mereka. Jadi biasanya mereka yang diberhentikan kerja ini sudah tidak ada lagi pendapatan lain. Mereka akan menganggur dan sudah sewajarnya mereka diberi peluang untuk mendapatkan caruman EPF mereka. Kemudian saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Fasal 54 (1) (a), khususnya mengenai pekerja Islam yang telah meninggal dunia.

Adakah pembahagian pusaka kepada waris-waris yang telah meninggal dunia sekarang ini dibahagikan secara faraid ataupun diberi kepada seorang penama sahaja. Jadi saya rasa sewajarnya bagi pekerja Islam pembahagian pusaka EPF ini sepatutnya dibahagikan secara faraid kerana mungkin seseorang Islam itu mungkin beristeri lebih daripada satu. Ini bukan serentak, bukannya bermadu, ertinya mungkin mereka telah mendirikan rumahtangga pertama gagal kemudian mendirikan rumahtangga yang kedua. Jadi, mungkin kalau kita berikan kepada balu yang terakhir sahaja mungkin yang mendapat faedahnya balu dan anak-anak keluarga isteri yang kedua tadi dan begitulah seterusnya.

Saya cadangkan supaya pembahagian pusaka ini bagi orang Islam memang sewajarnya dibahagikan secara faraid.

Fasal 51 (*d*), saya ingin bertanya mengapa Singapura diberi keistimewaan di sini iaitu boleh dikeluarkan EPF kepada pekerja-pekerja yang memilih untuk bermastautin di Republik Singapura sedangkan mengikut laporan akhbar baru-baru ini kita dapati bahawa pekerja-pekerja kita di Singapura, rakyat Malaysia di Singapura, majikan mereka tidak diwajibkan menyumbang caruman kepada EPF Singapura sedangkan kita memberi keistimewaan kepada mereka yang hendak bermastautin di Singapura. Jadi, apakah sebabnya adakah kerana Singapura berbuat demikian, saya rasa mungkin tidak kerana mereka telah mengabaikan pekerja kita seramai lebih kurang 30,000 itu, saya juga ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin cadangkan supaya kelayakan untuk menerima EPF ini diturunkan kepada 50 tahun, bukannya 55 tahun seperti yang terdapat dalam Fasal 51 (*b*). Ini memandangkan selaras dengan seperti yang saya sebutkan tadi, dengan umur pencen sekarang, yang telah kita luluskan baru-baru ini. Jadi, mereka tidak perlulah menunggu sampai 15 tahun lamanya untuk menerima EPF mereka, ini satu jarak masa yang lama. Oleh kerana mereka memilih untuk pencen, saya berharap kita untuk memilih pencen yang lebih awal adalah wajar untuk mereka menerima EPF mereka dalam masa yang lebih awal lagi.

Yang kedua, ialah mengenai satu perkara juga yang selalu dibangkitkan oleh umat Islam berkenaan dengan EPF ini tentang zakat. Saya harap pihak EPF dapat memutuskan sama ada caruman EPF ini. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu fasal yang ke berapa?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Ini terbuka untuk dimasukkan ke mana-mana fasal, saya cadangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sepatutnya Yang Berhormat boleh bangkitkannya dalam sesi perbahasan dasar.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Baiklah, Tuan Pengerusi. Walau bagaimanapun, saya minta pihak Timbalan Menteri supaya memikirkan tentang ini sama ada dikenakan zakat kepada penyimpan-penyimpan Islam di dalam EPF.

Yang kedua, saya menyambut baik Rang Undang-undang ini dari segi atas kertasnya, dari segi peruntukan undang-undangnya memang comprehensive untuk menjaga segala penyelewengan. Saya memang menyambut baiklah kalau berbanding dengan Akta Pencen hari itu, kita memberi keuntungan kepada mereka yang memalsukan dokumen tetapi kali ini pihak EPF telah bertindak tegas sebagaimana seksyen 60 kepada mereka yang memohon untuk mengeluarkan EPF tetapi tidak menggunakannya sebagaimana yang dipohon, jadi dikenakan penalti hukuman yang tertentu. Tetapi cuma yang meragukan ialah tentang penguatkuasaannya, adakah pihak EPF mempunyai kakitangan yang cukup sedangkan kita mempunyai mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih daripada 175,000 majikan, bagaimana kita hendak mengatasi penyelewengan yang dilakukan oleh sebesar ini majikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh tentang Jadual Caruman. Saya ingin bangkitkan sekali lagi apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Bayan Baru tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jadual belum sampai lagi.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Jadual belum sampai, sebab ini berkaitan dengan seksyen caruman.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Sekarang ini kita putuskan Fasal 40 hingga 86 sahaja.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji

Hassan: Tuan Pengerusi, Fasal 43. Fasal 43 ada kaitan dengan Jadual Ketiga-kadar caruman. Saya cadangkan supaya dikenakan kadar caruman yang berbeza, kalau di dalam sektor swasta mengikut kumpulan mereka. Mungkin untuk sumbangan Kerajaan boleh lead the way, dengan izin, dalam hal ini dengan mungkin memberi caruman sebanyak 20% kepada pekerja kumpulan D, 15% untuk kumpulan B dan C dan juga sebagaimana biasa 11% kepada kumpulan A (Division 1). Jadi, Kerajaan menunjukkan satu teladan yang baik dengan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sumbangan pekerja sendiri itu kadarnya tidak berubah, cuma yang berubahnya ialah kadar majikan. Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa lebih daripada 80% pekerja yang menyimpan dalam EPF hanya mencarum sebanyak tidak sampai \$10,000. Jadi, untuk meningkatkan jumlah caruman mereka ini perlulah majikan meningkatkan lagi kadar caruman mereka.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

4.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 43-Kadar caruman. Saya nampak kalau kita rujuk kepada Jadual, kerana ini ada bersangkutan paut. Sebenarnya Jadual ini ditetapkan untuk menetapkan kadar yang lebih lengkap lagi untuk Fasal 43 sahaja. Sebenarnya kedua-dua kami itu tidak ada peluang untuk berucap di dalam peringkat dasar, itu yang sebenarnya, bukan tidak mahu kerana Rang Undang-undang yang

begitu penting tetapi diperuntukkan masa yang begitu singkat sehingga kita pun tidak sempat rujuk kepada fasal-fasal yang tertentu.

Fasal 43, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai kadar caruman yang masih ditetapkan - walhasilnya, majikan - 11% dan bagi pekerja - 9%. Ini, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa puratanya atau amaun caruman bagi pekerja-pekerja ialah \$10,000 ataupun \$20,000. Itu adalah purata amaun caruman bagi pekerja-pekerja di Malaysia. Kalau kadar amaun yang dicarumkan begitu rendah, maka bila pekerja-pekerja ini bersara mereka tidak dapat menikmati caruman semasa mereka tua dengan banyak kerana wang ini tidak banyak. Kalau wang tidak banyak, ada caranya untuk memperbaiki keadaan ini. Salah satu caranya ialah menambahkan caruman. Apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai menambahkan caruman? Misalnya, bagi majikan kepada 20% dan bagi pekerja kepada 10%. Mungkin Kementerian Yang Berhormat itu dapat mempertimbangkan bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi kadar caruman supaya amaun bagi tiap-tiap pekerja, apabila mereka tua boleh ditambahkan. Kalau \$10,000 sahaja, saya percaya tidaklah begitu banyak untuk menyara hidup mereka selepas bersara.

Tuan Pengerusi, Fasal 54 dan juga Fasal 55—mengenai kebenaran untuk membuat pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Nampaknya ada usaha daripada pihak Kementerian untuk mengetatkan lagi terhadap kes-kes penipuan, kerana ramai yang mengeluarkan wang setakat ini untuk maksud membayar kos rumah, tetapi yang sebenarnya adalah untuk maksud yang lain dan ini merupakan satu penipuan dan dengan itu adalah baik bagi pihak Kementerian untuk mengetatkan Akta ini supaya mereka yang mengeluarkan wang secara palsu

boleh dikenakan denda dan juga dipenjarakan. Walau bagaimanapun, nampaknya, kalau didapati sabit kesalahan ia boleh dipenjarakan selama 6 bulan dan juga didenda \$2,000 ataupun kedua-duanya sekali.

Adakah amaun yang dikenakan denda ini cukup untuk menghalang pencarum-pencarum daripada mengeluarkan wang dengan cara penipuan? Dan adakah dengan penjara selama 6 bulan itu cukup sebagai langkah pencegahan? Mungkin kalau ini boleh ditambahkan kepada denda sebanyak \$5,000 ataupun dua tahun penjara—mungkin ini lebih berkesan. Tetapi saya tidak tahulah kerana ini belum lagi dilaksanakan. Nampaknya denda dan penjara yang dikenakan pun begitu ringan dan mungkin tidak begitu prohibitive, dengan izin, Tuan Pengerusi, untuk menghalang pihak yang menipu ini daripada melakukan penipuan seperti ini. Saya tidak bersetuju dengan mereka yang hendak menipu KWSP ini.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada Fasal 43, kerana saya lupa tadi, iaitu mengenai tindakan yang akan diambil terhadap majikan-majikan yang cuai, yang lalai, yang membuat salah dan yang tidak menyampaikan caruman yang dikutip daripada pekerja-pekerja. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya menghadapi kesusahan seperti ini daripada pengundi-pengundi saya untuk beberapa tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Fasal ke berapa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Fasal 43 (2)—“Mana-mana orang yang menjadi seorang majikan yang gagal, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga, untuk membayar kepada Kumpulan Wang apa-apa caruman yang ia bertanggungjawab di bawah Akta ini untuk membayar berkeenaan dengan atau bagi pihak mana-

mana pekerja berkeenaan dengan mana-mana bulan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.”

Tuan Pengerusi, peruntukan seperti ini adalah perlu untuk menghalang pihak majikan daripada membuat kesalahan dan mengeksploitasikan para pekerja. Walau bagaimanapun, saya hendak tanya di sini, mengapa ditetapkan 3 tahun penjara dan juga denda \$10,000? Adakah ini satu angka yang dapat memberi kesan? Kerana saya sudah bosan menerima aduan yang begitu banyak pada tiap-tiap tahun mengenai majikan yang membuat kesalahan seperti ini. Pada hari ini juga saya terima aduan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang memberitahu saya bahawa mereka sedang mengambil perhatian dan mengambil tindakan ke atas satu majikan—tidak payah saya sebutkan di sini kerana tidak mahu memberi publisiti. Walau bagaimanapun, ini adalah salah satu aduan yang telah saya terima pada tiap-tiap tahun—entah berapa kali, dan saya berharap dengan adanya peruntukan di sini ianya boleh dikuatkuasakan dengan berkesan. Soalnya, adakah pihak KWSP mempunyai kaedah dan pasukan penguatkuasa yang kuat yang dapat melaksanakan peruntukan seperti ini?

Tuan Pengerusi, ini adalah penting. Saya beri satu contoh, semalam saya dapat tahu iaitu satu kes jenayah yang sering berlaku dan mungkin tiap-tiap hari berlaku di seluruh negara. Misalnya, kalau sebuah kereta biasa seperti Proton Saga ataupun Toyota dicuri, sebuah kereta dicuri dalam tempoh satu atau dua hari ataupun dalam tempoh 24 jam, kereta ini dijual oleh pencuri ataupun geng-geng yang bersubahat dengannya kepada woksypop. Woksypop itu. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu bukan mengenai Fasal 43 (2).

Dr Tan Seng Giaw: Itu satu contoh sahaja. Saya ingin memberitahu bagaimana, walaupun mempunyai bilangan anggota Polis yang begitu banyak, tetapi mereka tidak boleh menghalang atau mencegah hal-hal seperti ini. Ini satu contoh, Tuan Pengerusi, cubalah sabar dahulu, saya hendak beri satu contoh sahaja. Dengan bilangan anggota Polis yang begitu banyak, itupun susah hendak mencegah. Semalam saya baharu sahaja dapat tahu bahawa kereta-kereta di Kuala Lumpur ini bila dicuri dan di dalam tempoh 24 jam dimasukkan ke woksyp, ianya dibukakan dan tidak bolehlah dicari lagi kereta seperti ini. Tetapi kalau ada orang yang tahu, dia boleh beritahu orang-orang yang tertentu dan orang ini boleh cari kereta itu dan setelah mendapat balik kereta ini daripada woksyp, dia terpaksa membayar kepada woksyp beribu-ribu ringgit dan membayar kepada orang yang mencari juga beberapa ratus ringgit. Dan juga kerana kes seperti ini dilaporkan kepada pihak Polis, maka dia terpaksa bayar beberapa ratus ringgit lagi kepada pihak Polis untuk membatalkan laporan kecurian kereta ini kepada Polis.

Jadi, kalau seseorang di Kuala Lumpur ini hilang kereta—bukan kereta mahal, tetapi kereta biasa—kalau dia boleh cari balik kereta itu, dia terpaksa bayar \$4,000.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini menunjukkan, saya beri satu contoh. Ini mesti ada kaitan.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bangun.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Penjelasan. Apakah Ahli Yang Berhormat sudah mengadu pada Polis bahawa Polis makan suap?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, boleh. Saya hendak jawab. Saya diberi tahu kejadian seperti ini, kerana mereka tidak mahu pihak Polis pun dihadapkan ke mahkamah, pihak pencuri pun dihadapkan ke mahkamah, pihak woksyp pun dihadapkan ke mahkamah, pihak yang membantu, kononnya dia membantu, mungkin dia bersubhat, saya pun tidak tahu tetapi ini saya sebutkan di sini sebagai satu contoh. Saya tidak ada bukti ataupun saksi yang lengkap di sini. Cuma bagi satu contoh yang saya tahu berlaku tetapi saya tidak boleh hendak hadapkan ke mahkamah, kerana tidak ada saksi dan bukti yang lengkap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi Yang Berhormat, apa yang saya hendak sarankan kepada Yang Berhormat ialah contoh yang dibangkitkan itu, saya tidak nampak ada sebarang hubungkaitnya dengan butiran ini.

Dr Tan Seng Giaw: Memang berkait. Tuan Pengerusi, maksud saya di sini. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu. Kita memang menghadapi kesempitan masa sekarang ini dan tolong khususnya kepada butiran yang berkenaan dan jangan terpesong jauh sangat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, maksud saya, dengan pasukan Polis kadangkala ada berkesan. Kadangkala

keberkesanan itu kurang sedikit. Mungkin kerana bilangannya tidak cukup dengan persoalan yang telah saya sebutkan tadi dan maksud saya di sini ialah kerana KWSP tidak mempunyai pasukan penguatkuasa yang begitu banyak. Bagaimana pihak Kementerian dapat melaksanakan, dapat menguatkuasa peruntukan seperti ini? Itulah soal saya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang mengenai caruman boleh dikeluarkan oleh pekerja yang berhenti kerja.

Tuan Pengerusi, telahpun saya jawab bahawa caruman ini adalah untuk tujuan semasa tua dan jika sekiranya dikeluarkan pada masa yang lebih awal lagi, maka ini merupakan bocoran yang buruk yang mungkin menjejaskan persiapan seseorang pekerja untuk tujuan saraan hidup semasa mereka tua nanti. Jadi, KWSP mengambil dasar supaya tidak mengizinkan berbagai-bagai bentuk peruntukan yang menyebabkan bocoran di mana caruman akan dikeluarkan untuk tujuan-tujuan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai soal faraid, seseorang pencharum diberikan hak untuk menamakan mereka yang mewarisi caruman apabila seseorang meninggal dunia. Jadi, ada peruntukan yang diberikan untuk seorang pencharum untuk menamakan sama ada ia hendak menetapi cara faraid ataupun cara dia sendiri terserah kepadanya dan kalau sekiranya seseorang itu membuat pilihan tersebut maka pihak KWSP akan dapat menyempurnakan kehendak pencharum itu berdasarkan kepada pilihan nominees mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai mengeluarkan caruman pada umur 50 tahun, sudahpun ada peruntukan sekarang.

Bahkan pada tahun 1989, mereka yang mengeluarkan caruman pada umur 50 sebanyak 1/3 daripada carumannya seramai lebih kurang 34,000 pencharum yang bernilai lebih kurang \$227 juta. Tuan Pengerusi, sudahpun ada peruntukan untuk seseorang dapat pada umur 50 tahun untuk mengeluarkan 1/3 daripada carumannya.

Mengenai caruman yang berbeza, pekerja di peringkat golongan D, sektor Kerajaan, seruan supaya Kerajaan menambah caruman daripada sumber Kerajaan sebagai majikan. Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan di sini ialah sama ada pihak pekerja lebih berminat untuk mendapat tambahan dalam bentuk caruman kepada KWSP ataupun daripada masa ke semasa kenaikan gaji yang diberikan oleh Kerajaan berdasarkan kepada kajian yang dibuat dari masa ke semasa mengikut kemampuan Kerajaan. Saya percaya ada di antara masyarakat pekerja daripada Kumpulan D yang akan lebih cenderung untuk menerima kenaikan gaji yang dapat dinikmati oleh mereka pada masa sekarang juga, berbeza dengan menambahkan caruman yang boleh dinikmati oleh mereka semasa mereka bersara nanti.

Tuan Pengerusi, tentang kemampuan untuk Kerajaan membayar berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan dan terserah kepada pihak pekerja untuk membuat pilihan jika sekiranya kita hendak mengambil pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Machang tadi.

Tuan Pengerusi, mengenai kemampuan untuk melaksanakan menguatkuasa peruntukan undang-undang ini, saya ingin memaklumkan bahawa KWSP sudahpun membuat peruntukan dari segi kewangannya untuk menambah tenaga kerja. Sambil itu pula diperuntukkan dalam undang-undang ini pihak KWSP untuk melantik pihak-

pihak yang lain untuk bertugas atas nama KWSP dan bahkan pada hari ini, KWSP sudahpun melaksanakan tindakan decentralisasi KWSP supaya tiba ke peringkat negeri terlebih dahulu dan apabila tiba masanya nanti untuk sampai bukan sahaja ke semua negeri bahkan di peringkat yang lebih rendah lagi untuk menguatkan lagi tenaga penguatkuasa undang-undang yang diperuntukkan kepada KWSP.

Tuan Pengerusi, mengenai denda yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong, jika majikan tidak membayar pada masa yang ditentukan, maka hukumannya ialah tidak lebih 3 tahun ataupun \$10,000 ataupun kedua-duanya sekali. Dalam Fasal 47 (2), jika sekiranya majikan sudahpun memotong gaji pekerja tetapi gagal membayar caruman pekerja, maka hukuman yang boleh dikenakan ialah tidak kurang 6 tahun ataupun \$20,000 ataupun kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, Fasal 43 dan Fasal 47 membezakan antara hukuman-hukuman yang dikenakan berdasarkan kepada penyelewengan yang dibuat oleh pihak majikan dan kedua-dua hukuman ini adalah lebih berat lagi jika dibandingkan dengan peruntukan undang-undang sebelum daripada ini di mana ianya ialah hukuman penjara tidak lebih setahun dan hukuman denda tidak lebih \$10,000 ataupun kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, jika sekiranya hendak mengambil kira cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya lebih berat daripada ini lagi perlu membandingkan hukuman-hukuman yang ada dalam peruntukan undang-undang ini dengan hukuman yang lain yang terkandung dalam undang-undang yang lain supaya ianya dari segi perbandingannya wajar di antara satu dengan yang lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, maka Fasal 40 hingga 86 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 40 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Keenam—

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Jadual Kelima dan juga Jadual Keenam. Saya nampaknya ini satu jadual yang baru bagi kematian dan juga bagi ketakupayaan fizikal atau mental.

Tuan Pengerusi, ada disebutkan di sini bahawa bayaran minima untuk kematian ditambah daripada \$500 kepada \$1,000 dan maksimumnya daripada \$10,000 kepada \$30,000. Satu perkara yang saya benar-benar tidak faham ialah mengenai formula yang digunakan untuk amaun tambahan yang kena dibayar atas kematiannya dan mengapa itu ada di sini, saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu mengapa, kerana saya anggap biasanya ada digunakan 65 tahun, tetapi di sini ada 60. Mengapa angka 60 digunakan, saya tidak tahu. Saya hendak tanya sahaja. Mungkin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun hendak tahu kerana dia sudah lebih 65 tahun, mungkin dia hendak juga angka 65. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa angka 60 ini digunakan, bukan angka yang lain seperti 65 dan juga mengapa satu kadar minimum ditetapkan pada \$1,000. Apakah rasionalnya dan juga untuk bayaran maksimum yang ditetapkan kepada \$30,000, apakah takulannya mengenai amaun yang ditetapkan ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, begitu juga dengan amaun tambahan

yang kena dibayar atas ketidakupayaan fizikal atau mental, ini juga angka 60 digunakan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, umur 60 tahun ini berdasarkan kepada kira-kira yang digunakan oleh pihak mereka yang pakar, dan mereka bersetuju bahawa angka 60 adalah amat wajar sekali untuk digunakan supaya menentukan bayaran tambahan untuk kematian dan juga untuk tidak keupayaan dari segi mental dan fizikal.

Saya akui tidak dapat menjelaskan tentang mengapa 60 dengan tepatnya, Tuan Pengerusi. Sekadar hendak mengatakan bahawa ini adalah amalan yang telah digunakan sejak beberapa lama dan kekal pada angka tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Untuk negara ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Negara ini, Tuan Pengerusi. Walaupun begitu, peruntukan undang-undang yang baru ini menambahkan bayaran seperti yang diakui oleh Yang Berhormat dari Kepong daripada \$500 paling minima kepada \$1,000 dan daripada \$10,000 kepada \$30,000 apabila seseorang tadi meninggal dunia ataupun tidak ada keupayaan dari segi fizikal dan perlu diberi caruman mereka semata-mata berdasarkan kepada peri kemanusiaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jadual 1 hingga Jadual 6 jadi sebahagian Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Keenam diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat), 1991" dibaca bagi kali kedua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membolehkan penubuhan suatu depositori pusat untuk sekuriti-sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bursa Saham Kuala Lumpur adalah suatu syarikat yang terhad mengikut gerenti yang bertanggungjawab menubuh dan menyenggara pasaran saham di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1973. Semenjak penubuhannya, pasaran saham tersebut telah berkembang begitu pesat terutamanya dari segi jumlah perdagangan harian, jumlah sekuriti yang disenaraikan, pembangunan fizikal dan sebagainya sesuai dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan perkembangan positif pasaran modal negara.

Salah satu faktor penting yang menunjangi perkembangan tersebut ialah penubuhan suatu tempat penjelasan dan penyelesaian yang cekap yang dikendalikan oleh sebuah anak syarikat BSKL yang bernama Securities Clearing

Automated Network Services (Sdn.) Bhd., atau ringkasnya SCANS. Syarikat ini bertanggungjawab untuk mewujudkan suatu sistem yang menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi memastikan penjelasan skrip dan penyelesaian akaun-akaun bagi semua perdagangan sekuriti di pasaran saham.

Pada pertengahan tahun 1989, dalam usahanya untuk mewujudkan perdagangan sekuriti yang lebih maju, BSKL telah melaksanakan suatu sistem yang dipanggil "System On Computerised Order Rooting and Execution" atau ringkasnya SCORE. Dengan terlaksananya sistem ini, semua perniagaan sekuriti kini dikendalikan melalui terminal-terminal komputer yang terletak di tempat perdagangan BSKL dan di premis broker-broker saham.

Selaras dengan arah perkembangan yang terdapat di bursa-bursa saham di seluruh dunia dan untuk mewujudkan suatu sistem penyaluran yang lebih cekap bagi menghadapi jumlah perdagangan yang meningkat dengan mendadak, terutamanya semenjak pemisahan BSKL dan Bursa Saham Singapura, BSKL telah membuat keputusan untuk menubuhkan suatu depository pusat yang akan bertanggungjawab untuk menyimpan semua skrip-skrip yang diniagakan di pasaran sahamnya. Berikutan keputusan itu, suatu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada beberapa orang ahli Jawatankuasa BSKL, wakil Kementerian Kewangan, wakil Pendaftar Syarikat, wakil Bank Negara Malaysia, perunding-perunding, wakil Pertubuhan Bank-bank Malaysia dan peguam, telah ditubuhkan untuk melaksanakan rancangan penubuhan depository pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, asas-asas pertimbangan terhadap cadangan yang

terkandung dalam Rang Undang-undang adalah seperti berikut:

Di bawah sistem penyelesaian yang dilaksanakan pada masa ini, setelah sesuatu perdagangan sekuriti dibuat, penjual sekuriti berkenaan hendaklah menyerahkan skripnya bersama-sama dengan suratcara pemindahan kepada broker sahamnya selewat-lewatnya pada hari keempat selepas tarikh perdagangan itu. Setelah skrip dan suratcara itu diserahkan kepada broker saham, broker tersebut hendaklah pada hari berikutnya, iaitu hari penyelesaian, menghantar dokumen-dokumen tersebut kepada SCANS untuk menyelesaikan perdagangan sekuriti berkenaan.

Di pihak pembeli pula, pembeli berkenaan hendaklah membuat bayaran kepada broker sahamnya selewat-lewatnya juga pada hari keempat selepas tarikh perdagangan itu dibuat untuk membolehkan broker tersebut membuat bayaran kepada SCANS pada hari berikutnya.

Setelah menerima bayaran daripada broker saham pembeli, SCANS akan menyerahkan kepada broker tersebut skrip dan suratcara pemindahan yang diterimanya daripada broker saham penjual. Pada masa yang sama, bayaran yang diterima oleh SCANS daripada broker saham pembeli akan dikreditkan ke dalam akaun broker saham penjual.

Dalam suasana peningkatan aktiviti-aktiviti perdagangan yang cergas, sistem itu jelas melibatkan pergerakan ratusan ribu skrip dan suratcara pemindahan pada setiap hari dan dari satu pihak kepada pihak yang lain sebelum perdagangan-perdagangan yang dibuat dapat diselesaikan. Keadaan demikian lebih merumitkan jika pembeli dan

penjual yang terlibat dalam sesuatu perdagangan berada di luar Bandaraya Kuala Lumpur dan di tempat yang berlainan pula.

Salah satu masalah yang timbul daripada sistem penyelesaian tersebut ialah berlakunya kelambatan penyerahan skrip dan suratcara pemindahan yang akhirnya mengakibatkan perdagangan-perdagangan yang dilaksanakan tidak dapat diselesaikan. Lebih buruk lagi, seperti yang telah berlaku pada awal tahun lepas ialah kehilangan ribuan skrip serta suratcara pemindahan. Tidak syak lagi masalah tersebut boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur, terutamanya pelabur-pelabur luar negeri.

Berikutan masalah tersebut, BSKL telah segera bertindak dengan melaksanakan beberapa prosedur yang sesuai bagi menyelesaikannya, tetapi ianya tidaklah boleh menghapuskan sepenuhnya masalah yang dihadapi akibat daripada pergerakan dokumen-dokumen yang akan terus meningkat selari dengan pertambahan sekuriti-sekuriti yang disenaraikan di senarai rasminya.

Bagi mengelak berulangnya masalah sedemikian, pergerakan skrip-skrup dan suratcara-suratcara pemindahan hendaklah diberhentikan dan ianya boleh dilaksanakan melalui penubuhan suatu depositori pusat yang bertanggungjawab menyimpan ke semua skrip yang mewakili sekuriti-sekuriti yang diniagakan di pasaran saham.

Dengan penubuhan depositori pusat sekuriti-sekuriti yang dipunyai oleh seseorang pelabur akan dikreditkan ke dalam akaun yang dibuka untuknya oleh depositori pusat. Jika pelabur itu menjual mana-mana sekuriti dalam akaunnya, sekuriti tersebut akan didebitkan oleh depositori pusat. Di pihak pembeli sekuriti pula, setelah ia membuat bayaran yang sepatutnya, akaunnya akan dikreditkan dengan sekuriti-sekuriti yang dibelinya. Dengan

kata lain, penyelesaian perdagangan sekuriti hanya melibatkan proses catatan buku dalam akaun-akaun penjual dan pembeli yang dikendalikan oleh depositori pusat.

Jelasnya, di samping menghapuskan masalah-masalah yang timbul daripada pergerakan skrip dan suratcara pemindahan yang banyak, pelaksanaan sistem ini juga akan memudahkan dan meningkatkan kecekapan proses penyelesaian perdagangan sekuriti di pasaran saham.

Penubuhan depositori pusat seumpama ini adalah merupakan salah satu daripada cadangan yang dibuat pada awal tahun lepas oleh sekumpulan bank-bank antarabangsa dan pakar-pakar sekuriti yang dikenali sebagai "Group of Thirty" bagi memperbaiki dan menyelaraskan sistem penyelesaian perniagaan sekuriti di seluruh dunia. Beberapa buah bursa saham utama termasuk di Amerika Syarikat, Korea dan Taiwan telah menubuhkan depositori-depositori seumpama ini.

Salah satu faktor utama yang boleh menjejaskan integriti pasaran saham ialah kewujudan skrip-skrup palsu dalam pasaran. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BSKL telah dapat mengesan skrip-skrup sedemikian dan jumlahnya jika tidak dikawal secara efektif mungkin akan bertambah.

Dengan tertubuhnya depositori pusat yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, semua skrip-skrup dan suratcara pemindahan akan dikehendaki oleh BSKL supaya diserahkan kepada depositori pusat yang kemudiannya akan dihantar kepada syarikat-syarikat yang menerbitkan sekuriti-sekuriti berkenaan untuk ditentukan sebelum disimpan oleh depositori pusat. Tujuan prosedur ini ialah untuk mengesan ke semua skrip palsu dan skrip yang dilaporkan hilang. Deraf Rang Undang-undang yang

dibentangkan mengandungi beberapa peruntukan mengenai prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh depositori pusat dan syarikat-syarikat yang menerbitkan sekuriti-sekuriti berkenaan.

Antara tujuan utama pemisahan BSKL dan BSS iaitu Bursa Saham Singapura ialah untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran saham tempatan. Dengan pemisahan tersebut ke semua sekuriti syarikat yang beroperasi di Malaysia tidak dibenarkan disenaraikan di BSS. Ini bermakna sekuriti-sekuriti itu hanya boleh diniagakan di pasaran saham tempatan. Langkah ini memberi kesan yang bermakna kepada pasaran modal negara kerana pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur dalam syarikat-syarikat di Malaysia hendaklah membuat pelaburan mereka melalui pasaran saham tempatan.

Kesan daripada pemisahan tersebut dapat dilihat dengan jelasnya sebaik sahaja ianya dilaksanakan. Dagangan harian di pasaran saham tempatan secara mendadak meningkat sehingga sukar dikendalikan. Manakala perniagaan sekuriti di pasaran saham BSS pula mengalami kemerosotan perniagaan yang jelas.

Keadaan tersebut telah memaksa BSS menubuhkan suatu pasaran saham tidak rasmi yang dikenali sebagai Central Limit Order Book (CLOB). Tujuan penubuhan pasaran tersebut ialah untuk memastikan sekuriti syarikat-syarikat Malaysia terus diniagakan di pasaran modal Republik Singapura.

Kewujudan pasaran sedemikian sedikit sebanyak boleh menjejaskan matlamat pemisahan BSKL dan BSS. Dalam konteks ini, penubuhan depositori pusat boleh mengurangkan aktiviti-aktiviti perdagangan di pasaran tersebut. Ini adalah kerana operasi

sesuatu pasaran seumpama itu bergantung kepada kewujudan skrip-skrip dan suratcara-suratcara pemindahan di pasaran tersebut. Jika skrip dan suratcara pemindahan didepositkan dengan depositori pusat yang dicadangkan, aktiviti di pasaran tersebut dengan sendirinya akan berkurangan dan akhirnya mungkin boleh diberhentikan.

Di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan terdapat peruntukan mengenai pendepositan skrip dan suratcara pemindahan oleh pelabur-pelabur dan juga mengenai hak mereka untuk mengeluarkan skrip-skrip yang telah didepositkan itu. Bagi mengawal jumlah skrip-skrip yang tidak didepositkan dengan depositori pusat, BSKL diberi kuasa, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, untuk menghadkan jumlah pengeluaran skrip-skrip dari masa ke semasa dan juga jika difikirkannya patut melarang pengeluaran skrip-skrip daripada depositori pusat. Dengan kuasa yang diberikan itu, BSKL sudah tentunya dapat berfungsi dengan lebih efektif untuk memperkukuhkan perkembangan pasaran saham tempatan.

Oleh kerana sesuatu depositori pusat sepertimana dibincangkan di atas boleh mempengaruhi perkembangan pasaran modal negara ini, adalah penting penubuhan dan aspek-aspek tertentu operasinya dikawalselia sepertimana yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Dua aspek penting operasi depositori pusat ialah:

- (i) pemegang dan penjagaan selamat sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengannya; dan
- (ii) pelaksanaan urusanniaga-urusanniaga sekuriti tersebut disempurnakan melalui proses catatan buku dalam akaun pelabur-pelabur yang dibuka

dan diselenggarakan oleh depositori pusat untuk mereka.

Di bawah Rang Undang-undang ini, seseorang adalah dilarang daripada menubuh atau menyelenggarakan suatu depositori pusat kecuali suatu kelulusan bertulis telah diberi oleh Menteri Kewangan. Larangan ini adalah penting kerana setiap skrip-skrip dan suratcara-suratcara pemindahan yang berada dalam jagaan depositori pusat adalah merupakan suatu aset yang bernilai dan boleh dijual pada bila-bila masa di pasaran saham. Dengan larangan sedemikian, kepentingan para pelabur sudah tentunya akan dapat dilindungi.

Sebelum meluluskan sesuatu permohonan untuk menubuh dan menyelenggarakan suatu depositori pusat Menteri Kewangan hendaklah berpuas hati dengan beberapa perkara yang dinyatakan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini. Antaranya ialah pemohon telah membuat peraturan-peraturan yang memuaskan—

- (i) berkenaan dengan pemegangan, pengeluaran dan pemindahan sekuriti-sekuriti yang didepositkan dengan depositori pusat yang dicadang ditubuhkan oleh pemohon tersebut;
- (ii) bagi pemerosesan urusan-urusan sekuriti yang didepositkan;
- (iii) bagi perlindungan kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit sekuriti-sekuriti dan pengawalan maklumat mengenai sekuriti-sekuriti mereka dan urusan-urusan yang dilaksanakan.

Di samping itu, Menteri juga diberi kuasa ketika meluluskan sesuatu permohonan mengenakan syarat-syarat tertentu seperti ketetapan mengenai

modal berbayar pemohon dan pemegangan saham dalam modal syer pemohon.

Seterusnya, Menteri juga boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Penasihat untuk memberi nasihat atau membuat cadangan kepada depositori pusat berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatannya dan ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat tersebut akan dilantik oleh Menteri.

Rang Undang-undang ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan untuk mengawal catatan-catatan yang dibuat dalam akaun-akaun pendeposit. Setiap catatan dalam akaun-akaun tersebut hendaklah menyatakan masa, tarikh dan orang yang membuat catatan itu. Hal ini adalah penting kerana jika seorang pelabur mempunyai sesuatu sekuriti dalam akaunnya, ia adalah dikira sebagai anggota syarikat yang menerbitkan sekuriti tersebut dan dengan yang demikian berhak kepada semua hak, faedah, kuasa dan keistimewaan dan juga tertakluk kepada liabiliti, tugas dan obligasi yang terbit daripada sekuriti itu.

Peruntukan-peruntukan mengenai kerahsiaan adalah terkandung dalam Bahagian IV Rang Undang-undang. Secara ringkasnya, Bahagian ini menghendaki setiap depositori dan ejen-ejennya mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menjamin perlindungan kepada semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal pendeposit-pendeposit, khususnya akaun-akaun sekuriti mereka terhadap apa-apa akses yang tidak dibenarkan, pertukaran, pendedahan ataupun penyebaran. Tanggungjawab sedemikian juga dikenakan ke atas pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai depositori pusat. Dalam Bahagian ini juga, Menteri Kewangan diberikuasa mengawalselia akses kepada sistem komputer yang ditubuhkan oleh sesuatu depositori pusat.

Fungsi-fungsi biasa sebuah bank berbeza dengan fungsi-fungsinya sebagai sesuatu ejen depositori diberikuasa. Berkenaan dengan fungsi biasa sebuah bank, peruntukan-peruntukan kerahsiaan yang terdapat di dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 tetap dikekalkan. Walau bagaimanapun, bagi fungsinya sebagai ejen depositori diberikuasa, Akta ini mempunyai peruntukan untuk membenarkan pendedahan maklumat atau dokumen kepada depositori pusat atau kepada Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.33 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, banyaklah desas-desus. . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Ada yang mengumpat pula. . . (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Rang Undang-undang ini ialah salah satu daripada tiga Rang Undang-undang yang sama; Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) dan juga pindaan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti dan Akta Syarikat 1965. Saya nampak Akta

Bank pun tidak termasuk di sini, saya tidak tahulah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana dia dapat melaksanakan Central Depositories System (CDS) walaupun tidak ada termasuk pindaan ke atas Akta Bank. Adakah ini tidak perlu kerana ini sedikit-sebanyak pun melibatkan bank juga di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan satu kepesatan pembangunan sektor sekuriti di negara ini. Saya pernah menyarankan di sini bahawa kita mestilah berwaspada apabila kita menghadapi perpisahan BSS dengan BSKL kerana dengan perpisahan ini mesti menimbulkan masalah, masalah kena-mengena dengan teknik, masalah ada kena-mengena dengan komputer, masalah ada kena-mengena dengan keupayaan kakitangan BSKL dan juga firma-firma broker. Di negara ini kita mempunyai 47 firma broker, kalau tidak silap saya, dan mereka memang memainkan peranan yang penting sehingga kerana tidak ada cukup kewaspadaan, ada hilang beribu-ribu skrip. Sepertimana yang diakui oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, central limit order book clock yang ditubuhkan secara haram oleh pihak Singapura untuk memajukan perniagaan sekuriti mereka. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan gejala-gejala di mana kita tidak begitu siap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran seperti ini kerana memang sektor sekuriti ini adalah satu bidang di mana kepesatan pembangunan itu diakui dan nampak sangat.

Saya ada beberapa persoalan kerana ini satu bidang yang sangat rumit, khusus dan memerlukan kepakaran. Saya bukan pakar di dalam bidang ini, tetapi sedikit-sebanyak saya diberitahu fungsi dan peranan BSKL dan juga apakah maksud CDS ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita adakan CDS, mesti kita adakan BDS

(Broker Depositories System). Saya tidak dengar satu perkataan pun mengenai BDS tadi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun merasa hairan binti pelik pula. (*Ketawa*) Mengapa tidak sebutkan? Kita hendak adakan CDS, mesti adakan BDS ataupun maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, kita hendak adakan kedua-dua sistem itu dengan serentak, sekaligus. Kalau adakan sekaligus, baik kita sebutkan di sini kerana kita tidak mahulah mengelirukan Dewan yang mulia ini dengan mengatakan satu sistem sahaja, bentangkan CDS di sini, itu sudah siap, walhal kita perlukan BDS untuk mewujudkan CDS dengan berkesan kerana ini bermakna semua ada kena-mengena dengan perniagaan sekuriti tanpa skrip (*scripless trading*), kerana kalau sekuriti lebih lambat kalau ada skripnya dan juga masalah kehilangan skrip pun timbul, sepertimana yang kita saksikannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya setakat manakah kita berjaya mengadakan sistem BDS (Broker Depositories System) dengan 47 firma brokernya dan apakah kos yang dikenakan untuk mengadakan sistem BDS ini. Yang kedua, adakah CDS itu dilaksanakan pada 1hb Januari tahun ini kerana itulah tarikh yang disebut-sebutkannya. Sama ada sistem ini telah dilaksanakan dan selepas dilaksanakan lebih satu bulan, barulah Rang Undang-undang dibentangkan secara *restrospective—retrogressive* legislation. Adakah ini yang dibuat oleh pihak Kementerian kerana ini jadi satu amalan, satu kebiasaan di mana mereka melaksanakan dahulu apa sahaja sistem, termasuk CDS, kemudian datang ke Dewan yang mulia ini untuk meluluskan satu Rang Undang-undang bagi memenuhi keperluan projek ataupun sistem yang telah pun dilaksanakan itu.

Adakah ini benar mengenai CDS, kerana saya ada baca sedikit-sebanyak kerana ekonomi dan sektor sekuriti

sangat penting bagi setiap warganegara Malaysia, kita mesti mengambil perhatian menunjukkan keprihatinan terhadap sistem seperti ini yang melibatkan berbillion ringgit Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kos untuk mengadakan CDS ini. Dan saya diberitahu bahawa pakar-pakar daripada Taiwan yang dipelawa untuk memberi nasihat membantu pihak BSKL mengadakan CDS. Sejak penghujung tahun lepas, dan kalau ini benar, berapa pakar daripada Taiwan yang dipelawa untuk memberi khidmat nasihat dan juga membantu untuk mengadakan CDS ini? Adakah ini bermakna pihak pakar-pakar CDS daripada Taiwan yang mula melaksanakan sistem seperti ini hendak memberi khidmat nasihat dan bantuan dengan secara percuma? Kalau mereka memberi perkhidmatan secara percuma, adakah itu ada udang di sebalik batu. Memang ada, mana ada bantuan ataupun perkhidmatan yang percuma. Mana ada yang percuma di dunia ini? (*Disampuk*) Tuan Yang di-Pertua, mengumpat lagi, mungkin daripada Larut sekarang. (*Disampuk*) Itu tidak dibenarkan mengumpat di dalam Dewan yang mulia ini kerana Dewan yang mulia tidak boleh buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa pakar yang dipelawa daripada pihak Taiwan untuk memberi perkhidmatan percuma kepada BSKL? Saya jarang dengar perkataan percuma di dalam bidang sekuriti, tetapi ini kali yang pertama, perkhidmatan percuma daripada Taiwan untuk negara ini. Mungkin satu langkah untuk mengadakan East Asia Economic Group.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa masalah yang akan timbul dengan adakan CDS dan juga BDS ini yang semuanya terlibat ada kena-mengena dengan penggunaan

komputer, mereka menggunakan komputer untuk aktiviti-aktiviti yang pokok. Dan dengan tiada skrip ini, memang kita mesti ada satu kebudayaan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, change of culture, untuk orang-orang yang menceburkan diri di dalam bidang sekuriti ini. Adakah satu change of culture telah didapati di dalam BSKL sekarang untuk menghadapi cabaran yang baru dengan mengadakan BDS dan CDS ini kerana mereka biasa dengan skrip? Bila dia berniaga, dia bawa skrip. Tetapi sekarang tidak payah mengambil skrip, cuma mengikut BDS dan CDS sudah cukup. Dengan adanya sistem BDS dan CDS ini kita boleh pergi ke Sabah dan Sarawak dengan senang melalui komputer. Itulah yang dimaksudkan, mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengadakan Rang Undang-undang seperti Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggunaan komputer yang lebih banyak, lebih luas ini bermakna timbul masalah yang baru. Apakah masalah-masalah ini? Yang pertama, komputer ini memang boleh memberi peluang kepada penipu-penipu untuk melaksanakan jenayah, sehingga kita perlukan satu computer security, dengan izin, keselamatan komputer, computer security. Adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh BSKL untuk mengadakan computer security supaya kita boleh jalankan CDS dan BDS dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi kepakaran, satu bidang di mana saya pun tidak faham kerana komputer ini banyak jenis dan juga banyak masalah. Salah satunya pelbagai bentuk penipuan boleh dilakukan melalui komputer. Dan saya tidak faham, kalau saya ditugaskan untuk BSKL untuk mengendalikan CDS ataupun sistem komputer, memang timbul masalah kerana saya tidak pandai di dalam hal ini. Dan Yang Berhormat

Timbalan Menteri hendak bantangkan Rang Undang-undang ini tanpa menjelaskan begitu rumitnya bidang ini.

Masalah yang kedua yang pokok juga, Tuan Yang di-Pertua, yang disebut sebagai electronic intrusion. Saya pun tidak tahulah bagaimana electronic intrusion boleh berlaku. Walau bagaimanapun, saya diberitahu kalau kita adakan sistem BDS dan CDS, masalah electronic intrusion mesti timbul. Dan kalau mesti timbul apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan, pihak Kementerian Kewangan untuk mencegah daripada berlakunya electronic intrusion ini?

Dan itulah, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya hendak bincangkan mengenai BDS dan CDS dan Rang Undang-undang ini dan juga begitu perlunya untuk mengadakan change of culture, langkah-langkah untuk mencegah electronic intrusion dan juga untuk menjaga keselamatan komputer di BSKL. Tuan Yang di-Pertua, kerana ini tidak perlukan skrip, maka skrip ini mesti disimpan. Di mana skrip ini hendak disimpan? (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila lihat ke sini. Mereka bercakap lain di sana, tidak bercakap hal Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Macam mana boleh bercakap lain, Tuan Yang di-Pertua? Kita ada Tuan Yang di-Pertua sahaja dan satu pengucap di sini. Macam mana ada banyak yang berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Satu Dewan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli dari Kepong ini, kata pepatah Melayu kerbau buruk belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia itu?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Orang tidak kata apa kepada dia pun, dia sudah suspicious, because he is not good, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Dialah. Mereka tidak kata apa pun pada Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini membenarkan satu orang sahaja berucap dan nampak ada 4 orang yang lain berleter dan juga cakap mendebu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cakap mendebu sahaja. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Cakap mendebu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di manakah hendak kita simpan skrip kalau tidak perniagaan tanpa skrip. Mesti ada tempat-tempat untuk simpan skrip. Adakah ini bermakna, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pihak BSKL akan adakan strong room, bilik-bilik yang mempunyai security strong room untuk menyimpan skrip ini. Adakah strong room di BSKL sekarang? Kalau ada, memang boleh membantu untuk mengadakan CDS sekarang.

Begitulah, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Fong Kui Lun: (*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, ada yang bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa pasal lambat sangat bangun? Sila berucap.

5.50 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, dengan pembentangan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 saya memahami bahawa industri sekuriti di Malaysia telah mara ke hadapan dengan langkah Kerajaan memperkenalkan satu sistem yang membolehkan transaksi sekuriti dilaksanakan, tanpa memerlukan penyerahan fizikal skrip-skrip saham tetapi menerusi cetakan buku berkomputer untuk pemindahan hak milik sesuatu sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk ini satu sistem depositori pusat dalam industri sekuriti perlu ditubuhkan menerusi kelulusan Menteri Kewangan di bawah Fasal 5 dan kegiatannya pula akan dinasihati oleh sebuah Jawatankuasa Penasihat yang dianggotai oleh 13 orang yang ditubuh di bawah Fasal 6 (1).

Saya menyedari akan kebaikan menubuhkan depositori pusat dalam perindustrian sekuriti ini, tetapi saya berasa kluatir sama ada penubuhannya benar-benar mendatangkan kebaikan kepada industri sekuriti dalam meningkatkan urusan sekuriti, mengelakkan kelewatan pemindahan hak-milik sekuriti serta mengelakkan kegiatan pemalsuan dan kehilangan skrip-skrip sebagaimana yang pernah berlaku sebelum ini.

Perkembangan pesat dalam industri sekuriti ekoran dari perkembangan dan pertumbuhan pesat ekonomi negara kita dengan kemasukan modal asing ke dalam negara kita yang menyebabkan industri sekuriti ataupun pasaran modal perlu dikendalikan dengan lebih cekap dan mudah menerusi sistem komputer. Ianya menghendaki juga kita memikirkan dan menimbang kesan negatif dari mengenalkan sistem ini dalam industri sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya transaksi sekuriti akan beralih dari urusan skrip kepada urusan tanpa skrip. Penggantungan sepenuhnya urusan ini ialah pada akaun berkomputer tanpa perlu penzahiran skrip dan berasaskan juga kepercayaan pihak terlibat. Kebimbangan saya yang sangat besar ialah bolehkah dipastikan bahawa jenayah komputer iaitu satu jenayah kolar putih bentuk terbaru tidak akan berlaku dalam sistem depository pusat ini.

Jenayah berkomputer sekarang sudah dianggap jenayah kolar putih berteknologi canggih. Bolehkah pemalsuan urusan dielakkan sepenuhnya. Hari ini kita dapat melihat atau terbaca bagaimana pemindahan wang tanpa tunai boleh dilakukan menerusi komputer tanpa segera dikesan yang berlaku dalam sistem banking kita yang diketahui lebih terkawal berbanding dengan sistem kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Jawatankuasa Penasihat yang hendak ditubuhkan oleh Menteri ini patutlah dibekalkan dengan kuasa-kuasa tertinggi. Bukan sahaja boleh menasihati depository pusat tetapi juga diambil tindakan yang perlu dan segera apabila menemui ketidak betulan dalam depository pusat kalau penggantungan, penawaran hanya diserahkan bulat-bulat kepada Pendaftar. Saya kira langkah ini tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh depository pusat seperti peruntukan Fasal 47 untuk memalsukan maklumat dalam apa cara sekalipun dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi \$10 juta atau dipenjarakan bagi tempoh tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, patutlah difikirkan juga apakah setimpal hukuman \$10 juta dan dipenjarakan 10 tahun

jika pelanggaran peruntukan fasal ini melibatkan amaun yang lebih dari itu. Jumlah amaun yang terlibat dalam urusan pasaran saham negara ini kalau hendak diambil kira melebihi ratusan juta ringgit setiap hari. Di samping ini saya ingin mempersoalkan apakah Kerajaan telah memastikan bahawa amalan jualan jangka pendek (short-selling) yang merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 41 Akta Perindustrian Sekuriti 1983 tetapi digemari oleh para pelabur dan pendeposit-pendeposit tidak akan mudah berlaku dalam sistem depository pusat. Sedangkan pada sistem skrip sekarang perkara ini boleh berlaku, apa tah lagi dalam urusan tanpa skrip.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini sebelum kita meluluskan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Klang yang telah bangun membahaskan tentang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa perkara ini adalah perkara yang agak teknikal. Walaupun begitu kita di Malaysia ini perlu membuat langkah-langkah yang membawa bidang industri sekuriti ini ke sempadan teknologi yang digunakan dan juga amalan-amalan paling terakhir untuk memastikan bahawa wujudnya kecekapan dan juga lebih tinggi lagi dari segi kredibilitinya dalam industri sekuriti di negara kita ini. Maka Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuannya

untuk membawa industri itu amnya dan BSKL khususnya ke tahap yang saya sebutkan tadi.

Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa sama ada BSKL mampu ataupun tidak dengan cara cultural change yang disebutkan tadi, saya ingin menyebutkan di sini bahawa bukan sahaja BSKL yang perlu membuat cultural change seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mesti membuat perubahan rangka pemikirannya supaya dia dapat menerima perubahan-perubahan yang membawa kepada kemajuan seperti yang diharapkan daripada peruntukan Rang Undang-undang ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa undang-undang yang berkaitan dengan bank dan institusi kewangan tidak perlu dipinda kerana tidak ada kaitannya. Pindaan-pindaan yang diperlukan akan kita bahaskan dalam Rang Undang-undang yang berikut. Sama ada BDS perlu diwujudkan terlebih awal, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa BDS diperkenalkan untuk sementara bagi tujuan menunggu perlaksanaan sistem central depository system ini. BDS ini tidak memerlukan perkara ini dengan peruntukan undang-undang yang khusus kerana ianya tidak melibatkan masyarakat yang ramai, maka apa yang perlu dibuatkan ialah dalam bentuk "mock-run" di antara broker-broker yang terlibat supaya dapat nanti wujud bersama-sama dengan Sistem Depositori Pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya sama ada BSKL dan pihak Kementerian Kewangan merujuk kepada pakar-pakar. Dalam hal ini kita bukan sahaja

menghadkan pandangan-pandangan daripada sumber-sumber seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu daripada Taiwan, bahkan dalam hal ini BSKL khususnya mempunyai hubungan yang luas di peringkat antarabangsa dengan keahliannya dalam kumpulan-kumpulan di antara bursa-bursa saham di peringkat dunia dan di sebelah rantau ini. Contohnya seperti "The Group of 30" merupakan kumpulan di mana BSKL sentiasa mendapatkan sumber-sumber maklumat, sumber-sumber kepakaran yang kita gunakan dengan tujuan untuk membuat perubahan-perubahan seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Mengenai kemudahan komputer dan juga sama ada kemudahan komputer itu akan mengizinkan apa yang disebut "electronic intrusion" dan sebagainya, saya ingin memaklumkan di sini bahawa Central Depository System ini, telahpun digunakan di banyak tempat dan kita percaya bahawa di tempat-tempat tersebut ada pengalaman mereka dari segi teknologinya dan juga dari segi peruntukan undang-undang untuk memastikan bahawa sama ada intrusion dalam bentuk elektronik ataupun intrusion, dengan izin, dalam bentuk undang-undang dapat dikawal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini, saya percaya bahawa dari segi perlaksanaannya akan dirujuk dengan kemudahan teknologi yang sewajarnya dapat menghindarkan daripada perkara yang dicurigai oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Dari segi peruntukan undang-undang, adalah mencukupi untuk digunakan supaya dapat mengawal apa jua bentuk penyelewengan yang mungkin berlaku daripada pengwujudan Central Depository System ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penalti yang dibangkitkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Kelang, dari segi dendanya \$10 juta ataupun 10 tahun penjara adalah merupakan hukuman yang agak berat jika dibandingkan dengan hukuman-hukuman lain yang ada selaras dengan penyelewengan sebegini. Adalah dianggap bahawa ini adalah memadai untuk menjadi prohibitive, dengan izin, bagi mereka yang tergamak membuat penyelewengan seperti yang disebutkan dalam peruntukan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Central Depository System ini, dengan izin, mengizinkan keadaan yang lebih cair lagi dari segi jual-beli sekuriti di pasaran saham dan dengan cara demikian dapat memendekkan proses antara mereka yang membeli dan yang menjual, akan meningkatkan lagi liquidity, dengan izin, ataupun suasana kecairan, dan meningkatkan lagi kecekapan dari segi urusniaga di antara mereka yang terlibat.

Oleh yang demikian, short-selling yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang sememangnya ditegah dari segi undang-undang dan kita percaya bahawa melalui Central Depository System ini akan dapat menghindarkan ataupun mengurangkan short-selling, semata-mata berdasarkan kepada wujudnya pada tahap yang lebih tinggi lagi dari segi liquiditi ataupun kecairannya dan juga dari segi kecekapan urusniaga di antara pembeli dan penjual.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang dapat saya berikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Timbalan Menteri tidak sebutkan tarikh pelaksanaan CDS ini dan juga berapa peringkatkah atau fasa akan dibahagikan untuk

melaksanakan CDS ini. Mungkin ia memerlukan masa dua tahun untuk melaksanakan dengan sepenuhnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, apabila lengkap peruntukan undang-undangnya dan apabila tersedia dari segi logistiknya, ianya akan dilaksanakan pada tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 68—

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 2, cuma ada satu perkara sahaja kerana ini sangat rumit. Definisi "sekuriti hutang" (debt securities), ertinya termasuk "debentur, bon, nota atau suratcara lain yang sepertinya yang merupakan atau yang menjadi keterangan keterhutangan, sama ada bercagar atau selainnya". Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna CDS juga mengendalikan bon-bon walaupun amaun atau nilainya hanya kecil ataupun pihak BSKL akan menubuhkan satu lagi CDS untuk mengendalikan bon-bon yang bernilai kecil. Ini adalah sangat penting kerana bon ini ada yang bernilai besar dan bernilai kecil. Dengan lain perkataan, Tuan Pengerusi, dengan izin, does it mean that CDS also handles bonds even if the amount may be too small, instead of setting up another Central

Depository System? Kerana ini sangat rumit, Tuan Pengrusi, jadi banyak yang saya tak faham.

Tuan Pengerusi: Tak apalah. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, dalam hal ini yang diutamakan terlebih dahulu ialah sekuriti-sekuriti dalam bentuk ekuiti dan sekuriti-sekuriti yang dimasukkan ke dalam Central Depository System ini berdasarkan kepada keputusan daripada semua pihak untuk meletakkan sekuriti tersebut sebagai sekuriti yang ditentukan atau dikendalikan oleh Central Depository System.

Adalah dijangkakan bahawa perkara ini akan berlaku peringkat demi peringkat, bahkan kaunter demi kaunter. Adalah diharapkan bahawa apabila sesuatu kaunter itu ditentukan untuk dijadikan sekuriti yang dimasukkan dalam Central Depository System, maka segala perniagaan di Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai sekuriti tersebut perlu menggunakan, diwajibkan menggunakan Central Depository System. Ini akan berlaku daripada satu kaunter kepada kaunter yang lain dan adalah diharapkan pada suatu masa nanti bahawa kalau tidak kesemuanya, sebahagian besar daripada sekuriti dalam bidang ekuiti akan dikendalikan melalui Central Depository System ini.

Tuan Pengerusi, mengenai sama ada bon akan diuruskan melalui CDS ini, kita tunggu apabila masanya tiba nanti, sama ada dikendalikan ataupun tidak. Jadi, saya ingin sekadar menjawab bahawa yang utama itu akan didahulukan terlebih dahulu.

Fasal 1 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-

undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada usul, sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA URUSAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Rang Undang-undang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan usul atas nama Menteri Kewangan telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman tadi saya kemukakan untuk diputuskan, dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Rang Undang-undang yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan usul atas nama Menteri Kewangan telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.14 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan berbangkit dan pindaan lain kepada Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Pindaan ini perlu dibuat apabila Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori-depositori Pusat) 1991 yang berkaitan dengan depositori-depositori pusat diperkenalkan dalam dagangan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan utama yang dicadangkan ke atas Akta Perindustrian Sekuriti 1983 melalui Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 2 adalah untuk meminda subseksyen 29 (1) supaya ejen-ejen depositori diberikuasa yang dilantik di

bawah seksyen 13 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 juga disenaraikan sebagai orang-orang yang dikehendaki untuk menyenggarakan daftar sekuriti seperti yang dikehendaki di bawah Fasal 5, Akta Perindustrian Sekuriti 1983. Pindaan kepada Subseksyen 29 (1) adalah bertujuan menentukan kawalan dalaman dalam bentuk penyelenggaraan daftar sekuriti dapat diwujudkan dan dilaksanakan dengan lebih berkesan apabila sistem depositor pusat diperkenalkan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 40 dengan memotong subseksyen 4 bagi membolehkan peniaga apabila berniaga sebagai prinsipal untuk mencajkan seseorang klien dengan bayaran broker, komisen atau apa-apa fee lain berkaitan dengan sesuatu urusaniaga. Sebelum ini subseksyen (4) melarang bayaran seperti ini dicajkan.

Pindaan kepada seksyen 40 (4) ini bertujuan memberikan insentif kepada broker-broker saham kerana mereka boleh mengenakan komisen ke atas akaun broker saham dan ini akan menggalakkan broker-broker saham membuat pasaran dan mengambil posisi bagi memenuhi pasaran besar dan dengan itu membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pindaan Undang-undang yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah selaras dengan perkembangan terbaru dalam industri sekuriti di negara ini. Pengenalan sistem depositori pusat bertujuan mewujudkan sistem perdagangan saham yang lebih licin dan efficient melalui penyelarasan dan penyelesaian skrip yang lebih cekap.

Penglibatan broker saham yang lebih meluas dalam perdagangan saham boleh meningkatkan peranannya dalam menstabilkan turun naik harga saham dalam jangka pendek dan dalam masa

yang sama boleh menambahkan kecairan dan kebolehan pasaran saham-saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

6.17 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan sebutkan perkara-perkara yang telah saya bincangkan untuk Rang Undang-undang yang lepas dan sudah pun diluluskan dan cuma kerana ada seksyen yang baru yang dipinda di sini mengenai kawalan dalaman mengawalseliaan dan juga untuk menggalakkan broker supaya memainkan peranan dalam menstabilkan turun naik harga dalam jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang hendak saya bangkitkan di sini mengenai kawalseliaan. Yang pertamanya mengenai firma-firma stock broking dan broker dan adakah setakat ini ada setengah-setengah pihak firma tidak memasukkan deposit-deposit sekuriti daripada remisiernya ke dalam dana trust funds. Kalau ada perkara firma daripada 47 firma yang telah saya sebutkan ini yang gagal berbuat demikian kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka tidak memasukkan deposit sekuriti ini ke dalam dana trust funds itu, tentulah tidak adil dan tidak patut kerana walaupun firma stock broking ataupun broker memainkan peranan yang penting, remisier juga mempunyai peranan yang mustahak untuk menjadikan bidang sekuriti lebih aktif.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap remisier terpaksa membayar deposit sekuriti keselamatan (security deposit) sebanyak \$100,000 dan kalau begitu daripada hampir 300 ahli remisier ini memang kalau kita darabkan 300 x \$100,000, ini meningkat kepada ratus juta ringgit daripada remisier ini. Oleh itu kita berharap pihak Kementerian mengambil perhatian sama ada semua 47 firma stock broking ini telah memasukkan deposit sekuriti ke dalam dana trust fund untuk memelihara kepentingan remisiernya yang lebih kepada firma stock brokingnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keduanya mengenai kawalanseliaan iaitu dengan skrip yang telah hilang pada 11hb Mei tahun lepas, kira-kira 8,474 skrip itu sudah hilang. Apakah yang terjadi dengan skrip ini kerana Dewan yang mulia ini tidak pernah mendengar bilangan skrip yang hilang itu, apakah penyelesaian ataupun ia boleh dianggap sebagai hilang sahaja yang tidak akan dibangkitkan lagi. Dan sejak 11hb Mei tahun lepas adakah kehilangan skrip ini telah berlaku di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu maksud yang utama pindaan ini ialah untuk mengelakkan kehilangan skrip dengan mengadakan CDS mungkin skrip ini tidak boleh hilang lagi kerana scriptless trading. Walau bagaimanapun, apakah yang telah terjadi dengan 8,000 lebih skrip yang telah hilang pada tahun yang lepas kerana kita perlulah satu penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini untuk memelihara kepentingan sektor sekuriti dan juga kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.23 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, skrip yang hilang telah disiasat daripada masa ke semasa

dalam masa lebih kurang 3 bulan perkara itu berlaku, akhirnya diputuskan manamana yang telah disahihkan hilang telah "made good" by BSKL, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan yang lain, saya sekadar hendak menegaskan matlamat pindaan ini ialah jika sekiranya ada kaitan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, apabila pihak broker memainkan peranannya sebagai seorang broker boleh mengenakan chargenya dan commissionnya atas nama broker tetapi kadangkala berubah peranannya sebagai seorang principle yang mana mengikut peruntukan undang-undang tidak diizinkan mengenakan charge terhadap kegiatannya sebagai seorang principle. Jadi, untuk memastikan bahawa ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang maka pihak yang dimaksudkan ini masih lagi boleh mengenakan charge walaupun dia seorang principle dan memainkan peranan sebagai broker.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan yang dapat saya berikan yang mungkin ada kaitannya dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.27 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi membolehkan pelaksanaan dengan berkesan suatu perundangan baru iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan juga pada sesi Parlimen yang sedang berlangsung sekarang ini. Pindaan ini adalah berturutan dengan pengenalan perundangan yang baru tersebut lanjutan dari pengenalan Sistem Depositori Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perpisahan di antara Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura pada 1hb Januari, 1990 jumlah transaksi di dalam sekuriti di BSKL telah meningkat beberapa kali ganda. Pertambahan yang pesat kepada transaksi tersebut telah menyebabkan beberapa masalah yang khusus timbul bersangkutan dengan penyempurnaan transaksi tersebut seperti kelambatan penyerahan skrip dan suratcara, pemindahan kehilangan skrip, pemalsuan skrip dan sebagainya.

Adalah dikhuatiri keadaan ini boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur terutamanya pelabur-pelabur dari luar negeri. Untuk menyelesaikan masalah di atas BSKL bercadang memperkenalkan suatu Sistem Depositori Elektronik yang lebih cekap, yang akan menyimpan semua skrip yang diniagakan di pasaran yang dikenali dengan Sistem Depositori Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memberi kesan yang sepenuhnya kepada sistem ini serta atas syor yang dibuat oleh BSKL, Kementerian Kewangan telah mencadangkan agar diperkenalkan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti, suatu perundangan yang memperuntukkan peraturan-peraturan mengenai Depositori Pusat serta deposit pemegang pengeluaran dan urusniaga dalam sekuriti yang didepositkan di situ dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, apabila dilaksanakan, dua seksyen daripada Akta Syarikat 1965 yang mempunyai kaitan dengan transaksi sekuriti didapati perlu dipinda. Seksyen-seksyen tersebut ialah seksyen 6A(10) dan seksyen 39 (1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang pertama ialah pindaan kepada seksyen 6A. Mengikut Sistem Depositori Pusat, sesiapa yang ingin berurusniaga di pasaran sekuriti di Bursa Saham, hendaklah mendepositkan sekuritinya ke dalam sistem itu. Ini bermakna semua syer yang telah didepositkan demikian akan didaftar di atas nama Depositori Pusat di dalam daftar ahli-ahli sesebuah syarikat.

Untuk mengelakkan keadaan di mana seseorang itu menafikan kepentingannya di dalam sesuatu syer itu kerana syer didaftar atas nama depositori pusat dan bukan atas nama beliau, adalah perlu dimasukkan suatu perenggan baru (*d*) di dalam Seksyen 6A Akta Syarikat 1965

supaya suatu kepentingan di dalam sesuatu syer itu hendaklah juga diambilkira walaupun satu syer itu dipegang atas nama depositori pusat atau syarikat namaannya.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Ini kerana di bawah Akta Syarikat 1965 banyak tanggungjawab dan larangan yang dikenakan ke atas seseorang yang mempunyai kepentingan di dalam sesuatu syer. Pindaan ini bertujuan menjelaskan lagi bahawa sesuatu tanggungjawab dan larangan di bawah Akta ini ke atas seseorang itu tidak terlupus walaupun sesuatu syer itu tidak didaftarkan atas namanya di bawah sistem depositori pusat. Ini kerana kepentingannya masih diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 39 (1) Akta Syarikat 1965 ialah seksyen yang menyatakan kandungan-kandungan prospektus yang diedarkan bersama borang permohonan bagi syer atau debenture sesebuah syarikat. Dengan pengenalan sistem depositori pusat adalah maksud sesuatu prospektus itu menyatakan bahawa sesuatu syer atau debenture yang akan ditawarkan setelah ditetapkan oleh BSKL untuk dimasukkan ke dalam sistem depositori pusat ini. Ini bagi memastikan bakal pelabur diberitahu bahawa hanya mereka yang mempunyai akaun dengan depositori pusat boleh membuat permohonan terhadap syer atau debenture yang ditawarkan.

Tujuan langkah ini adalah untuk meningkatkan kecekapan proses penyelesaian perdagangan sekuriti pasaran saham serta menghapuskan masalah-masalah yang timbul akibat pergerakan skrip dan surat cara pemindahan yang banyak lanjutan daripada perpisahan BSKL dengan Bursa Saham Singapura semenjak 1hb Januari, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi membolehkan pelaksanaan perundangan baru Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dengan lebih licin dan berkesan lagi dan pindaan tersebut tidak mempunyai implikasi secara langsung ke atas sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong. Tengok siapa itu?

6.34 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang berminat hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan, saya terpaksa berbuat demikian kerana kita di dalam Dewan yang mulia ini kita dilantik untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat. Straight to the point.

Dr Tan Seng Giaw: . . .supaya kita boleh bersuara dengan lantang mengenai segala perkara yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah saya sebutkan untuk kedua-dua Rang Undang-undang yang sudahpun diluluskan itu, saya akan tambahkan satu lagi iaitu mengenai pelabur-pelabur di dalam BSKL. Saya dengar tadi bahawa pelabur-pelabur dikehendaki mengadakan satu akaun di CDS - Security Account. Adakah ini benar? Kerana pelabur-pelabur boleh dibahagikan kepada pelabur individu dan juga pelabur korporat (individual investors or corporate investors). Adakah ini bermakna semuanya, sama ada corporate investors ataupun individual investors hendaklah membuka satu akaun sekuriti di CDS. Kalau begitu, apakah tempoh yang diperuntukkan untuk mereka berbuat demikian? Kalau pihak individual investors ataupun corporate investors ini tidak berbuat demikian, adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengharamkan mereka daripada berniaga ataupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, investors will be barred from applying a new main board shares—new main board shares issues—if they do not have the security account with the CDS. Adakah mereka akan diharamkan untuk berniaga? Ini adalah satu soalan yang penting, Tuan Yang di-Pertua dan kalau BSKL bercadang untuk mengharamkan mereka apakah syarat-syaratnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya CDS ini, memang perkara seperti ini akan timbul dan apakah 'contingency plan' untuk pengharaman tersebut ataupun, Tuan Yang di-Pertua, the contingency plan of disqualification, untuk pelabur-pelabur yang hendak membuka akaun kalau ada syer-syer yang baru. Ini akan menimbulkan satu masalah lagi. Walaupun Yang Berhormat dari Padang Terap tidak berminat, tetapi inilah salah satu masalah tatkala kita melaksanakan sistem ini, kita hendak mengadakan contingency plan, kerana kita berkehendakkan mereka membuka akaun sekuriti ini. Kalau

mereka enggan berbuat demikian dan didapati ada syer-syer yang baru maka dengan tergopoh-gapah mereka hendak membuka akaun sekuriti seperti ini dan mesti diadakan satu contingency plan kerana memang BSKL tidak mampu untuk melayan pelabur-pelabur yang bertubi-tubi hendak membuka akaun sekuriti yang dikehendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak tekankan sekali lagi, walaupun maksudnya hendak mengelakkan daripada berlakunya kehilangan skrip dengan perniagaan yang tiada skrip melalui CDS. Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan hendaklah diperketatkan untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara kehilangan skrip ini dan mungkin, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu langkah lagi yang perlu dibuat untuk menghalang pihak broker daripada membuat tuntutan palsu mengenai kehilangan skrip-skrup tersebut, kerana kalau tidak ada langkah yang ketat memang ada setengah-setengah broker yang tidak jujur akan membuat tuntutan yang palsu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah "Ya" jika sekiranya kita hendak berniaga di Bursa Saham sebagai pembeli ataupun sebagai penjual yang berkaitan dengan sekuriti yang telahpun dimasukkan ke dalam CDS, maka, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu dan dikehendaki membuat akaun kita sendiri. Seolah-olah jika sekiranya kita hendak bermain bola dalam barisan ke sebelas, maka kita perlu masuk ke padang untuk bermain bola. Kalau Yang Berhormat hendak bermain bola tetapi tidak hendak masuk ke padang, kenalah bermain di tepi padang. Kalau sanggup main di

pinggir-pinggir padang maka tidak perlu menjadi seorang pemain bola tetapi cukup sekadar menjadi peminat bola. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perlulah membuka akaun untuk urusan sahamsaham sekuriti yang sudahpun dimasukkan ke dalam CDS.

Lebih-lebih lagi apabila saham-saham baru, syer-syer baru yang dibuat oleh terbitan baru ianya akan dimasukkan ke dalam CDS ini. Maka kalau berminat tentang saham-saham yang baru ini, maka kita perlu membuka akaun sekuriti di CDS. Itulah jawapan-jawapan yang berbangkit daripada soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang jawapan itu tepat. Walau bagaimanapun, kerana memang ada beribu-ribu akan membuka akaun dan adakah tempoh diberikan? Memang BSKL tidak mahu beribu-ribu orang, mungkin 50 ribu pelabur yang berbaris-baris untuk membuka akaun. Memang ada tempoh untuk mereka. Kalau ada bilangan pelabur ini yang tidak membuka akaun kerana faktor-faktor yang tertentu, memang ada syer-syer yang baru, yang nampaknya ada syer yang baik, dia dengan tergopoh-gapah membuka akaun kerana dia terbentuk baru tengadah. Memang ada orang yang begitu. Kalau keadaan sedemikian berlaku, apakah tindakan yang diambil atau apakah contingency plannya untuk menyesuaikan masalah seperti ini? Ini akan merumitkan perniagaan di BSKL.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Boleh saya mencelah, Tuan Yang di-Pertua? Saya telah mengikuti perbincangan yang dibuat secara perseorangan monopoli dari Kepong tadi—3 Rang Undang-undang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah segala cadangan dan soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong membayangkan bahawa dia memerlukan lagi banyak regulations di

dalam pasaran ataupun securities industry. Pada hal dahulu, kalau saya ingat, dia dan rakan-rakannya dari DAP marah kepada Kerajaan terlalu banyak sangat regulations itu dan regulations ini—FIC tidak perlu dia kata, CIC tidak perlu. Sekarang dia buat cadangan supaya banyak lagi dimasukkan dalam industri saham ini. Jadi, apakah ini bertentangan? Saya tidak mahu cakap kerana ini merupakan satu penambahan regulation di dalam industri ini yang mana kita sebagai orang yang mempercayai kepada free enterprise kita cuba mengurangkan regulation di dalam pasaran tetapi sahabat saya dari Kepong, dahulu dia jadi champion of free enterprise, hari ini dia jadi champion of the regulator pula. Yang telah dibagi oleh Kerajaan pun banyak, ini dia hendak tambah lagi.

Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan pendirian Dasar Ekonomi DAP. Kalau dia memerintah macam mana?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong datang daripada satu kumpulan yang penuh dengan syak wasangka, curiga dan sebagainya. (*Tepuk*) Jadi, kalau pun dia kata dia tidak rela kepada peraturan-peraturan, itu di bibir sahaja. Jadi, kalau di dalam sanubarinya penuh dengan rasa curiga, maka terkandung penuh dalam sanubari itu dengan segala peraturan, sekatan dan sebagainya yang mungkin digunakan untuk melarang, menekan, menghalang sesiapaupun bahkan untuk kita berbincang seperti begini, kalau sekiranya dia ada kemampuan untuk berbuat demikian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sama ada ada masalah konflik dalaman kepada Wakil Rakyat dari Kepong ini, ataupun konflik dalam kumpulan itu sendiri yang makin lama makin menonjol yang dapat kita perhatikan sejak 2½ bulan ini.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri sudah selesai menjawab, hendak apa lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak, dia beri saya penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bermain politik sedikit, dia memomokkan pihak Pembangkang pula seperti biasa yang dibuatnya. Walau bagaimanapun, suka saya mengambil masa satu minit sahaja untuk menerangkan. Ini bukan saya hendak mengadakan lebih banyak peraturan, bukan, kerana apa yang dibincangkan di sini bila kita adakan syarat untuk membuka akaun, memang beribu-ribu pelabur-pelabur individu ataupun korporat. Kalau mereka ini memang di dalam dunia perniagaan seperti mana di dalam dunia parti politik juga, bukan semua itu malaikat. Takkan Timbalan Menteri ataupun Padang Terap pun malaikat belaka. Ini makhluk manusia sahaja dan nampaknyalah—ya, makhluk manusia sahaja. Memang ada setengah-setengah itu, ada tamak halabo sedikit, dia berbuat penipuan sedikit dan di sini penting saya bangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas saya pernah bangkitkan akan berlakunya masalah yang rumit kalau pihak BSKL tidak mengambil langkah yang ketat. Bukan kita hendak adakan lebih peraturan. Walaupun saya percaya, dengan izin, unfettered free enterprise also cannot work. Free enterprise is a good system but it must not be unfettered.

Begitu juga dengan sistem ini—CDS. Kalau kita jalankan dengan betul boleh mengelakkan banyak masalah. Tetapi walau bagaimanapun, maksud saya di

sini kerana bilangan yang terlibat itu besar, kalau mereka dalam satu hari kerana ada isu-isu baru, mereka dengan beribu-ribu hendak bukakan akaun CDS dengan BSKL memang akan timbulkan masalah walaupun Yang Berhormat dari Padang Terap tidak nampak sekarang, memang nasi sudah menjadi bubur, baru dia hendak sediakan payung. Itulah tabii dan tabiat beliau.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan bahawa Malaysia akan menjadi, dengan izin, a nation of shareholders. Saya ingin maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, dalam satu survey terdapat lebih kurang 937,200 shareholders di negara kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harap mereka seberapa ramai mendaftar. Bukanlah satu perkara yang mustahil bahawa akan diwujudkan nanti ejen-ejen apa yang dipanggil "authorised depository agent" di merata negara kita ini yang terdiri daripada bukan sahaja broker-broker saham bahkan bank-bank pun akan merupakan ejen-ejen untuk "Centralised Depository System". Kalau sekiranya bank pada hari ini boleh menampung clients yang beratus ribu, tidak sepatutnya ada masalah untuk matlamat menjadikan Malaysia "a nation of shareholders" pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, antara lainnya untuk membolehkan pelaksanaan Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut yang ditandatangani di London pada 1hb November 1974, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991 adalah bertujuan membuat pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan Kementerian Pengangkutan meningkatkan keselamatan laut dengan menguatkuasakan beberapa Konvensyen Antarabangsa mengenai keselamatan dan pencegahan pencemaran laut.

Konvensyen-konvensyen Antarabangsa yang terlibat adalah seperti berikut:

- (1) International Convention for the Safety of Life at Sea 1974 and its Protocol 1978.

- (2) International Convention for the Prevention of Pollution from Ships 1973/1978.
- (3) International Convention on Standards of Training, Certification and Watch-keeping for Seafarers 1978.
- (4) International Convention Relating to Intervention on the High Seas in Cases of Oil Pollution Casualties 1969 (Intervention Convention).
- (5) Convention on Prevention of Marine Pollution by Dumping of Waste and Other Matters 1972 (London Dumping Convention).
- (6) International Convention Relating to the Limitation of the Liabilities of Owners of Seagoing Ships 1957.

Rang Undang-undang ini membolehkan Kementerian Pengangkutan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu untuk melaksanakan Konvensyen-konvensyen tersebut. Adalah dijangka bahawa Kerajaan Malaysia akan menerima Konvensyen-konvensyen tersebut sebelum akhir tahun 1992.

Cadangan pindaan-pindaan utama Konvensyen STCW :

Fasal 7 hingga 16. Fasal 7 Rang Undang-undang memperuntukkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan tahap kelulusan, kelayakan, pengendalian dan kerjaya pelaut. Bagi maksud tersebut juga Fasal 8 hingga 16 adalah bertujuan meminda had-had kawasan pelayaran selaras dengan keperluan baru yang ditetapkan oleh Konvensyen STCW. Pindaan ini merupakan tindakan terakhir oleh Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan Konvensyen STCW.

Konvensyen STCW telah berkuatkuasa secara antarabangsa dan pada masa ini merupakan satu tatacara yang sangat berkesan untuk menyelaraskan taraf latihan, pengendalian dan kelayakan pelaut-pelaut. Tindakan-tindakan telahpun dimulakan pada tahun 1982 untuk melaksanakan peraturan-peraturan baru mengenai kerjaya pelaut dan mengadakan sistem peperiksaan yang teratur selaras dengan Konvensyen STCW.

Pindaan Rang Undang-undang ini akan membolehkan segala kehendak Konvensyen tersebut dicapai.

Kementerian Pengangkutan sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan bagi meratifikasikan Konvensyen STCW pada tahun ini. Dengan penerimaan Konvensyen tersebut pelaut-pelaut Malaysia akan layak bertugas bukan sahaja di atas kapal-kapal Malaysia, tetapi juga di atas kapal negara-negara lain yang juga menjadi ahli Konvensyen STCW.

Konvensyen SOLAS 74/78, Fasal 22 hingga 41. Fasal-fasal 22 hingga 41 adalah pindaan susulan untuk membolehkan peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen SOLAS 1974 dapat dilaksanakan dengan teratur dan kemas di Malaysia.

Pada masa ini Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 menguatkuasakan Konvensyen SOLAS 1960, SOLAS 1960 telahpun digantikan oleh SOLAS 1974.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kerajaan Malaysia sudah pun meratifikasikan Konvensyen SOLAS 1974 pada tahun 1983. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan SOLAS di negara Malaysia.

Konvensyen SOLAS merupakan Konvensyen Keselamatan Perkapalan yang amat penting dan diterima secara luas oleh negara-negara maritim antarabangsa. Kapal-kapal Malaysia akan dipersijilkan seperti dan selaras dengan apa yang diperlukan di bawah Konvensyen SOLAS supaya pelayaran kapal-kapal tersebut tidak terjejas apabila berada di pelabuhan-pelabuhan negara lain.

Kementerian juga akan mengambil tindakan menerima pindaan-pindaan untuk mengemaskinikan SOLAS dari masa ke semasa supaya Protokol 1978 dan 1983 dengan mengadakan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Bahagian baru VA pencemaran dari kapal meliputi Fasal 42 hingga 44 dan Fasal 51. Bahagian baru ini adalah bertujuan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan tertentu bagi membolehkan Malaysia menerima Konvensyen utama berkaitan dengan pencegahan pencemaran laut khasnya MAPOL, Intervention Convention dan London Dumping Convention. Konvensyen-konvensyen tersebut merupakan konvensyen-konvensyen yang telahpun berkuatkuasa secara antarabangsa dan mempunyai implikasi besar kepada negara Malaysia. Konvensyen MAPOL menentukan bahawa sesuatu kapal dibina dan digunakan secara teratur supaya tidak memberi kesan-kesan yang buruk kepada alam sekeliling atau ke lautan. MAPOL memperuntukkan bahawa kapal-kapal tidak membuang minyak atau bahan-bahan lain yang boleh menyebabkan pencemaran laut.

Fasal 42, seksyen baru 306K dan Fasal 51 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengadakan peraturan-peraturan untuk mengawal beberapa perkara yang penting selaras dengan Konvensyen MAPOL. Konvensyen Intervention adalah bertujuan

untuk memberi kuasa kepada Pengarah Laut mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi mengelakkan pencemaran laut atau melawan tumpahan minyak apabila sesuatu insiden kemalangan kapal berlaku. Pengarah Laut dengan panduan dari Pengarah Alam Sekitar boleh mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengawal, membantaras atau melawan sesuatu insiden pencemaran laut seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 42 dan seksyen baru 306 (d).

Kedudukan negara Malaysia berhampiran dengan laluan-laluan perkapalan yang penting seperti Selat Melaka dan Selat Singapura adalah terdedah kepada ancaman pencemaran laut dari kemalangan-kemalangan. Dengan peruntukan-peruntukan baru ini Pengarah Laut mempunyai kuasa penuh untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk melawan atau membantaras sesuatu tumpahan minyak atau bahan-bahan merbahaya.

Fasal 42, seksyen baru 305K juga memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan bagi mengawal aktiviti-aktiviti membuang bahan-bahan bahaya atau minyak dari kapal ke dalam laut. Kuasa yang diberi kepada Menteri Pengangkutan di bawah seksyen baru ini akan digunakan untuk mengadakan peraturan-peraturan tertentu bagi melaksanakan kehendak-kehendak Konvensyen London Dumping. Konvensyen tersebut juga telah diterima secara antarabangsa dan perlulah dilaksanakan di negara kita supaya kawalan ke atas pembuangan dari kapal-kapal ke dalam laut dapat dilaksanakan.

Kementerian Pengangkutan akan mengadakan peraturan-peraturan tertentu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen bagi melaksanakan Konvensyen London Dumping tersebut.

Pelaksanaan konvensyen berkaitan dengan had liabiliti pemilik-pemilik kapal meliputi Fasal 49, Bahagian IX yang baru. Tujuan Fasal 49 adalah untuk menyelaraskan keadaan undang-undang di seluruh Malaysia. Pada masa ini undang-undang di Sabah dan Sarawak memperuntukkan bahawa had liabiliti pemilik-pemilik kapal di negeri-negeri tersebut adalah menurut International Convention relating to the Limitation of the Liability of Owners of Sea-going Ships 1957.

Pada masa ini had-had liability bagi pemilik-pemilik kapal di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 di Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah daripada keadaan di Sabah dan Sarawak. Kementerian Pengangkutan berpendapat perkara ini perlulah diselaraskan supaya semua kapal Malaysia atau kapal-kapal asing yang berada di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dikenakan had liability yang sama di seluruh negara. Peruntukan-peruntukan susulan adalah juga dibuat di bawah seksyen ini supaya keperluan-keperluan lain di bawah konvensyen tersebut dapat diadakan.

Pindaan-pindaan utama yang lain.

Fasal 17 meminda seksyen 236 (1) Ordinan bagi membolehkan penguatkuasaan dijalankan walaupun kapal penumpang masih berada di pelabuhan setelah menerima penumpang.

Di bawah peruntukan yang sedia ada, penguatkuasaan hanya boleh dijalankan semasa kapal itu di dalam pelayaran. Pindaan ini adalah penting untuk mengelakkan kapal-kapal penumpang dari membawa bilangan penumpang yang melebihi had yang ditetapkan. Penalti bagi kesalahan di bawah seksyen ini adalah juga ditambahkan dari \$25 seorang penumpang kepada \$300 seorang penumpang.

Fasal 18 membuat pindaan kepada seksyen asal 244 (1) (k) bagi

membolehkan bayaran dipungut untuk pengendalian penumpang-penumpang di pelabuhan berkenaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membangunkan dan mengadakan terminal-terminal penumpang yang moden dan selamat di beberapa pelabuhan penting seperti Kuah di Langkawi dan Lumut dan Pangkor di Perak. Kementerian Pengangkutan berhasrat memungut bayaran-bayaran yang tertentu bagi menampung perbelanjaan yang dibelanjakan oleh Kerajaan. Fasal ini juga mengkaji semula penalti-penalti yang berkenaan.

Fasal 32, 33 dan 36 bertujuan meminda Ordinan asal bagi membolehkan pelaksanaan-peraksanaan Kod Maritim antarabangsa mengenai kargo merbahaya. Kod tersebut adalah diterima oleh kebanyakan negara-negara maritim dan adalah penting untuk memastikan bahawa bahan-bahan bahaya di atas kapal dikendalikan, dibungkuskan dan diberi label yang ditetapkan bagi menjamin keselamatan kapal dan pekerja-pekerja di atasnya.

Fasal 54 bertujuan menyelaraskan penalti-penalti di beberapa seksyen di dalam Ordinan supaya ianya dinaikkan selaras dengan keadaan masa sekarang. Kebanyakan penalti-penalti yang sedia ada itu tidak memberi kesan yang sewajar dan menjadi satu halangan pula kepada penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini membuat beberapa pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Pindaan-pindaan ini mempunyai implikasi besar kepada industri maritim. Kementerian Pengangkutan sudahpun mengadakan beberapa mesyuarat serta dialog dengan industri maritim sebelum mengemukakan pindaan-pindaan ini untuk persetujuan Kerajaan.

Kementerian Pengangkutan ingin menyebutkan bahawa industri maritim menyokong pindaan-pindaan ini dan mereka akan menerima faedah-faedah tertentu. Kementerian Pengangkutan sendiri berpendapat bahawa pindaan-pindaan ini akan mebolehkan beberapa rancangan dilaksanakan termasuk rancangan-rancangan bagi meningkatkan lagi keselamatan pengangkutan laut. Peruntukan-peruntukan mengenai pencegahan pencemaran laut juga merupakan satu langkah baru penglibatan Kementerian Pengangkutan di bidang tersebut. Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain khususnya Jabatan Alam Sekitar supaya bersama-sama mengambil tindakan bagi mengawal dan mencegah pencemaran laut yang berpunca dari kapal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian ini juga sedang merangka satu Akta Perkapalan Saudagar yang baru. Deraf Akta tersebut adalah di dalam semakan agensi-agensi Kerajaan dan saya berpendapat Akta yang baru tersebut boleh dikemukakan bagi persetujuan Kerajaan di dalam jangka masa dua tahun lagi. Akta yang baru itu akan menggantikan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, Ordinan Perkapalan Saudagar Sabah 1960 dan Ordinan Perkapalan Saudagar Sarawak 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991 untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk

meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila, Kepong.

7.05 mlm.

Dr Tan Seng Giaw: (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membentangkan satu Rang Undang-undang yang saya berharap akan merangsangkan industri maritim untuk berkembang dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu langkah ke arah yang betul iaitu untuk menyelaraskan undang-undang yang ada sekarang di Semenanjung, Sarawak dan Sabah dan ke arah ini memang Rang Undang-undang ini telah mengadakan beberapa peruntukan untuk penyelarasan tersebut. Itu adalah satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, nampaknya Rang Undang-undang ini bukan satu legislation untuk menggantikan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan saya diberitahu pada mulanya pihak Kementerian ini hendak mengadakan Rang Undang-undang yang baru untuk menggantikan Ordinan tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, setakat ini nampaknya tidak ada usaha untuk menggantikannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peruntukan di sini yang tepat pada masa untuk mengendalikan beberapa masalah yang timbul termasuk pencemaran laut, pelbagai pencemaran dan juga konvensi-konvensi mengenai latihan dan sebagainya. Sukalah saya membangkitkan di sini mengenai keperluan untuk mengstandardkan peraturan-peraturan bagi latihan, peperiksaan dan sijil bagi semua negeri di Malaysia ini. Setakat ini Semenanjung serta juga Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai peraturan-peraturan tersendiri dan tidak dapat mengstandardkan latihan untuk anak-anak kapal dan lain profesional kerana dalam bidang

perkapalan pun kita memerlukan banyak profesional untuk memastikan bahawa industri maritim ini dapat berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai latihan, saya hendak mengetahui bagaimana pihak Kementerian dapat mengatitkan latihan-latihan yang lebih mendalam untuk mewujudkan, dengan izin, "better and more efficient seamen." Itulah perkataan dan istilah yang disukai oleh Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan setakat inilah yang didapati disediakan oleh negara-negara ASEAN seperti Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina. Di ASEAN sekarang kita sangat kurang seamen ini. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbetulkan keadaan kekurangan ini kerana dengan perkembangan dengan pesatnya industri maritim di Malaysia dan kalau didapati kekurangan seamen maka kita akan menghadapi kesusahan yang besar tatkala Kerajaan nampaknya hendak memberi insentif untuk menggalakkan kapal dagang berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak mencadangkan pihak Kerajaan menubuhkan institusi-institusi yang dapat memenuhi keperluannya dari segi latihan ke atas kelasi-kelasi yang dikehendaki untuk masa akan datang. Salah satu masalahnya ialah kemudahan kelengkapan dan juga kekurangan wang untuk latihan tersebut. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan wang, masalah kekurangan kelengkapan dan juga masalah kekurangan pusat-pusat untuk latihan ini? Adakah satu kajian telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk meneliti masalah ini dan juga untuk mencari cara-cara penyelesaiannya?

Tuan Yang di-Pertua, memang insentif-insentif itu telah pun diberi oleh

pihak Kerajaan, termasuk pengecualian cukai terhadap pendapatan daripada perkapalan, pengecualian cukai bagi anak-anak kapal yang berkhidmat dengan kapal-kapal Malaysia dan penyemakan pelan menyeluruh, seperti sekarang Ordinan Perkapalan Saudagar bagi menggalakkan perkembangan kapal saudagar. Ini satu langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan industri maritimnya. Tetapi Kerajaan hanya boleh mengadakan kemudahan yang sesuai dan sektor swasta perlu mempergiatkan kegiatan mereka untuk mengambil peluang-peluang seperti ini yang terbuka untuk mereka. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pihak Kerajaan sudah mengatitkan kemudahan yang cukup sesuai, yang lengkap untuk pihak swasta mengambil peluang.

Tuan Yang di-Pertua, dasar menggunakan kapal tempatan yang diperkenalkan pada tahun 1982 yang bertujuan memastikan pengangkutan kargo dalam negeri dijalankan oleh kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia telah kononnya dikaji semula. Kalau telahpun dikaji semula, apakah dasar ini? Saya pun tidak pernah melihat dasar seperti ini kerana itu dasar yang penting untuk kapal tempatan. Adakah setakat ini perkapalan dagangan dalam negeri dijalankan dengan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia? Kalau ya, ini bermakna kita sudahpun meningkatkan tahap yang baru dan sangat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bertanya di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada tahun 1991 berapa buah kapal yang didaftarkan di Malaysia dilesenkan di bawah dasar tersebut? Sama ada sudah sampai 300 buah kapal yang telah didaftarkan berdasarkan kepada dasar yang disebutkan tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, selain latihan untuk anak-anak kapal yang diperlukan dan keperluan kewangan (financial support) yang juga diperlukan untuk menggalakkan industri perkapalan ini, infrastruktur perkapalan adalah yang juga penting. Walaupun ada usaha sedikit untuk memperbaiki infrastruktur perkapalan ini, tetapi nampaknya ada lembab sedikit pada masa ini. Salah satu masalahnya ialah masalah kewangan. Mungkin tidak cukup sokongan daripada sektor-sektor bank dan insurans untuk mempergalakkan. . . .

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Kepong memberi penjelasan apa makna yang dikatakan "lembab" itu, siapa lembab?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak lembab, tetapi usaha yang diambil untuk memperbaiki infrastruktur itu lemah sedikit, tak cukuplah. Mungkin ada faktor-faktor yang tertentu, termasuk kewangan. Adakah Yang Berhormat dari Larut sanggup berusaha untuk menambahkan peruntukan kewangan dari segi memperbaiki infrastrukturnya?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap.

Dr Tan Seng Giaw: Oh, Padang Terap!

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, selalu Ahli dari

Kepong ini tuduh melulu sahaja, misalannya dia kata "lembab" tadi. Bila ditanya takrif lembab, dia kata Timbalan Menteri tidak lembab. Yang ditanyakan ialah apa yang dimaksudkan dengan "lembab". Jikalau kadar pembangunan infrastruktur perkapalan pada tahun 1989 banyak ini dan struktur pembangunannya tahun 1990 kurang, bolehlah dikatakan lembab. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu mempunyai statistik yang cukup tanpa memberi tuduhan yang melulu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sengaja Yang Berhormat dari Padang Terap ini hendak menjejaskan ucapan saya. (*Ketawa*) Dry dock pun tak cukup, saya beri satu contoh. . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Setar bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw: Oh, Kota Setar. Dia pun hendak menceburkan diri di dalam. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalankah atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Kota Setar mana ada kapal? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat kena jawab sama ada hendak beri jalan atau tidak?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Klang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengingatkan Yang Berhormat dari Kepong barangkali dia terlupa esok adalah hari Tahun Baru Cina, kueh pun dia tak beli lagi di rumah. Saya cuma hendak ucap "Kong Hee Fatt Choy" sahaja kepadanya. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah Yang Berhormat. Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Kota Setar. Saya ingat dia hendak sentuh kapal, tetapi di Kota Setar sebuah kapal pun tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, selain kekurangan infrastruktur, termasuk dry dock yang tak cukup, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ada sebutkan hendak adakan dry dock yang baru di tiga tempat, tetapi itu menunjukkan kekurangan infrastruktur walaupun bilangan kapal itu sudah meningkat, itu adalah ke arah langkah yang betul, mungkin hendak sampai ke 255 buah kapal yang sudah didaftarkan. . . .

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Soal kekurangan dry dock di negara kita bukan bermakna bahawa pembangunan infrastruktur perkapalan lembab. Dari segi ekonomi, dry dock di Singapura dan di Thailand adalah mencukupi. Kalau kita gunakan dry dock di Singapura dan di Thailand, kemungkinan kita boleh menjalankan maintenance kita dengan tahap yang rendah dan lebih ekonomik.

Jadi, apakah Yang Berhormat tidak sedar bahawa capacity dry dock di Singapura dan di Thailand adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung permintaan dari negara kita. Jangan kata Padang Terap tak ada kapal, kerana saya mewakili seluruh Malaysia. (*Tepuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap ini memang dia tersekat kepada pandangan yang begitu tidak luas, setengah masak sahaja ataupun dikatakan mengkal, setengah masak. Pandangan yang mengkal, Tuan Yang di-Pertua, setengah masak. Adakah Yang Berhormat tahu pada tahun yang lepas, kalau tidak silap saya, hampir kira-kira 100 ribu kontena daripada Thailand tidak masuk ke Malaysia, terus ke Singapura sehingga kita hilang lebih \$60 juta. Adakah dia tahu daripada Thailand? Dia cakap banyak dengan Thailand itu.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dia pandai. Saya tadi bercakap mengenai dry-dock, dia pusing pergi kepada statistik kontena. Cukup pandai pusing. Saya cakap mengenai dry-dock, tidak cakap mengenai kontena.

Dr Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun ini tunjukkan satu kekurangan. Mungkin satu kesilapan pula mengapa pihak Thailand tidak mahu menggunakan infrastruktur ataupun kemudahan di Malaysia sehingga kita hilang begitu banyak wang kepada Singapura. Mungkin kerana Singapura mempunyai lebih dry-dock dan mereka hendak pergi ke Singapura.

Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tasek Chenderoh.

Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, budak Tingkatan Enam pun tahu law of comparative advantage, takkan dia tidak faham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia hendak penjelasan, law of comparative advantage ini dia memang menyetujui dengan saya, ada kekurangan di dalam negara ini kerana advantage di Singapura, advantage di Thailand yang sekarang dia mengakui. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan Tasek Chenderoh yang cenderung kepada negara yang lain itu. (*Ketawa*)

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dia tidak faham langsung mengenai dengan law of comparative advantage. Dia kata memang ada di Singapura, itu memang law of comparative advantage. Kalau kita boleh mendapatkan khidmat daripada Singapura dengan lebih murah pada satu-satu jangka masa, maka mengapa tidak kita dapatkan khidmat dari Singapura? Itulah law of comparative advantage.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang kerana kita pun kesuntukan masa (*Disampuk*). . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak bincang hal itu, saya boleh berjam-jam pun boleh. Adakah Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan saya membincangkan hal yang dibangkitkan oleh Padang Terap tadi untuk berjam-jam?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau hendak berucap berjam-jam lamanya, saya terpaksa menghadkan tempoh.

Dr Tan Seng Giaw: Tengok, macam mana. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat...

Dr Tan Seng Giaw: Tengok macam mana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada Rang Undang-undang.

Dr Tan Seng Giaw: Saya balik kepada Rang Undang-undang. Baik, saya memang mematuhi kepada peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu kekurangan lagi kerana dia tidak suka dengan perkataan "lembab". Dia suka kepada kekurangan dan kelemahan, kesusialan. Kekurangan profesionalisme di industri perkapalan adalah ketara, profesional-profesional Maritim di dalam sektor ini. Ini termasuklah insurans untuk perkapalan. Apakah langkah yang positif yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki kelemahan seperti ini, kelemahan profesionalisme terutamanya di dalam industri, misalnya di dalam cabotage policy. Jadi, comparative advantage pun telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Adakah dia tahu walaupun insentif-insentif kononnya diberi kepada industri perkapalan di Malaysia ini, tetapi pemilik-pemilik kapal atau ship owners, mereka lebih suka pergi ke negara-negara seperti Singapura dan Hongkong untuk melabur di dalam industri perkapalan di situ, comparative advantage.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Saya ingin tahu siapa yang pergi melabur kepada industri perkapalan? Jadi, dia ini tahu tangkap dalam kelam. Siapa yang pergi melabur? Yang berlaku sekarang ialah pengusaha-pengusaha perkapalan di Malaysia lebih suka pergi kepada

facilities yang ada berdekatan dengan kita. Macam misalnya di sebelah Utara Tanahair Semenanjung, mereka suka pergi ke Thailand untuk mendapatkan perkhidmatan dry-dock dan lain-lain lagi. Jadi, itulah yang dimaksudkan dengan law of comparative advantage. Dia pergi ke situ disebabkan oleh harga ataupun kosnya lebih rendah dan lebih murah daripada apa yang didapati di negara ini. Itu yang dimaksudkan law of comparative advantage. Advantage ada pada negara-negara yang berdekatan. Jadi, di dalam sistem ekonomi bebas ini kita boleh pilih, dan pemilihan itu dibuat atas kos di atas asas kos. Jadi, Yang Berhormat dari Kepong ini dia kurang faham mengenai dengan prinsip-prinsip ekonomi asas, fundamental economic principle, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun, ada sebahagian hujah-hujah itu betul juga kerana law of comparative advantage memang di dalam free enterprise, kita tidak boleh halangkan. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan Malaysialah disadvantagenya. Kalau disadvantage, apakah langkah yang boleh diambil oleh kita untuk membetulkan disadvantage ini? Itulah soalan yang perlu ditanya terutamanya dari Yang Berhormat dari Padang Terap.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan Malaysia disadvantage. Ini adakah kalau ada facility yang berdekatan dengan Malaysia yang boleh didapati dengan harga yang murah, mengapa perlu kita buat lagi facility. Duit yang kita ada, yang disuruh labur ke dalam ini, kita boleh labur di tempat lain, kita labur dalam sektor lain. Kalau facility itu ada, kita gunakan facility yang ada. Mengapa harus kata Malaysia disadvantage. Kita bukan hendak adakan dry dock sematamata hendak mengadakan dry dock. Jikalau kapisiti di sekeliling kita mencukupi, mengapa harus kita adakan dry dock. Inilah yang dimaksudkan

dengan comparative advantage, tidak perlu buat dry dock, kalau facility di Selatan Thailand ada, di Singapura ada, di Sumatra ada, tidak perlu. Kalau Yang Berhormat hendak buat dry dock di Kepong, untuk buat dry dock di Kepong bolehlah sebagai disadvantage. Malaysia is not at a disadvantaged situation regarding dry dock, dengan izin.

Dr Tan Seng Giaw: Walau bagaimanapun, ada pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan 3 dry dock lagi. Dia kata tidak perlu, tetapi ada pengumuman untuk menambahkan lagi. (*Ketawa*)

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal itu yang kita bincangkan. Kita bincangkan mengenai keadaan sekarang. Dari segi long-term planning kita mesti ada, tetapi apa yang dipertikaikan tadi ialah masalah penggunaan sekarang. Itu yang dipertikaikan yang dimaksudkan dengan law of comparative advantage. Mungkin kita perlu ada 3 dry dock lagi dengan projection untuk permintaan masa depan, bukan sekarang.

Yang saya bangkit, yang saya pertikaikan ucapan Yang Berhormat tadi sebab Yang Berhormat menuduh Kerajaan lembab. Itu sahaja. Yang sebenarnya Kerajaan tidak lembab, Kerajaan mengikut projection-projection, kehendak; demand projection. Jadi jangan lari daripada apa yang kita pertikaikan ini ialah statement yang mengatakan Kerajaan ini lembab tadi. Kita perlu ada dry dock tetapi mungkin tidak sekarang.

Soal Yang Berhormat bangkit mengatakan bahawa Kerajaan lembab tadi itu yang saya pertikaikan.

Dr Tan Seng Giaw: Infrastruktur, saya kata. Bukan sahaja dry dock, infrastruktur, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau sesiapa hendak minta penjelasan, terus kepada soalan. Jangan buat ucapan yang panjang-panjang.

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak teruskan. Kalau hendak ikut ucapan saya panjang lebar sangat. Tetapi maklumlah kita boleh memendekkan perkara ini, yang maksud sayanya ialah usaha-usaha hendak diambil untuk mempertingkatkan kelemahan di dalam infrastruktur. Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap dia kira sekarang kita tidak perlu dry dock. Untuk masa depan kita perlu, itu pandangan dia. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, untuk merangsangkan, untuk menggalakkan industri perkapalan adakah Kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi pioneer status kepada perkapalan tempatan sekiranya mereka menggunakan kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia melalui pelabuhan-pelabuhan tempatan. Memang ini dibangkitkan bagi mendorong industri perkapalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, amalan untuk memberi pioneer status, dengan izin, kepada perkapalan tempatannya telah dilakukan di Korea dan Taiwan. Kerana pelaburan di dalam industri perkapalan ini memang memerlukan wang yang banyak dengan risiko yang lebih tinggi. Risiko yang tinggi, pelaburan yang besar sebab itulah di Korea dan di Taiwan mereka memberi pioneer status kepada pengusaha-pengusahanya. Walau bagaimanapun, saya pun tidak tahulah sama ada di Malaysia kita mempunyai kemampuan untuk memberi pioneer status kepada industri perkapalan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai konvensi-konvensi pencemaran laut, saya mengalu-alukan langkah mencegah pencemaran di lautan. Memang satu perkara yang mungkin digemari oleh Yang Berhormat dari Padang Terap juga - mungkin. Kerana malam ini dia tunjukkan persediaannya untuk. . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini lari daripada tajuk yang dibincangkan. Merepeklah, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Biar saya buat keputusan dulu, Yang Berhormat Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya belum buat ruling, saya belum buat keputusan lagi. Yang Berhormat dinasihatkan menyentuh apa sahaja yang relevant dan jangan cuba hubung-kaitkan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Itu tidak ada kena-mengena. Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah diputuskan lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gerik tadi meleter. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, terus kepada apa yang hendak dibincangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Yang saya sebutkan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ini kata dua kali, tahu!

Dr Tan Seng Giaw: Masalah pencemaran. . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, yang saya bangkitkan tadi point of order.

Dr Tan Seng Giaw: Pencemaran-pencemaran memang termasuk di dalam Rang Undang-undang ini. 36 (1) tidak boleh dipakai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, terus kepada apa yang hendak dibincangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Pencemaran memang penting. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi jangan hubungkan dengan Gerik dan Padang Terap.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, point of order 35 (7). Saya hendak minta ruling dari Tuan Yang di-Pertua sama ada Tuan Yang di-Pertua mahu menggunakan 35 (7) iaitu kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk menyekatkan masa bagi seseorang bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpalang kepada saya. Yang Berhormat teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat tadi menyebutkan 35 (7). Tidak patutlah dibangkitkan hal seperti itu kerana saya seorang tunggal yang hendak bincangkan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak sentuh soal pencemaran atau

hendak jawab apa yang dibangkitkan tadi. Ini saya beri pilihan.

Dr Tan Seng Giaw: Saya hendak sentuh mengenai super tanker. Hendak sentuh mengenai kapal Norwegian bernama "Mount Happy Giant" yang mencemarkan laut Malaysia terutamanya laut di Johor. Mungkin salah satu sebab yang memerlukan Kerajaan mengambil langkah untuk memasukkan konvensi-konvensi antarabangsa untuk mencegah daripada berlakunya pencemaran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kabut, debu dan darah perang Teluk ada pencemaran minyak mentah ke atas laut dan pencemaran ini adalah sangat serius sehingga. . . .

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Point of order 36 (1). Apa sangkut-paut perang Teluk dengan Rang Undang-undang yang kita bincangkan hari ini?

Dr Tan Seng Giaw: Memang, memang ada sangkut-paut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri membangkitkan point of order, sila duduk. Jadi, Yang Berhormat, sila teruskan tetapi jangan bawa contoh-contoh yang tidak ada hubungan-kait secara langsung sebab kita memang menghadapi masalah kesuntukan masa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kena-mengena kerana itu pencemaran maritim. Itu tidak boleh dielakkan kerana itu contoh yang paling ketara. Itupun dipersetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Memang Yang Berhormat boleh bangkitkan. Tetapi secara sepintas lalu sahaja, bukan secara spesifik.

Dr Tan Seng Giaw: Memang sepintas lalu. Bila saya sebutkan itu perang Teluk ada satu Ahli dari Gerik yang bangun dengan 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu adalah hak dia.

Dr Tan Seng Giaw: Satu perkataan sahaja saya sebutkan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan buat cerita. Sila teruskan. Kalau tidak saya terpaksa memberhentikan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Sehingga ada guruh-gemuruh, halilintar dan petir menunjukkan Tuhan marah. (*Ketawa*)

Dato' Mohd. Rosli bin Mohd. Ghazali: Apa sangkut-paut halilintar dan petir dengan Bil yang kita bincangkan ini. 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau macam itu saya terpaksa memberhentikan ucapan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Saya banyak lagi hendak bincang, Tuan Yang di-Pertua.

7.40 mlm.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya

mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai perbekalan-perbekalan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah menolong menjawab sebahagian daripada soalan-soalan Yang Berhormat dari Kepong.

Ahli Yang Berhormat ada masanya memang terkeluar daripada Rang Undang-undang ini. Ini adalah pindaan iaitu menambahkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan supaya penguatkuasaan, pelaksanaan, latihan, undang-undang dan sebagainya dapat kita laksanakan dan juga dapat meratifikasi dan menggunakan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang telah saya sebutkan tadi. Ia tidak ada kena-mengena dengan kontena dari Thailand pergi ke tempat lain. Itu semua tak ada kena-mengena dalam Rang Undang-undang ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya tak beri jalan, Yang Berhormat sudah bercakap panjang, berilah saya peluang untuk menjawab.

Memang hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini negara maritim untuk meningkatkan, memajukan dan memperkembangkan industri maritim yang ada di negara kita ini. Oleh kerana kita dapati ada sedikit kekurangan di dalam Ordinan Perkapalan yang kita gunakan, kita pun membuat pindaan-pindaan, menambahkan peruntukan-peruntukan yang diperlukan dan Yang Berhormat itu terus-terus menuduh tadi. Katanya hendak adakan Akta Perkapalan Saudagar, selepas itu tak ada pula. Ini saya sudah sebut semasa saya membentangkan tadi iaitu kita sedang

memproses Akta Perkapalan Saudagar untuk mengadakan satu akta yang begitu lengkap sekali meliputi segala aspek dan ada beberapa perkara mungkin Yang Berhormat sebutkan tadi pun kita akan ambil kira. Jadi, Yang Berhormat jangan susah hati.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang mengatakan pindaan ini tepat pada masanya. Yang sebenarnya, walaupun di antara Ordinan-ordinan Perkapalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, ada perbezaan tetapi dalam administrative, pelaksanaan kerja-kerja dan tugas-tugas, semuanya diselaraskan. Jadi, Yang Berhormat janganlah susah hati.

Memang kita berusaha untuk mewujudkan lebih ramai lagi efficient seamen, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang ada mengadakan kemudahan-kemudahan latihan iaitu kita ada Akademi Laut di Melaka (ALAM), kita juga ada Politeknik Ungku Omar yang melatih Kejuruteraan Marin. Universiti Teknologi Malaysia juga mempunyai kursus-kursus melatih Kejuruteraan Marin. Jadi, kalau Yang Berhormat katakan kita tak ada kelengkapan, tak ada persediaan, tak tepatlah itu. Yang lain-lainnya, mereka yang kita perlukan supaya dilatih lebih tinggi daripada kemudahan latihan yang ada di negara kita, kita hantarlah mereka ke luar negeri. Tetapi Yang Berhormat juga harus faham bahawa kita tidak dapat melahirkan seorang professional foreign going master, dengan izin, dalam tempoh dua-tiga tahun. Ini satu profesyen yang memakan masa berbelas-berpuluh tahun baru berlatih baru dia boleh sampai ke tahap foreign going master. Jadi, janganlah harapkan dalam tempoh dua-tiga tahun. Negara kita Malaysia ini boleh dikatakan negara yang muda dalam usaha-usaha ini, jadi janganlah expect too much, dengan izin, walaupun kita ada usaha-usaha melaksanakan kerja-kerja ini seperti yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi juga mengatakan bahawa di ASEAN ini memang kurang seamen, sebenarnya mereka ini kalau hendak dikatakan kurang sangat, tidak benar. Cuma mereka kadang-kadang suka bekerja di sana, di sini, bekerja di satu-satu kapal sekejap, selepas itu dia tukar ke tempat lain. Memang itulah cara mereka bekerja dan kita cubalah membetulkan keadaan ini dengan memberikan insentif-insentif seperti Yang Berhormat sendiri pun sudah tahu, sudah sebutkan tadi iaitu cukai pendapatan dikecualikan kepada pengusaha dan juga kepada anak-anak kapal, cabotage policy kita, yang mana melalui cabotage policy yang telah kita laksanakan mulai tahun 1980 kita dapati bahawa 75% daripada kapal-kapal yang berlayar adalah kapal-kapal yang dipunyai oleh warganegara Malaysia. Di bawah cabotage policy juga kita menentukan supaya anak-anak kapalpun tidak kurang daripada 70% adalah mesti terdiri daripada warganegara Malaysia. Jadi, dengan cara itu seperti saya katakan tadi seamen ini suka bertukar-tukar kapal. Jadi, kadang-kadang susah bagi satu-satu majikan itu to maintain, dengan izin, mereka ini. Dari segi latihan, saya sudah jawab.

Memang pihak swasta nampaknya bertambah giat melaksanakan ataupun memasuki bidang industri perkapalan. Memang ada beberapa pihak dari Jepun, dari Korea sebenarnya yang ingin melibatkan diri dalam dry-dock, seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi tak cukup. Kita ada tak kurang dari dry-dock di negara kita ini dan mungkin akan diwujudkan mengikut keperluan. Kalau kita ada dry-dock tetapi dry-dock itu kosong sahaja, tak ada apa hendak digunakan pun tak elok juga. Nanti Yang Berhormat dapat tahu, Yang Berhormat kata itulah Kerajaan Barisan Nasional buat satu projek tak digunakan, white elephant dan sebagainya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menggalakkan lagi sektor swasta supaya bergiat dalam aktiviti industri perkapalan ini saya berharap juga Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen, apabila berjumpa orang ramai, ceritalah sedikit mengenai industri perkapalan, peluang-peluang yang ada, yang boleh mereka dapat daripada kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan melalui agensi-agensi kita. Janganlah Yang Berhormat beritahu orang ramai, memburukkan Kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Mengenai berapa kapal yang telah dilesenkan, yang didaftarkan sekarang ini, saya minta maaf kerana saya tidak ada angka yang tepat benar sekarang ini sebab saya tidak ada bawa pendaftaran berkenaan.

Yang Berhormat juga mengatakan tak cukup keperluan kewangan, tak ada financial support, infrastruktur tak cukup. Yang Berhormat, kita ada perancangan dari satu rancangan ke satu rancangan iaitu Rancangan Malaysia Pertama, Kedua sampai Kelima dan kita sudah masuk ke Rancangan Malaysia Keenam. Dan dalam rancangan pelabuhan-pelabuhan kita, semuanya mempunyai rancangan peningkatan kemudahan-kemudahan yang ada di pelabuhan-pelabuhan tersebut. Lembaga Pelabuhan Johor misalnya hendak buat satu port baru. Lembaga Pelabuhan Kelang juga akan mengadakan empat fasa lagi, peningkatan kemudahan-kemudahan di Pelabuhan Kelang. Pelabuhan Kecil Langkawi juga ada rancangan meningkatkan segala kemudahan-kemudahannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini.

Jeti Kuah misalnya dibuat dalam masa yang begitu singkat sekali untuk keperluan pelancongan. Jadi, begitu juga Lumut dan Pulau Pangkor. Ini semuanya sedang dilaksanakan dan banyak lagi jeti-jeti misalnya di Pulau Tioman, semua sedang kita laksanakan untuk kemudahan perkapalan, untuk kemudahan pelancongan. Janganlah Yang Berhormat katakan pula tak cukup

financial support dan sebagainya. Kalau hendak dapat sokongan daripada bank, itu urusan pihak swasta sendirilah. Apabila mereka hendak buat kapal, mereka kenalah cari sokongan daripada pihak bank. Bagi pihak Kerajaan sendiri telah menyediakan kemudahan melalui Bank Perusahaan supaya mereka boleh berjumpa dengan pihak Bank Perusahaan dan mendapatkan sokongan "financial support" untuk membina kapal misalnya.

Satu cara kita tidak menggalakkan rakyat Malaysia membuat kapal di negara lain, supaya membuat kapal di negara kita ialah kita akan kenakan cukai. Apabila kapal itu dibina di negara lain, dibawa masuk ke negara kita, kita kenakan cukai. Semacam kita beli kereta baru di negara lain, kita bawa masuk, Kerajaan kenakan cukai. Kita buat macam itu. Jadi, kalau kapal-kapal itu dibuat di limbungan-limbungan yang ada di negara kita, kita tidak kenakan cukai. Itu sebagai satu insentif.

Saya tak nampak apa dia perkara yang Yang Berhormat menyuruh membaiki kelemahan dalam cabotage policy. Yang Berhormat pun tidak elaborate tadi. Saya pun tak nampak apa-apa kelemahan dalam cabotage policy kerana cabotage policy itu ialah untuk menentukan bahawa kapal-kapal yang menggunakan bendera Malaysia, iaitu didaftarkan di Malaysia, mesti ada percentage tertentu, mengenai seaman, pekerja-pekerja, kapten dan sebagainya supaya mereka ini adalah terdiri daripada warganegara Malaysia. Saya tak hendak cerita fasal comparative advantage tadi kerana ianya sudah pun dibincangkan antara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Mengenai pencemaran, memang kita dapati pencemaran berlaku di perairan dan adalah agak sukar sedikit disebabkan dalam peruntukan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 tidak ada peruntukan yang khusus yang membolehkan penguatkuasaan dibuat oleh Jabatan Laut. Bermakna Jabatan

Laut tidak boleh ambil tindakan dan kalau misalnya ada kapal melanggar pun, ia tak boleh mengarah kapal hendak pergi ke mana, hendak diletak di mana dan apa hendak buat kalau kapal tenggelam dan hendak destroy kapal pun tak boleh. Peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 tidak ada. Sebab itu kita adakan peruntukan sekarang ini supaya Jabatan Laut berkuasa dan bersama-sama dengan Pengarah Alam Sekitar, Pengarah Jabatan Laut boleh melaksanakan kerja-kerja tadi itu untuk membanteras ataupun memusnahkan kapal-kapal itu supaya pencemaran daripada kejadian kemalangan di laut itu tidak berlaku. Begitu juga mengenai pencemaran. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak bincangkan dengan panjang lebar mengenai "Happy Giant Super Tanker" yang telahpun melanggar, Undang-undang antarabangsa dan juga mencemarkan dengan dislodge minyak di perairan di Johor dan nampaknya banyak masalah dan banyak kekaburan mengenai kejadian Happy Giant yang membersihkan tangki-tangki minyak itu di perairan Malaysia itu. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana perkara seperti itu boleh dibenarkan berlaku selain tidak ada cukup Undang-undang untuk mencegahnya. Saya diberhentikan tadi sebelum saya memanjang lebarkan perbincangan ke atas tajuk itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu pun kerana cerita "guruh" tadi.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi Jabatan Laut di

bawah Ordinan ini memang kita tidak boleh hendak ambil tindakan. Di bawah Akta Alam Sekitar, mereka ini boleh diambil tindakan, tetapi masalahnya, di perairan antara Johor dengan Singapura itu ada 'overlap', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perairan. Jadi, untuk mengambil tindakan penguatkuasaan pun agak sukar kerana ada perbalahan di antara air ini dengan orang ini seperti perairan orang ini dan perairan orang itu. Sebab itu, bila kita adakan peruntukan seperti yang saya kata tadi, yang ini dalam penguatkuasaan Jabatan Laut boleh. Kalau Jabatan Laut kata ini perairan kita, ini ada Undang-undang kita, kita boleh naik kapal itu, kita boleh ambil tindakan dan kita boleh suruh kapal itu pergi ke mana yang kita suka untuk kita ambil tindakan. Kalau kapal itu tenggelam, kalau kita hendak musnahkannya pun kita boleh musnahkan. Inilah dia yang kita minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua meluluskan pindaan Rang Undang-undang ini. Kabut, debu, darah dan perang Teluk itu semua tidak ada kena-mengena sebab semuanya ialah contoh sahaja yang Yang Berhormat hendak beri tadi. Saya rasa saya sudah meliputi hampir seluruh perkara Yang Berhormat timbulkan dalam perbincangan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.57 mlm.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dibuat melalui Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan peruntukan Undang-undang yang lebih lengkap dan kemas mengenai pengawalan dan pengawasan ke atas syarikat-syarikat insurans di negara ini. Peruntukan Undang-undang yang dicadangkan ini akan membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan ke atas syarikat-syarikat insurans yang bermasalah demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi, pemiutang-pemiutang dan orang ramai secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawasi industri insurans mendapati bahawa kebanyakan syarikat insurans pada masa ini menghadapi masalah kewangan yang berpunca daripada kelemahan pengurusan dan juga tindakan tidak bertanggungjawab yang bermotifkan

kepentingan diri sendiri oleh Pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai syarikat insurans yang berkenaan.

Ada di antara syarikat itu menghadapi masalah yang sangat serius dan boleh menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang polisi, pemiutang-pemiutang dan orang awam keseluruhannya. Keadaan ini perlu dibentung dengan segera bagi mengekalkan keyakinan orang ramai ke atas industri insurans dan sistem kewangan negara.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah tegas ke atas syarikat-syarikat insurans yang bermasalah kerana ia hanya memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans untuk mengeluarkan arahan-arahan yang difikirkan perlu sahaja. Ini termasuk arahan supaya syarikat insurans berkenaan melantik pegawai-pegawai pengurusan atau, dengan izin, management personnel yang lebih berkemampuan dan mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan balik jumlah wang yang pada pendapat Ketua Pengarah Insurans telah dibayar dengan cara tidak sah atau tidak mengikut peraturan.

Tindakan-tindakan dengan cara mengeluarkan arahan itu dirasakan kurang berkesan kerana syarikat-syarikat insurans boleh melengah-lengahkan pelaksanaan arahan yang diberi kepada mereka. Dalam kes perlantikan pegawai-pegawai pengurusan baru misalnya, kelewatan dalam membuat perlantikan itu akan membolehkan pihak pengurusan yang sedia ada terus melakukan tindakan-tindakan yang boleh memburukkan lagi masalah dalam syarikat-syarikat insurans berkenaan khususnya ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) pelepasan yang tidak sah (fraudulent) ke atas aset-aset syarikat;

- (ii) kemusnahan dokumen-dokumen penting;
- (iii) bayaran kepada pemiutang mengikut sesuka hati, dan
- (ix) pengeluaran nota-nota perlindungan yang berleluasa dan pembelakangan tarikh nota-nota tersebut.

Di samping itu, hukuman yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat insurans yang didapati bersalah kerana gagal mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan ke atas mereka adalah agak ringan di mana mereka hanya boleh dikenakan denda tidak melebihi \$20,000 ataupun penjara untuk tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua denda dan penjara serta denda harian sebanyak \$4,000 untuk setiap hari kesalahan berlanjutan setelah dihukum bersalah oleh mahkamah.

Sungguhpun peruntukan undang-undang yang sedia ada juga membenarkan Ketua Pengarah Insurans menggulung syarikat-syarikat insurans yang didapati tidak solven tetapi tindakan menggulung itu, setakat yang boleh, perlu dielakkan kerana ia boleh menimbulkan berbagai masalah dan implikasi khususnya ke atas pemegang-pemegang polisinya kerana dalam proses penggulangan sesebuah syarikat insurans, semua polisi yang berkuatkuasa akan ditamatkan. Dengan demikian ia boleh menimbulkan masalah-masalah seperti berikut:

- (1) Kebanyakan pemegang-pemegang polisi mungkin tidak akan mengambil perlindungan baru daripada syarikat-syarikat insurans lain, memandangkan mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih terutama sekali sekiranya mereka baharu sahaja mendapatkan polisi dengan syarikat berkenaan. Sungguhpun mereka mungkin boleh mendapat

bayaran balik daripada syarikat insurans berkenaan selepas syarikat itu digulung, tetapi ini mungkin memakan masa di antara tiga hingga empat tahun dan jumlahnya mungkin terlalu kecil.

- (2) Dalam kes pemegang polisi untuk kenderaan, mereka mungkin akan memilih untuk tidak mendapatkan perlindungan insurans yang baru kerana mereka sudahpun memperbaharui cukai jalan masing-masing. Memandu tanpa perlindungan polisi insurans adalah satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Ini juga akan menjadi masalah yang besar sekiranya kenderaan pemegang polisi yang tidak mempunyai perlindungan insurans terlibat dalam kemalangan kerana tidak ada pihak yang akan membelanya sekiranya pihak ketiga menuntut ganti rugi di mahkamah.
- (3) Pembatalan polisi-polisi insurans yang masih berkuatkuasa akan mengakibatkan orang awam hilang keyakinan terhadap syarikat-syarikat insurans dan sistem kewangan keseluruhannya.

Memandangkan tindakan penggulangan sesebuah syarikat insurans boleh menimbulkan implikasi yang tidak diingini, maka tindakan-tindakan ini hendaklah menjadi tindakan terakhir sahaja atau dengan izin, last resort. Dan pihak berkuasa setakat yang boleh perlu mengambil langkah-langkah tegas untuk memulihkan prestasi dan operasi perniagaan syarikat insurans yang bermasalah itu dengan melantik pengurusan baru dan menyusun semula strukturnya. Dengan sebab itu peruntukan undang-undang yang lebih

kemas dan lengkap perlu diwujudkan bagi membolehkan Ketua Pengarah insurans mengambil tindakan secara terus ke atas syarikat-syarikat insurans berkenaan dan bukan setakat mengeluarkan arahan-arahan sahaja.

Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini pada amnya adalah sama seperti peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 10 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah untuk menggantikan seksyen 28 Akta insurans 1963 dan seterusnya memperkenalkan seksyen-seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G serta pindaan-pindaan berbangkit atau dengan izin, consequential ke atas seksyen-seksyen 30 dan 35 Akta tersebut. Secara amnya pindaan-pindaan itu adalah sebagaimana berikut:

Fasal 1 adalah untuk memasukkan ke dalam seksyen 1A, satu tafsiran bagi perkataan "employee" dalam hubungan dengan seseorang penanggung insurans atau dengan izin, insurer. Dan tafsiran ini adalah meliputi pengarah urusan, ketua eksekutif dan pegawai utama bagi seseorang penanggung insurans. Tafsiran baru ini adalah relevant dan akan terpakai bagi kegunaan perkataan "employee" dalam seksyen-seksyen baru 28A dan 28C yang adalah dicadangkan untuk dikemukakan ke dalam Akta ibu oleh Rang Undang-undang ini.

Fasal 3 adalah untuk menggantikan seksyen 28 Akta ibu dengan suatu seksyen yang mengenakan obligasi ke atas penanggung insurans yang menganggap bahawa ia adalah tidak solven atau mungkin akan menjadi tidak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya supaya

memaklumkan dengan segera kepada Ketua Pengarah Insurans akan hakikat itu.

Fasal 4 memperkenalkan seksyen-seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G ke dalam Akta ibu.

Seksyen 28A memperuntukkan kuasa-kuasa kepada Ketua Pengarah insurans untuk mengambil langkah-langkah tertentu ke atas syarikat-syarikat insurans yang tidak solvent atau yang mungkin tidak berupaya untuk menunaikan kesemua atau mana-mana obligasinya. Ini termasuklah kuasa untuk melantik pekerja-pekerja atau pengarah-pengarah baru kepada penanggung insurans berkenaan dan memecat mana-mana pekerja atau pengarah yang didapati menyeleweng atau tidak berkebolehan.

Bagaimanapun, kuasa-kuasa Ketua Pengarah Insurans ini hanya boleh dijalankan dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Menteri dan mereka yang akan diberhentikan daripada jawatannya akan diberi peluang yang munasabah untuk membuat representasi terhadap cadangan untuk memberhentikannya.

Ketua Pengarah Insurans juga akan diberi kuasa untuk mengesyorkan kepada Menteri bagi membuat sesuatu perintah yang disiarkan di dalam *Warta* yang membolehkan Ketua Pengarah Insurans mengambilalih kawalan kesemua atau apa-apa bahagian harta perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans yang bermasalah.

Seksyen baru 28B membuat peruntukan mengenai syarat-syarat perlantikan pekerja dan pengarah yang dibuat oleh Ketua Pengarah Insurans di bawah seksyen 28A. Jangkamasa bagi perlantikan seseorang adalah tidak melebihi dua tahun tetapi perlantikan semula boleh dibuat bagi tiga tempoh selanjutnya yang berturut-turut tetapi

tidak melebihi satu tahun bagi setiap satu tempoh. Ketua Pengarah Insurans juga boleh membatalkan perlintangan seseorang itu pada bila-bila masa.

Seksyen baru 28c menjelaskan mengenai kedudukan pekerja atau pengarah yang diberhentikan daripada pekerjaan atau jawatannya di bawah seksyen 28A, di mana selepas diberhentikan mereka tidak boleh diambil bekerja atau memegang apa-apa juaupun jawatan atau memberi perkhidmatan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam apa-apa aktiviti penanggung insurans berkenaan.

Seksyen baru 28D mengenakan obligasi ke atas pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah penanggung insurans yang diambilalih kawalannya oleh Ketua Pengarah Insurans supaya mengemukakan harta perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans berkenaan kepada pihak yang mengambilalih kawalan dan mengadakan apa-apa kemudahan yang mungkin dikehendaki bagi menjalankan perniagaan dan hal-ehwal penanggung insurans itu.

Seksyen baru 28E memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Insurans atau orang yang dilantik olehnya untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan suatu perintah bagi mengurangkan modal syer penanggung insurans itu dengan membatalkan apa-apa bahagian modal berbayarnya yang telah kerugian atau tidak digambarkan oleh aset-aset yang ada.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Seksyen baru 28F memberi kuasa kepada Menteri atas syor Ketua Pengarah Insurans untuk mengeluarkan perintah bagi melarang penanggung insurans daripada menjalankan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaannya atau melarang penanggung insurans daripada melakukan atau

melaksanakan apa-apa perbuatan atau fungsi yang berkaitan dengan kesemua atau mana-mana bahagian perniagaannya jika tindakan itu difikirkan perlu demi menjaga kepentingan pemegang-pemegang polisi. Bagaimanapun dalam kes ini penanggung insurans berkenaan akan diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi-representasi mengenainya.

Seksyen baru 28G memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 28, 28A dan 28F. Penalti yang diperuntukan ialah penjara selama 5 tahun atau denda sebanyak \$5 juta atau kedua-duanya dan tambahan denda harian sebanyak \$5 ribu ringgit bagi tiap-tiap kesalahan yang dilakukan secara berterusan.

Fasal 5 dan Fasal 6 adalah untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada seksyen-seksyen 30 dan 35 bagi mensesuaikannya dengan pindaan ke atas Seksyen 28.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dijelaskan tadi peruntukan undang-undang yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya sama dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 iaitu berkaitan dengan kuasa-kuasa pengawalan dan pengawasan Gabenor Bank Negara ke atas insituti-institusi kewangan berlesen. Memandangkan syarikat-syarikat insurans juga adalah tergulung dalam kategori institusi-institusi kewangan yang memberi perkhidmatan kepada orang awam maka peruntukan undang-undang ini dirasakan perlu dan penting bagi membendung jenayah kolar putih dalam industri insurans dan juga bagi menjaga kepentingan awam.

Dengan pindaan-pindaan ini pengawalan dan pengawasan ke atas industri insurans akan dapat dijalankan dengan

lebih licin dan berkesan oleh Ketua Pengarah Insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1963 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

8.13 *mlm.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun hendak balik ke rumah kerana menjelang Tahun Baru. Walau bagaimanapun, saya nampak tidak ada seorang pun yang berminat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, maka saya terpaksa berdiri.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Rang Undang-undang ini adalah satu langkah untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan di Syarikat-syarikat Insurans. Di Malaysia sekarang ada 60 buah syarikat insurans dan sebahagiannya tidak mempunyai solvency. Matlamat Rang Undang-undang ini ialah untuk menyelesaikan masalah solvency yang kena-mengena dengan insurans yang merupakan satu bidang yang penting bagi sistem kewangan di Malaysia ini yang setakat ini tidak memainkan peranan yang positif kalau kita lihat dari segi penyelewengan yang berlaku di dalam syarikat-syarikat insurans.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara telah membuat satu kenyataan pada 30hb Mac tahun ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah

kenyataan yang dikeluarkan oleh Gabenor Bank Negara yang mengatakan bahawa "relevant regulatory provisions similar to that found in Banking and Financial Institution Acts will be incorporated in the new Insurance Act which is expected to be tabled in Parliament".

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Gabenor Bank Negara ialah untuk mengadakan satu undang-undang yang baru dan bukan setakat meminda Akta Insurans 1963. Saya pun hairan juga mengapa pada hari ini satu pindaan sahaja dikemukakan. Mungkin ini adalah salah satu langkah yang pertama untuk memperketatkan undang-undang dan untuk mengawalselia industri insurans. Walau bagaimanapun, yang dimaksudkan oleh Bank Negara untuk menyelesaikan masalah syarikat insurans ini ialah dengan mengambil langkah-langkah yang lebih ketat daripada apa yang dibentangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya mengalu-alukan beberapa langkah yang diadakan untuk mengendalikannya masalah syarikat-syarikat insurans yang setakat ini setengah-setengahnya begitu lemah untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang hendak saya bangkitkan ialah saya diberitahu bahawa sekurang-kurangnya 15 buah bank dan syarikat kewangan yang sudah memegang atau memperolehi komisyen untuk polisi-polisi insurans yang dijual melalui broker dan ejen untuk peminjam-peminjam. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan perkara ini? Kerana kalau perkara ini berlaku mengapa pihak insurans masih menghadapi masalah-masalah insolvency, kalau ada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang terlibat. Kalau itu berlaku memang huge revenue, dengan izin, yang dapat menarik bank-bank ke industri itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu aduan mengenai setengah-setengah bank perniagaan (commercial bank) yang berusaha untuk menceburkan diri di dalam industri ini sehingga menjejaskan syarikat-syarikat insurans yang tulen. Apakah peranan bank-bank komersial ini setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam industri insurans? Semasa kita hendak mengetatkan undang-undang ke atas syarikat-syarikat insurans mengapa peranan bank-bank komersial ini menceroahi bidang insurans berlaku. Saya tidak tahu setakat mana perkara ini berlaku, tetapi itulah aduan yang diterima mengenai aktiviti-aktiviti 15 buah bank dan syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi mengenai 60 buah institusi insurans, dan sekarang ini dengan diluluskan Rang Undang-undang ini, mereka memang hendak menceburkan lebih banyak premium di dalam reserve dan juga di dalam masalah insolvency ini. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan iaitu di dalam 60 buah syarikat insurans ini, adakah kepentingan-kepentingan itu dipegang oleh bank-bank dan institusi kewangan? Ini adalah penting, sebab saya tidak tahu rangkaian-rangkaian kerumitan di dalam bidang insurans dan juga bidang kewangan di negara ini dan institusi kewangan juga tidak jauh bezanya daripada prestasi syarikat-syarikat insurans.

Pada satu ketika pun ada institusi-institusi kewangan tertentu yang mengalami masalah yang lebih dahsyat, yang lebih teruk, lebih besar daripada syarikat-syarikat insurans dan perlulah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bilangan syarikat insurans ini yang kena-mengena dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan pada beberapa tahun kebelakangan ini, saya sentiasa menekankan bahawa perlunya wujud

satu Suruhanjaya Insurans bagi negara ini kerana pada pendapat saya, pihak Bank Negara tidak mampu mengendalikan segala-galanya kerana industri bank-bank pun sudah cukup skop dan luasannya bagi Gobenor Bank Negara. Bagaimana dia boleh memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Insurans pula dengan beban yang begitu berat. Patutlah kita wujudkan satu Suruhanjaya Insurans semata-mata untuk mengendalikan hal insurans, untuk mengawalseliakan syarikat-syarikat insurans ini. Tetapi satu cerita baik yang timbul ialah Biro Ombudsman Insurans. Ini satu cerita yang baik, Ombudsman Bureau di Britain (United Kingdom)—Deputy Ombudsman—Lauris Lee telah dipelawa oleh Bank Negara untuk memberi ceramah.

Itu satu perkembangan yang baik dan ada disebutkan oleh Timbalan Gobenor Bank Negara bahawa mereka sedang mempertimbangkan Ombudsman Insurance—Ombudsman mungkin diertikan Suruhanjaya Insurans. Walau bagaimanapun, Ombudsman ini kalau mengikut apa yang diamalkan di United Kingdom ialah memainkan peranan sebagai Suruhanjaya Insurans dan memang kalau Bank Negara berminat untuk mendengar ceramah daripada Timbalan Ombudsman Insurans daripada United Kingdom, ini satu gejala yang baik. Sekurang-kurangnya pihak Bank Negara boleh mempertimbangkan apakah pro dan kontra peranan dan fungsi Ombudsman ini. Walaupun Yang Berhormat dari Gerik nampaknya tidak berminat di dalam perbincangan ini, tetapi walau bagaimanapun, ini adalah penting.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, point of order 36 (1). Saya rasa tidak ada sangkut-paut apa yang kita buat di sini dengan Bil ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya bersetuju tidak bersangkut-paut langsung. Ringkaskanlah kerana ramai hendak pulang untuk berhari Raya Cina dan esok eve pula.

Dr Tan Seng Giaw: Saya pun hendak balik, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tengok dia tidak berminat, dia bisik-bisik, desas-desus di situ sehingga mengatakan, "Yang Berhormat Kepong tidak payah berucap lagilah." (*Ketawa*) Saya nampak dia. Jangan kata saya tidak nampak. Walaupun saya menghadap kepada Yang di-Pertua, tetapi saya nampak juga.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kami tengah puji dia sebab dia bercakap tiap-tiap bil. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Itu Tuhan sahaja yang mengetahui, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi walau bagaimanapun, saya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai Ombudsman dan Suruhanjaya Insurans kerana ini adalah satu konsep yang penting sebab selepas saya ucapkan pada dua tiga tahun yang lepas, memang pada bulan Ogos tahun yang lepas, Timbalan Ombudsman Insurans dipelawa untuk memberi ceramah berkenaan dengan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, saya pun dah faham tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, ada satu cadangan lagi oleh pihak Bank Negara untuk mungkin mengadakan satu bahagian khas untuk memeriksa syarikat-syarikat insurans. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada bahagian pemeriksaan

ini yang dicadangkan oleh Bank Negara sudah ditubuhkan. Kalau sudah ditubuhkan, apakah hasil daripada pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat insurans itu. Adakah benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa 13 buah syarikat insurans ini sedang disiasat oleh pihak Polis kerana ada aduan terhadapnya mengenai penyelewengan yang bersangkut-paut dengan wang sebanyak \$50 juta?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tiap-tiap tahun sehingga tahun 1990 bilangan aduan yang diterima oleh pihak insurans Bank Negara mengenai penyelewengan di dalam insurans, mengenai tuntutan insurans dan sebagainya. Kerana kalau bilangan itu banyak, ini menunjukkan satu bukti lagi kita perlu untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Insurans di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Maka sempurnalah peranan Wakil dari Kepong untuk membahaskan setiap Rang Undang-undang pada hari ini.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pindaan di peringkat sementara. Memang betul bahawa di hadapan kita adalah pindaan-pindaan yang dianggap amat perlu sekali walaupun agak sementara. Bahawa perlu dibuat kajian yang lebih mendalam untuk diganti Rang Undang-undang 1963 supaya dapat mengambilkira perkembangan-perkembangan yang terakhir yang berlaku dalam industri insurans.

Jadi, pindaan sementara yang dikemukakan ini adalah untuk mengizinkan pihak Ketua Pengarah Insurans mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya perkara-perkara yang dianggap masalah dalam industri dapat diatasi seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, tentang hubungan di antara syarikat-syarikat insurans dengan bank-bank perdagangan di dalam negara kita ini, ingin saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kalau ada pun adalah sebagai pemegang saham di antara 5 hingga 6 syarikat insurans dan sekiranya Yang Berhormat dari Kepong membuat andaian lebih daripada itu, maka tidak ada hubungan yang istimewa selain daripada bank-bank mempunyai saham-saham pada tahap yang tertentu dalam syarikat-syarikat insurans yang ada dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kemudahan untuk menerima dan melayan aduan-aduan mengenai amalan-amalan insurans dalam negara kita ini. Pihak Bank Negara menerima segala aduan dan pada tahun 1988 misalnya, ada lebih kurang 2,487 aduan; pada tahun 1990 ada 2,081 aduan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan memperkembangkan lagi kemampuan Ketua Pengarah Insurans untuk melayan segala aduan ini, maka pihak Bank Negara sedang dalam peringkat yang terakhir dalam kajiannya mengenai perkara tersebut dan besar kemungkinan satu badan akan diwujudkan yang mungkin dipanggil Biro Pengantaraan Insurans ataupun Insurance Mediation Bureau yang boleh melayan apa jua aduan dan apa jua perkara yang perlu diselesaikan oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan sama ada kita perlu kepada satu Suruhanjaya Insurans, ingin saya

memaklumkan di sini bahawa pihak Bank Negara barupun mewarisi tanggungjawab ini selama dua tahun dan sudahpun memulakan langkah-langkah yang perlu dibuat untuk mengenal dengan lebih dekat dan mendalam lagi tentang industri insurans ini. Kerajaan mempunyai pendirian untuk meletakkan tanggungjawab ini seterusnya kepada pihak Bank Negara dengan membangunkan kepakaran dan kemampuan di Bank Negara untuk mengawasi perkembangan industri insurans ini. Walaupun sekadar dua tahun maka Bank Negara sudahpun membuat langkah-langkah seperti pindaan Akta ini dan seterusnya apabila lengkap nanti akan merujuk kemungkinan untuk bukan sekadar meminda tetapi untuk mengganti Rang Undang-undang Insurans 1963. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi kemungkinan untuk menuju ke arah Suruhanjaya itu kerana kita masih lagi menggunakan, mengharapkan kemampuan yang sedangpun dibangunkan di Bank Negara untuk mengawasi industri insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Kita harap dengan adanya pindaan yang dibuat dalam Dewan kali ini, maka akan mengizinkan pihak Ketua Pengarah Insurans memelihara kepentingan pemegang-pemegang polisi, memastikan bahawa industri insurans khususnya, dan sektor kewangan amnya, kekal dengan credibilitinya, dengan izin, dan meyakinkan semua pihak melalui tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak yang berkuasa untuk membanteras segala penyelewengan yang sedang berlaku dalam industri insurans ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA PROSEDUR KEWANGAN 1957

Menambah Butiran Baru: 'Kumpulanwang Amanah Pencen'

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) subseksyen (4), seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

'Kumpulanwang Amanah Pencen'

dan pindaan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan seksyen 10 (4) Akta Prosedur Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh

dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah Jadual Kedua Akta tersebut. Dewan ini telahpun meluluskan pada 11hb Februari, 1991, satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan satu Kumpulanwang Amanah Pencen di bawah seksyen 10 (4) Akta Prosedur Kewangan 1957 yang dinamakan Kumpulanwang Amanah Pencen.

Seksyen 3 (1) Rang Undang-undang Kumpulanwang Amanah Pencen ini memperuntukkan supaya Kumpulanwang Amanah Pencen yang hendak ditubuhkan itu mestilah dimasukkan ke dalam Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957. Dengan hal yang demikian, Usul ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Dewan ini bagi memasukkan Kumpulanwang Amanah Pencen tersebut ke dalam Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957 sepertimana yang dikehendaki di bawah seksyen 3(1) Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah perenggan (a) subseksyen (4), seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual

Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baharu seperti berikut:

'Kumpulanwang Amanah Pencen'

dan pindaan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan Majlis, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telahpun memberi segala kerjasama kepada saya dan juga kepada Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua, dan saya berasa amatlah sukacita dengan kerana tugas-tugas kita sekalian telah kita tunaikan dengan baik dan puas hati.

Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Parlimen dan juga kepada kesemua pegawai-pegawai daripada Kementerian-kementerian yang bekerja dengan berdedikasi selama 3 bulan ini bersama-sama dengan kita. Yang sebenarnya kita sangat terhutang budi kepada mereka. (*Tepuk*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang ini mengucapkan kepada rakan-rakan kita dari keturunan orang Cina 'Gong Xi Fa Cai'. (*Tepuk*) Biarlah 'Tahun Kambing' ini akan membawa dan memberi kemakmuran yang berlebih-lebih lagi kepada mereka sekalian.

Sekarang saya tangguhkan mesyuarat pada satu tarikh yang tidak ditetapkan. (*Tepuk*)

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam